




LAPORAN
TAHUNAN
2013
KEMENTERIAN
KERJA RAYA

Ke Arah Kesejahteraan Rakyat



Rasional Kulit

Gambar jambatan yang melunjur maju ke hadapan mewakili setiap projek KKR yang sentiasa ke hadapan dari segi mutu pembinaan, penggunaan teknologi terkini dan kelancaran kerja serta menepati masa yang ditetapkan. Gambar jambatan ini diambil dari sudut bawah bagi menampakkan dengan jelas struktur binaan yang mewakili bahan asas yang penting dalam binaan iaitu konkrit dan cerucuk besi tetapi tersembunyi dan tidak kelihatan. Ini mencerminkan peranan penting KKR kepada pembangunan negara namun peranan ini kurang dihargai umum, kerana ianya tidak langsung dan kesannya adalah dalam jangka masa panjang. Walaupun KKR memberi sumbangan yang besar kepada orang ramai dari segi sosial mahupun ekonomi, tetapi ianya terselindung, sebagaimana peranan konkrit dan cerucuk besi yang tertutup, serta dilupakan dibalik warna sesebuah binaan.

LAPORAN TAHUNAN 2013 KEMENTERIAN KERJA RAYA

Apabila seseorang sedang menikmati perjalanan lancar menuju ke kampung halaman, menyeberangi lautan dengan penuh yakin melalui sebuah jambatan yang canggih, menikmati keselesaan berurusan di pejabat-pejabat kerajaan, di hospital dan sebagainya, jarang sekali orang ramai akan mengaitkan kenikmatan yang dirasai dengan sumbangan KKR. Ini kerana sumbangan KKR adalah terlindung, tidak langsung dan kesannya adalah dalam jangka panjang, tetapi pada hakikatnya **di sebalik** setiap urusan harian anda, sama ada rasmi atau tidak, sedikit sebanyak ada hubung kaitnya dengan sumbangan dari pihak kami. Di sini kami ingin memaparkan sumbangan pihak KKR yang selama ini kurang dikenali dan dihargai.

29
Januari

Lawatan Timbalan Menteri
Kerja Raya ke Lebuhraya SILK



30
April

Majlis Merentasi Jambatan
Pulau Pinang ke-2 oleh PM



21
Februari

Lawatan Kerja Menteri ke
Gua Musang



23
Mei

Majlis Penyerahan Tugas
Menteri Kerja Raya



28
Mac

Malaysian Construction Industry
Excellence Award (MCIEA)



18
Jun

Lawatan Menteri Kerja Raya
& Menteri Pengangkutan
ke lorong motosikal
Lebuhraya Persekutuan



01
JulaiMajlis Menandatangani
Memorandum
Persefahaman ke Arah
Pembenterasan Rasuah17
OktoberSeminar Memperkasakan
Kontraktor Bumiputera01
OgosMajlis Menandatangani
Memorandum
Persefahaman Latihan CIDB21
NovemberInternational Building Control
Conference (IBCC) 2013 Ketiga18
SeptemberMajlis Penyerahan Projek
Institut Kanser Negara,
Putrajaya08
DisemberMajlis Perasmian Jambatan
Persahabatan Malaysia
Brunei Sungai Pandaruan

2013

Sorotan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KKR

Mengurangkan peratusan permohonan lanjutan masa (EOT) untuk projek JKR



Pembinaan jalan dan bangunan yang memenuhi "green criteria"



Penjimatan perbelanjaan dari kos asal projek Lima Tahun Rancangan Malaysia, untuk projek bernilai RM50 juta dan ke atas



Kerja-kerja pemulihan di lokasi *Blackspot*



Menyediakan lintasan pejalan kaki berisyarat untuk sekolah



Menambahbaik dan mengekalkan jalinan jalan raya di kawasan yang strategik dan mempunyai nilai-nilai ekonomi



Menggantikan/Baikpulih 15 jambatan rosak



Kerja-kerja pemulihan dan penambahbaikan Lebuhraya Pan Borneo yang telah disiapkan penghujung tahun 2013



Penggantian paip logam pembentung rosak




Meningkatkan kualiti rangkaian lebuhraya



Penilaian tahap kemampuan kontraktor (SCORE RATING)





STATUS PENCAPAIAN TINDAKAN

TERAS	BIL. PELAN TINDAKAN	TINDAKAN SELESAI	DALAM TINDAKAN	TIDAK CAPAI / PERLU TINDAKAN SELANJUTNYA	BELUM TERIMA	JUMLAH
1	12	4	4	4	0	12
2	5	1	4	0	0	5
3	14	6	4	4	0	14
4	9	3	4	2	0	9
5	9	3	6	0	0	9
6	17	12	4	1	0	17
JUMLAH	66	29	26	11	0	66

VISI

Menjadi organisasi peneraju dalam pembangunan infrastruktur dan memacu industri pembinaan negara yang lebih kompetitif di pasaran global

MISI

Pembangunan Infrastruktur

Memastikan pembangunan infrastruktur dirancang, dilaksana dan disenggara dengan cekap dan berkualiti tinggi

Industri Pembinaan

Membangun, mengembang dan memantapkan industri pembinaan Negara dan perkhidmatan profesional yang berdaya saing di pasaran global

Tenaga Kerja

Memastikan pembangunan kapasiti dan keupayaan kontraktor, profesional dan tenaga kerja sektor pembinaan dilaksanakan selaras dengan dasar Negara

MOTO

"KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT"

- i Merancang pembangunan rangkaian jalan Persekutuan di seluruh Negara
- ii Menyelaras dan memantau pelaksanaan projek jalan Persekutuan dan lain-lain projek di bawah seliaan KKR
- iii Mengawal selia kerja penyenggaraan jalan Persekutuan yang diswastakan dan Bangunan Gunasama Persekutuan seluruh Negara (kecuali Wilayah Tengah Semenanjung Malaysia)
- iv Pembangunan usahawan Bumiputera di dalam sektor pembinaan
- v Memantau pembinaan, operasi, pengendalian tol dan penyenggaraan lebuhraya bertol
- vi Merancang dan menyelaras urusan sumber manusia dan kewangan (mengurus dan pembangunan) KKR dan JKR
- vii Memantau pelaksanaan projek pembangunan Kementerian Pelanggan yang dilaksanakan oleh JKR
- viii Merancang pembangunan rangkaian jalan Persekutuan di seluruh Negara
- ix Memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada CIDB di dalam pembangunan industri pembinaan Negara dan tenaga kerja mahir
- x Memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada LJM, LAM dan LJBM di dalam program pembangunan tenaga kerja profesional bagi pasaran dalam dan luar negara



Kami warga Kementerian Kerja Raya komited untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan profesional serta menjamin kepuasan pelanggan dalam melaksanakan tugas-tugas teras dengan:



14 hari



Memastikan laporan Lawatan Pemantauan Jalan Persekutuan disediakan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh lawatan.



14 hari



Membayar tuntutan perunding dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan invoice.



7 hari



Memastikan laporan Lawatan Pemantauan Bangunan Gunasama Persekutuan disediakan dalam tempoh 7 hari bekerja daripada tarikh lawatan.



20 hari



Memproses dan meluluskan permohonan Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK) dalam tempoh 20 hari bekerja daripada tarikh permohonan.



14 hari



Memproses serta mempertimbangkan permohonan baru dan pembaharuan taraf bumiputera dalam tempoh 14 hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima.



15 hari



Memastikan setiap aduan pelanggan yang berasas diambil tindakan dalam tempoh 15 hari bekerja daripada tarikh aduan diterima.

Purata Pencapaian Piagam Pelanggan Tahun 2013



14 PERUTUSAN YB MENTERI KERJA RAYA

16 KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA

18 CARTA ORGANISASI KKR

19 KETUA-KETUA AGENSI

20 PENGURUSAN KEWANGAN

28 PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

- Jalan
- Bangunan
- Lebuhraya

58 PENYENGGARAAN FASILITI

82 KONTRAKTOR DAN INDUSTRI BINAAN

- Kontraktor
- Industri Binaan

100 PEMBANGUNAN PROFESIONALISME

- Lembaga Jurutera Malaysia
- Lembaga Arkitek Malaysia
- Lembaga Juruukur Bahan

114 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

124 PENGURUSAN PELANGGAN & TRANSFORMASI

- Pengurusan Pelanggan
- Transformasi

136 TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



“sebanyak 117 projek (39.0%) telah berjaya disiapkan manakala 183 projek (61.0%) lagi sedang dalam pembinaan”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia,

Alhamdulillah, pada tahun 2013 Sektor pembinaan dilihat sebagai salah satu sektor yang mampu memberikan sumbangan signifikan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara seperti yang tertera di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan Program Transformasi Nasional. Justeru, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diperuntukkan sebanyak RM3,439 juta bagi melaksanakan 300 projek pembangunan pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3,411 juta atau 99.2% telah pun berjaya dibelanjakan. Daripada 300 projek tersebut, sebanyak 117 projek (39.0%) telah berjaya disiapkan manakala 183 projek (61.0%) lagi sedang dalam pembinaan. Daripada 183 projek yang sedang dalam pembinaan, 9 projek (3%) adalah lewat jadual manakala 4 projek lagi (1.3%) merupakan projek sakit. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada warga Kerja Raya yang telah bersama-sama menyumbang dalam pencapaian ini. Walaupun peratusan projek sakit ini hanyalah 1.3%, namun saya berharap agar bilangan projek sakit ini dapat dikurangkan lagi untuk Tahun 2014.

Saya juga bersyukur, pencapaian KKR di atas pencapaian prestasi perbelanjaan Pembangunan Rolling Plan Ketiga (RP3) RMKe-10 Bagi Tahun 2013 telah meletakkan Kementerian Kerja Raya menduduki kedudukan ke-4 dari kalangan 25 kementerian dengan prestasi perbelanjaan 99.2%. Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2013, daripada 300 projek yang dilaksanakan, sebanyak 43 projek telah siap sepenuhnya, 247 projek dalam pelaksanaan dan baki 10 projek masih dalam perancangan.

Alhamdulillah, bagi mengurangkan beban rakyat terhadap kos sara hidup yang semakin meningkat, kerajaan telah membuat keputusan agar 14 lebuhraya yang sepatutnya menaikkan kadar tol pada tahun 2013, tidak dinaikan. Sehubungan itu, kerajaan perlu membayar pampasan sebanyak RM400 juta kepada syarikat konsesi terlibat. Pampasan berkenaan

bukan hanya dapat memenuhi keperluan kewangan, malah syarikat konsesi dapat terus menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pengguna lebuhraya secara berterusan, seiring dengan aspirasi kerajaan untuk terus memberi keselesaan dan kemudahan akses kepada penduduk setempat khususnya pengguna lebuhraya.

Perjalanan KKR bagi mendepani cabaran di masa akan datang sangat mencabar. Saya percaya, kunci utama bagi kejayaan KKR adalah terletak di bahu pegawai-pegawainya. Sebagai penjawat awam yang ingin melangkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang dalam kerjaya, kita harus bijak mengurus tanggungjawab, tugas dan amanah serta dengan tegas dan berkesan mengatasi pelbagai kelemahan dan kekurangannya. Cabaran yang paling besar yang perlu ditangani dalam usaha tersebut ialah pemantapan etika dan integriti. Budaya etika dan integriti adalah selaras dengan cabaran Wawasan 2020 iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang bermoral dan berintegriti dalam melaksanakan tugas-tugas dengan mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

Syabas dan tahniah kerana Laporan Tahunan 2013 berjaya diterbitkan. Saya yakin Laporan Tahunan 2013 ini memberi manfaat kepada seluruh warga KKR kerana laporan ini boleh dijadikan panduan dan rujukan serta perancangan program masa depan. Semoga usaha-usaha cemerlang KKR akan berterusan demi memastikan misi KKR tercapai dengan jayanya serta dapat diterjemahkan di dalam lanskap pembangunan infra Negara yang lestari dan harmoni.

“Ke Arah Kesejahteraan Rakyat”

YB. DATUK HJ. FADILLAH HJ. YUSOF
MENTERI KERJA RAYA



“702 projek global telah diperolehi dengan nilai projek berjumlah RM110.87 billion dan lebih 90% projek dengan nilai RM72.6 billion telah disiapkan dan bakinya sedang di peringkat pembinaan.”

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Menjelang tahun 2014, industri pembinaan negara dijangka akan terus kukuh dengan penawaran unjuran sebanyak 9.6%. Untuk rekod, sektor pembinaan telah menyumbang sebanyak 3.5% kepada nilai keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2012, anggaran 3.7% pada tahun 2013, dan diunjurkan 3.9% pada tahun 2014. Prestasi baik ini didorong oleh kerancakan pelaksanaan pelbagai projek Kerajaan, khususnya projek-projek di bawah RMKe-10 dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) seperti projek My Rapid Transit (MRT), Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia 3 (RAPID), projek Pelabuhan Kuantan dan pelaksanaan projek-projek lebuhraya baru, seperti Lebuhraya Pantai Barat dari Taiping ke Banting.

Bajet 2014 yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri telah menyaksikan beberapa pengumuman projek mega penting dalam merealisasikan harapan dan ekspektasi rakyat. Kerajaan telah bersetuju untuk membina Lebuhraya Pantai Barat dari Taiping ke Banting atau juga lebih dikenali sebagai WCE (West Coast Expressway). Lebuhraya sepanjang 316 kilometer. ini merupakan alternatif bagi mengurangkan kesesakan di Jalan Persekutuan 5 (FT05) dari Banting–Klang. Projek lebuhraya ini akan dibina menerusi gabungan kaedah penswastaaan dan juga konvensional. Pembinaan fizikal WCE dijangka dimulakan pada tahun hadapan (2014) dan siap sepenuhnya dalam tempoh 60 bulan.

Dalam aspek pemantauan projek, kementerian ini telah mengambil tindakan dengan menubuhkan jawatankuasa khas pakar yang terdiri daripada pihak-pihak yang terlibat dalam industri pembinaan di negara ini. Tujuan jawatankuasa itu ialah untuk mengkaji semula semua aspek yang berkaitan amalan pembinaan semasa, termasuk Prosedur Operasi Standard (SOP) di tapak pembinaan. Laporan jawatankuasa tersebut telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan.

Tahun 2013 juga telah menyaksikan beberapa projek berimpak tinggi telah berjaya disiapkan pada tahun 2013, antaranya projek Institut Kanser Negara, Kompleks Suruhanjaya Tinggi Malaysia Di Islamabad, Pakistan, Pusat Perubatan Nukleus Hospital Pakar Likas Kota Kinabalu, Sabah, Hospital Tampin (Baru) di Negeri Sembilan serta projek sambungan Seksyen 3 Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE). Manakala bagi projek jalan raya yang telah siap pada tahun 2013, sebanyak 340 projek telah siap dilaksanakan masing-masing melibatkan 68 projek tender dan 272 projek sebut harga.


Sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang telah berjaya menjana pendapatan dari hasil pengenaan levi ke atas 8,888 kontrak kerja pembinaan berjumlah RM167.92 juta. Berbanding tahun 2012, hasil pengenaan levi meningkat sebanyak RM17.46 juta (11%). Bilangan projek yang dikenakan levi pada tahun 2012 ialah 7,565, peningkatan sebanyak 1,323 projek.

Dengan persekitaran ekonomi global yang kian mencabar, KKR akan terus komited untuk menjadi peneraju utama dalam sektor pembinaan Negara dan akan memastikan setiap perancangan untuk tahun 2014 dapat dilaksanakan dengan teliti, cekap dan berintegriti. KKR akan terus memastikan amanah rakyat kepada kementerian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Akhir kata, diharapkan Buku Laporan Tahunan KKR 2013 ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak. Mudah-mudahan, pencapaian bagi tahun 2013 ini akan menjadi pemangkin kepada semua warga Kerja Raya untuk menempa banyak lagi pencapaian dan transformasi baharu di tahun yang mendatang. Semoga Tuhan memberkati dan merahmati atas segala usaha dan sumbangan kita kepada masa depan KKR umumnya dan rakyat Malaysia khususnya.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATUK HIMMAT SINGH
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA





► Di sebalik kelancaran perniagaan anda

...KKR sentiasa komited memastikan pengurusan yang telus dan cekap supaya setiap projek pembinaan dan naiktaraf infrastruktur negara berjaya...

Pengurusan Kewangan




PENGURUSAN KEWANGAN

• PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Bagi memastikan pemantauan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh KKR mengikut jadual, menepati kos yang telah diluluskan, mempunyai *value for money* selain menepati spesifikasi atau skop kerja yang ditetapkan, perbelanjaan pembangunan perlu diuruskan dengan cekap dan efisien.

Justeru tahun 2013, Kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM3,439.5 juta merangkumi 300 projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan pembangunan P27 Rolling Plan Ketiga, dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RP3, RMKe-10).

- Membina Jalan Baru—76 projek
- Naik Taraf Jalan—78 projek
- Membina/ Membaik pulih—79 projek
- Baik Pulih Cerun—35 projek
- Pelbagai Projek—6 projek
- Mengganti Pembentung (CMP)—11 projek
- Pampasan Lebuh Raya—1 projek
- Bangunan—10 projek
- Kajian Rangkaian Jalan—4 projek



Jumlah Projek : 300

CARTA 1 : Pecahan Peruntukan Pembangunan Mengikut Komponen Projek Bagi RP3, RMKe10 Tahun 2013

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Rolling Plan Ketiga (RP3) RMKe-10 Bagi Tahun 2013

Pada akhir tahun 2013, berdasarkan Laporan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Rolling Plan Ketiga, RMKe-10 yang dikeluarkan oleh ICU, JPM, Kementerian Kerja Raya menduduki kedudukan ke-4 dengan prestasi perbelanjaan 99.2%.



Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2013, daripada 300 projek yang dilaksanakan, sebanyak 43 projek telah siap sepenuhnya, 247 projek dalam pelaksanaan dan baki 10 projek masih dalam perancangan.

Bil.	Kementerian	Peruntukan (RM juta)	Perbelanjaan		
			RM	%	
1.	MPIC	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	1,077.8	1,077.8	100.0
2.	MinDef	Kementerian Pertahanan Malaysia	3,280.8	3,280.8	100.0
3.	KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia	5,089.4	5,059.2	99.4
4.	KKR	Kementerian Kerja Raya	3,439.5	3,411.6	99.2
5.	NRE	Kementerian Sumber Asli	1,502.8	1,490.5	99.2


JADUAL 1 : Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Rolling Plan Ketiga (RP3) RMKe-10 Bagi Tahun 2013 sehingga 31 Disember 2013

Sasaran KKR bagi peratusan bilangan projek sakit adalah di bawah (<) 2% dan di bawah (<) 3% bagi projek lewat jadual. Sehingga 31 Disember 2013, peratusan bilangan projek sakit dan lewat jadual masing-masing ialah 1.3% (4 projek) dan 3% (9 projek) sahaja, iaitu mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

RAJAH 1 : Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Rolling Plan Ketiga (RP3) RMKe-10 Bagi Tahun 2013 Sehingga 31 Disember 2013



CARTA 2 : Status Pelaksanaan Projek Pembangunan RP3, RMKe10 Tahun 2013




RAJAH 2 : Bilangan dan Peratusan Projek Sakit & Lewat Jadual bagi RP3, RMKe10 Tahun 2013

Lawatan Turun Padang Ke Projek-Projek Pembangunan KKR

Dalam usaha memastikan projek-projek pembangunan KKR dilaksanakan dengan berkualiti dan mengikut tempoh yang ditetapkan, lawatan turun padang oleh pengurusan atasan turut diadakan secara berkala, terutama untuk melihat dengan lebih dekat permasalahan yang berlaku di tapak projek.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 20 lawatan YB Menteri dan 22 lawatan KSU telah dilaporkan. Lawatan turun padang ini meliputi projek-projek KKR di seluruh Malaysia.




• PERBELANJAAN MENGURUS

Pada tahun 2013, KKR telah menerima peruntukan Belanja Mengurus sejumlah RM2,485.8 juta. Sehingga 31 Disember 2013, jumlah perbelanjaan sebenar bagi Belanja Mengurus adalah sebanyak RM2,454.3 juta iaitu 98.73%.

Tahun	Jumlah (RM Juta)		%
	Peruntukan	Perbelanjaan	
2012	2,531.8	2,521.7	99.6
2013	2,485.8	2,454.3	98.7

JADUAL 2 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus




RAJAH 3 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus tahun 2013 berbanding 2012

Nota: Perbelanjaan 2013 adalah sehingga 31 Disember 2013

PROGRAM / AKTIVITI	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan	
		RM	%
10000 Emolumen	510,319,300.00	507,895,299.85	99.53
20000 Perkhidmatan & Bekalan	1,417,937,350.00	1,389,111,523.63	97.97
30000 Aset	3,855,350.00	3,739,540.24	97.00
40000 Pemberian & Kenaan Tetap	553,550,000.00	553,502,285.45	99.99
50000 Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	112,000.00	37,128.77	33.15
JUMLAH	2,485,774,000.00	2,454,285,777.94	98.73

JADUAL 3 : Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Program / Aktiviti (Mengikut Objek Am) Bagi Tahun 2013



RAJAH 4 : Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Program / Aktiviti (Mengikut Objek Am) Bagi Tahun 2013


• PRESTASI PEMBAYARAN BIL KKR

Prestasi Perbelanjaan Pembayaran Bil Kementerian Kerja Raya

Pada tahun 2013, pemantauan berterusan telah dilakukan oleh Kementerian Kerja Raya bagi memastikan pematuhan terhadap arahan pembayaran bil dalam tempoh tidak melebihi 14 hari. Prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2013 mencapai 100%. Daripada jumlah keseluruhan 69,627 bil yang berjaya diselesaikan dalam tempoh tersebut, dan 86.54% daripada jumlah keseluruhan itu pula berjaya diselesaikan dalam masa 7 hari.

Tempoh	1-7 Hari		8-14 Hari		Lebih 14 Hari		Jumlah
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
Januari–Disember 2013	60,258	86.54	9,341	13.42	28	0.04	69,627

JADUAL 4 : Laporan Pembayaran Bil Tahun 2013




CARTA 3 : Prestasi Keseluruhan Pembayaran Bil Kementerian Kerja Raya Tahun 2013

• PRESTASI PELAKSANAAN PENGGUNAAN EP DALAM PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2013

Pada tahun 2013, prestasi Penggunaan eP Dalam Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan adalah sebanyak 78.5%. Pengguna eP adalah sebanyak 72 PTJ, yang terdiri daripada 35 PTJ kawasan Lembah Klang dan 37 PTJ kawasan luar Lembah Klang.

...KKR sekali lagi telah menerima penganugerahan "Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) Tahun 2012"...

Butiran terperinci prestasi pelaksanaan adalah seperti berikut:



• PENGHARGAAN/ANUGERAH Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) Tahun 2012

Pada tahun 2013, KKR sekali lagi telah menerima penganugerahan "Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) Tahun 2012" oleh Jabatan Audit Negara. Penganugerahan ini merupakan penarafan 4 bintang buat kali keempat berturut-turut yang diterima oleh KKR. Tiga penganugerah sebelum ini adalah bagi tahun 2009, 2010 dan 2011. Melalui penganugerahan ini, KKR telah diiktiraf sebagai sebuah organisasi yang mempunyai tahap pengurusan kewangan yang cemerlang dan teratur.

• JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit peringkat Kementerian telah ditubuhkan selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan bertarikh 5 Mei 2009. Objektif penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam (UAD) dan Jabatan Audit Negara (JAN) dan memastikan tindakan pencegahan dan pembetulan diambil oleh pihak pengurusan kewangan supaya kelemahan berkaitan dapat diperbaiki dan tidak berulang. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KKR manakala UAD bertindak sebagai urusetia. Mesyuarat telah bersidang sebanyak empat (4) kali dan 13 laporan telah dibentangkan sepanjang tempoh tersebut.

• HASIL

Berikut adalah maklumat hasil bagi tahun 2013:

Hasil Cukai	= RM159,822,984.95
Hasil Bukan Cukai	= RM68,906,838.06
Pelbagai Terimaan	= RM443,407.47
Hasil Wilayah-wilayah Persekutuan	= RM14,400.00
JUMLAH	= RM229,187,630.48



Di sebalik
kegembiraan
perjalanan anda

...ribuan kilometer
jalan raya telah dibina,
diselenggara dan
dinaik taraf oleh KKR
agar anda selamat
bersama yang
tersayang...

Pembangunan
Infrastruktur



PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Jalan

PROJEK CENTRAL SPINE ROAD (CSR), PROJEK PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECER)

Projek Central Spine Road (CSR) yang bermula dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan kos projek sebanyak RM968.6 juta dan siling Rolling Plan Keempat (RP4) RM180 juta.

SKOP PROJEK CSR

Skop projek Projek Central Spine Road (CSR) adalah membina jalan baru dan menaiktaraf jalan sediaada kepada 4 lorong 2 hala (4-lane dual carriageway) mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 390km dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang.

Projek ini dibahagikan kepada enam (6) pakej seperti di bawah :




Pelaksanaan Pakej 3: Gua Musang ke Kg Relong, Kuala Lipis, Pahang telah di mulakan untuk pembinaan manakala pelaksanaan pembinaan bagi pakej-pakej lain akan dimulakan pada RMKe-11 dengan syarat kesemua kerja-kerja rekabentuk, penyediaan dokumen tender dan pengambilan tanah perlu diselesaikan dalam RMKe-10 tahun 2015. Walau bagaimanapun, pada masa ini, 4 Seksyen dalam Pakej 3 telahpun dimulakan dengan kemajuan kerja pembinaan seperti berikut :-

- Seksyen 3F1: Kg. Kubang Rusa ke Kg. Sg. Yu, Kuala Lipis, Pahang (7km)– projek dimulakan pada 18 Oktober 2010 dan telah siap sepenuhnya pada 15 November 2013. Jajaran ini akan dibuka kepada pengguna jalan raya pada 10 Januari 2014 ;
- Seksyen 3F2: Kg. Sg. Yu ke Felda Chegar Perah 2, Kuala Lipis, Pahang (6.1km)–

projek dimulakan pada 15 Ogos 2008 dan telah siap sepenuhnya pada 15 April 2013. Jajaran ini telah dibuka kepada pengguna jalan raya mulai 5 Julai 2013 ;

- Seksyen 3G: Felda Chegar Perah 2 ke Felda Telang, Kuala Lipis, Pahang (12.4km)–kemajuan pembinaan: 77.3% (sebenar) / 74.1% (jadual). Projek dimulakan pada 15 Jun 2011 dan dijangka siap pada 9 Jun 2015.
- Seksyen 3H: Felda Telang ke Kg. Kechur, Kuala Lipis, Pahang (11.8km)–kemajuan pembinaan: 86.2% (sebenar)/ 85.6% (jadual). Projek dimulakan pada 15 Jun 2011 dan dijangka siap pada 9 Disember 2014.

Peta jajaran projek CSR adalah seperti di bawah:



Pada masa yang sama, Kementerian Kerja Raya telahpun memohon kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi melaksanakan pembinaan Seksyen 5C dan 5D sepanjang 36km dalam Pakej 5 yang juga dikenali sebagai Bentong Bypass, namun ia masih dalam pertimbangan.

Disamping itu, pelaksanaan Seksyen 3E2 dari Merapoh ke Kampung Kubang Rusa sepanjang 14km akan dimulakan pada tahun 2015 yang bagi memberi peningkatan kemudahan akses kepada penduduk sekitar projek tersebut.

Gambar-gambar Seksyen 3F, 3F2, 3G dan 3H adalah seperti berikut :-



TEKNOLOGI PENURAPAN JALAN MENGGUNAKAN 'POLYMER MODIFIED ASPHALTIC' (PMA)

Penurapan konkrit adalah bersifat mesra alam kerana sebatian utamanya adalah batu kapur, batu dan air di mana ianya 100% boleh dikitar semula. Manakala penurapan 'asphalt' terdiri daripada sebatian hidrokarbon, naphthene, molekul fenol dan asid karboksilik yang boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar dan pada masa yang sama boleh menjejaskan kesihatan pengguna jalan raya.

Sehubungan itu, bagi mencapai hasrat dan sasaran Kerajaan untuk melaksanakan 5% projek jalan baru menggunakan kaedah pembinaan turapan konkrit atau PMA ini, Kerajaan telahpun memutuskan agar kerja-kerja penurapan konkrit dilaksanakan

melibatkan jajaran Seksyen 3H sepanjang 7.5km. Setakat ini, kerja-kerja penurapan di Seksyen 3H sedang dijalankan.


Pada masa yang sama, Kerja-kerja penurapan konkrit akan diteruskan melibatkan Seksyen 3J iaitu dari Kg. Kechur ke Kg. Seberang Jelai sepanjang 3.4km yang dijangka dapat dimulakan menjelang penghujung tahun 2014. Kemudahan jalan baru ini dapat memberikan akses yang cukup sempurna kepada laluan penduduk sekitar Kg. Kechur sehingga Kg. Seberang Jelai, Lipis Pahang yang membawa hasil perniagaan kecil-kecilan yang akhirnya dapat meningkatkan kemakmuran ekonomi kawasan setempat.

Bagi melestarikan pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar dan meningkatkan keselamatan pengguna ...3 eco-bridge telahpun dibina....ia membolehkan hidupan liar melintas antara dua kompleks hutan berkenaan...

PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN HIDUPAN LIAR SEPANJANG JAJARAN PAKEJ 3, PROJEK CSR PAKEJ 3 (ECO-BRIDGE)

Kawasan Sungai Yu di Pahang dalam Seksyen 3F adalah merupakan satu tapak strategik dari segi pengabungan usaha-usaha konservasi dan pembangunan pemeliharaan hidupan liar kerana kawasan tersebut dikenalpasti sebagai satu koridor ekologi yang penting di bawah Pelan Induk Central Forest Spine (CFS), yang juga merupakan salah satu strategi Rancangan Fizikal Negara (RFN).

Koridor ekologi tersebut terletak di dalam Daerah Lipis, Pahang dan keluasan 4,382 ha. (Peta 1) seperti di peta berikut:-



Koridor Ekologi Sungai Yu (CFS1:P1)

Koridor ini juga dikenali sebagai Primary Linkages 1 (PL1) di bawah Pelan Induk CFS1, di mana koridor ekologi ini menyambungkan Komplek Hutan Taman Negara di bahagian timur dan Kompleks Hutan Banjaran Titiwangsa di bahagian barat.

Koridor ini telah dikenalpasti sebagai habitat penting bagi Harimau Malaya (*Panthera tigris*) di bawah National Tiger Action Plan (NTCAP) dan Global Tiger Recovery Programme (GTRP). Beberapa pemantauan dan survei telah dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN dan pihak bukan kerajaan (NGO) dan kajian mendapati kawasan tersebut sememangnya kaya dengan spesies mamalia besar seperti Gajah, Harimau Malaya, Tapir dan Rusa Sambar.

Bagi melestarikan pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar dan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya yang melalui jajaran projek Seksyen 3F, 3 eko-bridge telahpun dibina. Fasa perancangan pembinaan eko-je jambat ini dilakukan berdasarkan input daripada PERHILITAN dan Jabatan Alam Sekitar manakala reka bentuk dan pembinaan yang sebahagian daripadanya telah dilakukan melalui kejuruteraan nilai dan pendekatan teknologi inovatif.

Terdapat 3 eco-bridge dibina, iaitu eco-bridge no. 1 (88m panjang), eco-bridge no. 2 (307m panjang) dan eco-bridge No 3 (909m panjang) dengan kos keseluruhan RM38.34 juta dan tempoh pembinaan selama 3 tahun. Di antara ketiga-tiga eco-bridge tersebut, eco-bridge No.3 adalah yang terpanjang di Malaysia.

Projek pembinaan eco-bridge ini diberi tumpuan bagi meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya dan mengelakkan hidupan liar daripada terbunuh dirempuh kenderaan yang melalui laluan ini sama ada semasa dan selepas pembinaan.

Dengan adanya jejambatan ini, ia membolehkan hidupan liar melintas antara dua kompleks hutan berkenaan dapat direlaksasikan bagi konservasi hidupan liar.

Kementerian ini dari masa ke semasa bekerjasama dengan PERHILITAN bagi memastikan sistem ekologi melibatkan hidupan liar di kawasan jajaran projek terpelihara dari sebarang gangguan dan ancaman kepupusan.



LAWATAN KERJA PROJEK CENTRAL SPINE ROAD PAHANG

Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor telah mengadakan lawatan kerja ke Pakej 3: Gua Musang–Kampung Relong, Projek Central Spine Road (CSR) bagi meninjau kemajuan kerja pembinaannya dan beliau berpuas hati kerana projek ini berjalan mengikut jadual. Projek CSR yang menghubungkan Kuala Krai di Kelantan dengan Simpang Pelangai di Pahang sejauh 390 kilometer ini dibahagikan kepada enam pakej dan selepas projek ini siap kelak, tempoh masa perjalanan daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu, Kelantan dapat disingkatkan kepada hanya empat jam berbanding lapan jam ketika ini.

Pembinaan CSR ini memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang kerap berlaku kemalangan dan projek ini di jangka siap pada awal Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12). Menurut Menteri Kerja Raya, pembinaan CSR ini turut menarik perhatian Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), serta mendapat pujian pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan dan luar negara kerana membina laluan haiwan melintas di bawah tiga buah jambatan yang dikenali sebagai Eco-Bridge sepanjang 1.35 kilometer kerana ia terletak di antara Banjaran Titiwangsa dan Taman Negara.

TAKLIMAT MENAIKTARAF LEBUHRAYA PAN BORNEO KEPADA MEDIA SABAH

Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Haji Abdul Rashid Shirlin, telah mengadakan satu taklimat berhubung kerja menaiktaraf Lebuhraya Pan Borneo kepada para media dari negeri Sabah. Ini bertujuan memberi penjelasan dengan lebih mendalam dan terperinci berhubung Lebuhraya ini selain menjawab persoalan yang diutarakan oleh para media sewaktu sesi soal jawab. Seramai 30 orang ahli media telah hadir mendengar taklimat ini.



Jalan Mulukun/Ng. Gaat (Phase I), Kapit Division



Upgrading of Oya-Mukah-Balingian



MOU JAMBATAN PANDARUAN: SEBAHAGIAN LEBUHRAYA PAN BORNEO

Tanggal 12hb September 2011, satu perjanjian telah ditandatangani di antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Brunei Darussalam di Bandar Seri Begawan oleh YB Menteri Kerja Raya Malaysia dan Yang Mulia Menteri Perhubungan Brunei Darussalam untuk pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Pandaruan. Majlis ini telah disaksikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta YAB Perdana Menteri Malaysia. Majlis Penetapan Tapak telah diadakan di Temburong, Brunei Darussalam bagi merasmikan cadangan tapak bagi jambatan ini.

Satu Jawatankuasa telah ditubuhkan yang diwakili oleh pegawai-pegawai dari kerajaan Malaysia dan Brunei Darussalam yang dikenali sebagai *Joint Project Team (JPT)* bertujuan untuk menyelia aktiviti bagi projek pembinaan jambatan ini. JKR Malaysia

telah mengendalikan rekabentuk dan menyediakan *Tender Table Document (TTD)* yang diluluskan oleh JPT. Projek ini telah ditender secara tender terhad yang disertai oleh kontraktor dari negara Malaysia dan Brunei Darussalam pada 12 Januari 2011.

Pembinaan Jambatan ini menjadi simbol kejayaan hasil kerjasama, hubungan dua-hala yang erat dan persahabatan antara Malaysia dan Brunei Darussalam, dua negara ASEAN yang berjiran. Pembinaan jambatan ini akan memudahkan dan mempertingkatkan kualiti hidup bagi rakyat di Daerah Temburong, Negara Brunei Darussalam dan rakyat di negeri Sarawak terutamanya penduduk di daerah Limbang, Lawas dan Miri. Kerjasama Negara Malaysia dengan Negara Brunei Darussalam dalam pelaksanaan projek ini akan merapatkan lagi hubungan silaturahim seterusnya memperkukuhkan lagi talian diplomatik, persahabatan, ekonomi dan perdagangan antara dua negara.

Maklumat Pembinaan Jambatan (tidak termasuk jalan tuju di kedua-dua belah Malaysia dan Brunei)

Tarikh Mula	15 Mei 2012	Tarikh Siap	14 Ogos 2013	Super-structure	Precast concrete beams, in-situ reinforced concrete slabs
Kos Projek	RM23 juta	Panjang Lebar	189.126 m 14 m	Navigational Clearance	5.5m (from Highest Flood Level to soffit of beams)

PERASMIAN JAMBATAN PERSAHABATAN DI ANTARA MALAYSIA & BRUNEI



Perasmian Jambatan Persahabatan yang menghubungkan bahagian Limbang, Sarawak dengan Daerah Temburong, Brunei Darussalam telah dirasmikan oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 8 Disember 2013.

Projek jambatan *pre-cast concrete* ini adalah sepanjang 189 meter dan mempunyai lebar 14 meter iaitu dua lorong-dua hala ini telah dibahagikan kepada tiga pakej iaitu pembinaan jambatan di mana kos pembinaannya sebanyak RM21.95 juta dikongsi bersama oleh Malaysia dan Brunei Darussalam. Manakala kos pembinaan jalan tuju di sebelah Malaysia ditanggung oleh Malaysia dan pembinaan jalan tuju di sebelah Brunei Darussalam pula ditanggung oleh Brunei Darussalam. Projek ini telah mengambil masa selama 17 bulan, iaitu bermula pada 15 Mei 2012 dan telah siap sepenuhnya pada 31 Oktober 2013.

Kerajaan Malaysia dan Brunei Darussalam telah bersetuju untuk menamakan Jambatan Menyeberangi Sungai Pandaruan sebagai "JAMBATAN PERSAHABATAN". Penamaan ini adalah sesuai bagi melambangkan kemesraan hubungan dua hala antara kedua-dua negara dan memenuhi objektif meningkatkan kesalinghubungan yang ingin dicapai oleh ASEAN.



Projek ini merupakan sebahagian dari Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan Sarawak di sebelah selatan dengan Sabah di sebelah utara dan ianya merentasi Negara Brunei Darussalam. Lebuhraya Pan Borneo di Daerah Limbang ini terpisah oleh Sungai Pandaruan yang juga merupakan sempadan di antara dua Negara, iaitu Negara Malaysia dengan Negara Brunei Darussalam. Oleh itu pengguna jalan ini terpaksa menggunakan perkhidmatan feri untuk bergerak dari Limbang di sebelah Malaysia ke Temburong di sebelah Brunei Darussalam.

Projek membina jambatan untuk menyeberangi Sungai Pandaruan merupakan sebuah projek usahasama di antara Negara Malaysia dengan Negara Brunei Darussalam. Projek ini telah direkabentuk secara jabatan oleh JKR Malaysia dan pengawasan pembinaan dibuat oleh pihak JKR Sarawak. Pembiayaan bagi jambatan ini pula dibiayai bersama oleh Malaysia dan juga Brunei Darussalam. Kos bagi jambatan ini adalah sebanyak RM21 juta dan kerja-kerja pembinaan telah dimulakan dalam bulan Mei 2012 dan telah siap dalam bulan Ogos 2013.



Jambatan Pandaruan dilihat dari sisi



Pandangan dari ICQS Pandaruan menghala ke Jambatan Pandaruan

Projek membina jalan tuju ke Jambatan Pandaruan pula telah dimulakan pada bulan Januari 2013 dan telah siap pada bulan Disember 2013 dengan kos sebanyak RM23 juta.

Jambatan Pandaruan telahpun dibuka secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei Darussalam pada 8 Disember 2013. Jambatan tersebut telah dinamakan Jambatan Persahabatan untuk melambangkan persahabatan yang rapat di antara kedua-dua Negara tersebut.



Pelan lokasi Jambatan Pandaruan



Pandangan dari ICQS Pandaruan (di sebelah Malaysia) menghala ke CIQ Puni (di sebelah Brunei Darussalam) melalui Jambatan Pandaruan



Pandangan dari Jambatan Pandaruan menghala ke ICQS Pandaruan

KKR 2, mempunyai GBI bertaraf 'platinum', ...dapat memberi penjimatan tenaga elektrik sebanyak 60% iaitu sebanyak RM1,928,759.00 setahun.

Bangunan

• KOMPLEKS KERJA RAYA 2 (KKR 2)

Kompleks Kerja Raya 2 (KKR 2) adalah merupakan bangunan pejabat bagi menempatkan cawangan-cawangan yang berkaitan di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR). Bangunan yang terletak di Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur ini mempunyai ketinggian 175 meter dan 37 tingkat.

Ciri utama pada bangunan ini adalah penggunaan konsep Bangunan Hijau (*Green Building*–GB). GB adalah konsep bangunan yang mempraktikkan kepentingan alam semula jadi bermula dari lakaran pembinaan, operasi, selenggara sehingga peringkat pengubahsuaian. Tujuan utama aplikasi teknologi ini adalah untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia akibat daripada kepesatan pembangunan. Selain itu, GB memberi tumpuan terhadap kecekapan penggunaan tenaga, air dan bahan mentah. Pembangunan GB adalah merupakan suatu inovasi baru yang bukan sahaja memberi kebaikan kepada alam sekitar, malah juga kepada ekonomi. Ini dilihat dengan ketara melalui penjimatan sumber tenaga yang digunakan. Secara tidak langsung, GB dapat mengurangkan kos operasi sesebuah bangunan dan memulihara alam sekitar. Malah, kesan kos operasi yang rendah juga dapat meningkatkan nilai hak milik bangunan tersebut.

Bagi menilai keberkesanan dan aplikasi GB, Indeks Bangunan Hijau (*Green Building Index*–GBI) digunakan. GBI merupakan indeks penarafan hijau ke atas bangunan mesra alam. Sesebuah bangunan bakal diberikan Sijil GBI setelah pihak penilai mendapati bangunan berkenaan memenuhi enam kriteria utama seperti kecekapan tenaga, kualiti persekitaran dalaman, perancangan dan pengurusan tapak yang lestari, bahan-bahan dan sumber, serta kecekapan penggunaan air dan inovasi.



Dalam konteks GB dalam bangunan KKR 2, ianya mempunyai GBI bertaraf 'platinum', iaitu aplikasi GB yang memaksimumkan penjimatan sumber tenaga. KKR 2 juga adalah antara bangunan yang terawal diperaku mempunyai penarafan 'platinum'. Antara lainnya, bangunan KKR 2 menggunakan tenaga solar yang boleh diperbaharui sebagai sumber tenaga tambahan untuk menyumbang mata kepada GBI. Bagi tujuan tersebut, KKR 2 mempunyai sebanyak 800 panel solar di sekitar bangunan tersebut.

Dari segi penjimatan sumber, KKR 2 dapat memberi penjimatan tenaga elektrik sebanyak 60% iaitu sebanyak RM1,928,759.00 setahun. Bangunan ini juga mempunyai kawalan suhu dan ventilasi terhadap peningkatan pencahayaan. Ini merupakan salah satu kebaikan yang dimiliki oleh bangunan hijau. Hasilnya, ia dapat menjaga kesihatan penghuni di dalam

bangunan tersebut daripada sinaran ultra, masalah kesihatan yang berpunca daripada ketidakstabilan suhu persekitaran dan pendedahan sinaran ultra yang berbahaya.

Selain itu, melalui penggunaan sistem *rainwater harvesting* dan *grey water recycle*, air yang dikitar semula dapat membantu mengurangkan penggunaan air bersih untuk bangunan KKR2. Sistem ini dapat mengurangkan kegunaan air dari sumber air SYABAS. Air dari sinki (*grey water*) boleh digunakan semula untuk air tandas. Teknik memilih tanaman lanskap dan sistem pengairan seperti air pancuran dan lelehan juga boleh menjimatkan penggunaan air. Oleh itu, penjimatan penggunaan air yang dijangka adalah sebanyak 65%.

• INSTITUT KANSER NEGARA (IKN)

Tarikh
Siap 16 Ogos 2013

Kos
Projek RM692 juta
(RM692,860,930.45)

Pelanggan
Kementerian Kesihatan
Malaysia

Pandangan Hadapan



Pandangan Luaran



Di samping itu, pembinaan bangunan KKR 2 menggunakan kaedah *industrialised building system* (IBS) yang mengurangkan pekerja di tapak dan mengurangkan pembaziran bahan binaan. Selain itu, kaedah IBS yang diterapkan dalam bangunan KKR 2 membuatkan tapak pembinaan lebih teratur dan selamat.

Berdasarkan ciri-ciri tersebut, jelaslah bahawa untuk mewujudkan sebuah bangunan hijau bukan sahaja memerlukan pelbagai teknik dan bahan teknologi hijau, tetapi perlu diaplikasikan secara optimum. Bayangkanlah, cerahnya masa hadapan teknologi hijau negara apabila teknologi ini diaplikasikan secara meluas dalam semua bidang kehidupan.

Pada tahun 2003, Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaporkan 9.34% daripada kematian adalah disebabkan oleh kanser berbanding dengan 7.37% pada tahun 1975. Berdasarkan Laporan Pertama National Cancer Registry, dianggarkan sebanyak 1,000 kes baru akan dirawat di Institut Kanser Negara (IKN) apabila ia mula beroperasi. Kemudahan sedia ada tidak dapat menampung lebih kes baru ini. Justeru itu, pembangunan institut baru ini perlu dilaksanakan segera bagi memenuhi keperluan pesakit kanser negara. Institut Kanser Negara (252 Katil) adalah sebuah hospital kanser yang dibina khas untuk memberikan kemudahan khusus bagi pesakit-pesakit kanser yang memerlukan rawatan dan persekitaran yang kondusif sepanjang proses pemulihan. Ianya juga merupakan sebuah pusat rujukan kebangsaan bagi rawatan kanser yang berteraskan kepada rawatan berteknologi terkini. Kemudahan yang disediakan di Institut Kanser Negara ini menitik-beratkan kemudahan fizikal dan mobiliti pesakit kanser yang amat sensitif terhadap persekitaran fizikal mereka.

Antara konsep rekabentuk Institut ini adalah;

- Fasiliti khas yang mampu menempatkan pesakit yang menjalani proses rawatan sama ada secara jangka masa pendek atau jangka masa panjang.
- Ruang fizikal yang selesa serta rekabentuk dalaman yang menarik untuk menaikkan semangat pesakit semasa proses rawatan dan pemulihan. Bagi pesakit yang menjalani proses rawatan yang agak lama, suasana yang kondusif ini mampu mengurangkan perasaan terpinggir sekaligus membantu proses penyembuhan.
- Rekabentuk moden dengan penerapan aspek Kecekapan Tenaga, Bangunan Hijau dan 'Industrialised Building System' (IBS).
- Oleh kerana bangunan ini berstatus Nasional, standard rekabentuknya adalah lebih tinggi daripada bangunan konvensional yang juga memenuhi standard kerajaan.
- Rekabentuk serta orientasi bangunan mengambil kira keadaan cuaca tempatan dan keadaan tapak.

MAJLIS PENYERAHAN IKN

Satu majlis penyerahan Institut Kanser Negara (IKN) daripada Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Seri Mohd. Noor Yaacob kepada Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah telah diadakan pada 18 September 2013.

IKN yang berperanan sebagai pusat rujukan berprestij untuk rawatan, latihan, penyelidikan dan pencegahan penyakit barah dijangka mula beroperasi dalam 2 bulan lagi.

Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, pusat rawatan dengan kapasiti 252 katil itu telah disiapkan pada 16 Ogos lalu iaitu dua minggu lebih awal berbanding jadual asal.

IKN yang menelan kos sebanyak RM693 juta itu mempunyai sembilan wad, unit rawatan rapi, empat dewan bedah, unit rawatan harian onkologi dan klinik pesakit luar yang merangkumi klinik onkologi, klinik perubatan nuklear dan klinik multi disiplin.

Projek IKN dilaksanakan secara reka dan bina dan pembinaannya telah dimulakan pada 1 September 2010 bersebelahan dengan Hospital Putrajaya.

Pembinaan IKN melibatkan bangunan utama pusat rawatan selain penyediaan komponen klinikal utama yang terdiri daripada perkhidmatan radioterapi dan



onkologi, perubatan nuklear, penjagaan paliatif serta pembedahan onkologi.

Turut hadir Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof; Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan Timbalan Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya.

...memberi manfaat kepada semua golongan masyarakat di daerah Tampin...projek ini merupakan salah satu projek pembangunan di bawah RMK-9 dengan kos sebanyak RM139 juta.



HOSPITAL TAMPIN (BARU)

Pembinaan Hospital Tampin (Baru) dijangka dapat memberi manfaat kepada semua golongan masyarakat di daerah Tampin melalui perkhidmatan kesihatan dan rawatan khusus yang selesa selain merupakan rancangan jangka panjang selari dengan jumlah penduduk yang semakin meningkat saban hari. Hospital ini merupakan gantian kepada hospital sedia ada dan dilaksanakan melalui kaedah pelaksanaan reka dan bina.

Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor yang juga ahli Parlimen Tampin telah mengadakan lawatan kerja ke hospital ini bagi meninjau kemajuan fizikal projek ini bersama-sama Menteri Kesihatan, YB. Dato' Sri Liow Tiong Lai. Menurut beliau, projek ini merupakan salah satu projek pembangunan di bawah RMK-9 dengan kos



sebanyak RM139 juta. Skop pembinaannya meliputi satu blok bangunan dua tingkat dengan 108 buah katil pesakit, tiga blok kuarters kediaman staf, satu blok kediaman asrama jururawat dan juga tempat letak kereta berjumlah 474 lot.

Program pembinaannya adalah selama 46 bulan, bermula dari 2 Mac 2009 disiapkan pada 31 Mac 2013 serta diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia pada 30 April 2013. Pelaksanaan projek ini dikendalikan oleh Cawangan Kerja Kesihatan, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan kontraktor yang diberi tanggungjawab bagi pembinaan blok wad ini adalah Fajarbaru Builder Sdn. Bhd.

• KOMPLEKS SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA DI ISLAMABAD, PAKISTAN

Tarikh Siap	26 November 2013	Kos Projek	RM76 juta	Pelanggan	Kementerian Luar Negeri
-------------	------------------	------------	-----------	-----------	-------------------------

Kompleks baru ini dibina di dua lokasi berasingan bagi menggantikan pejabat lama yang disewa. Kedudukannya di kawasan diplomatic enclave menjadikannya lebih selamat dan operasinya lebih efektif.

Skop projek termasuk pembinaan Bangunan Canseri, Kediaman Rasmi Suruhanjaya Tinggi, Dewan Serbaguna, Bangunan Visa, Bangunan M&E dan Pondok Pengawal.

Manakala kuarters kediaman mengandungi Banglo Kelas A, B, Semi-D dan Apartmen Kelas C, D, E.



• PUSAT PERUBATAN NUKLEAR HOSPITAL PAKAR LIKAS, SABAH

Tarikh
Siap

14 Disember 2012

Kos
Projek

RM224 juta
(RM224,797,758.25)

Pelanggan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Projek Pusat Perubatan Nuklear, Radioterapi & Onkologi Hospital Likas yang dijalankan secara Reka & Bina. Skop Projek 'Nuclear and Radiotherapy Medical Centre, Likas Specialist Hospital' adalah untuk merekabentuk, membina, mentauliah hospital bagi 155 katil pesakit.

Antara skop pembinaan yang terlibat bagi projek ini adalah pembinaan satu(1) blok bangunan hospital lapan (8) tingkat mengandungi 155 katil untuk pesakit dan juga terdiri dari satu(1) tingkat Balai Pelawat, dua(2) tingkat Blok 'M & E', satu(1) tingkat Blok 'Linen Store', satu(1) tingkat Blok Bilik Mayat, dan juga satu(1) tingkat Blok Bilik 'Switchgear'. Selain itu juga kerja-kerja yang berkaitan ialah kerja renovasi Di CCR & MRI serta Laluan Sambung Ke Bangunan Lama Di Tingkat 2 & 3 adalah terlibat.



Persekitaran Dalaman

Pandangan Luaran

Lebuhraya

• E1 & E2: PELEBARAN LORONG KEEMPAT LEBUHRAYA UTARA-SELATAN

Projek ini adalah inisiatif Kerajaan yang dilaksanakan oleh Syarikat Konsesi PLUS Berhad melalui Perjanjian Konsesi Tambahan Keempat yang ditandatangani pada bulan November 2011. Projek ini telah dimulakan pada 1 Januari 2012 dan terbahagi kepada lima (5) pakej iaitu:

1. Pakej A : Shah Alam–Sg.Buloh (16.1 km)
2. Pakej B : Bukit Lanjan–Jalan Duta (7 km)
3. Pakej C : Sg. Buloh–Rawang (13.1 km)
4. Pakej D : Nilai Utara–Nilai (5.2 km)
5. Pakej E : Nilai–Seremban (21.9 km)

Dengan jumlah trafik yang mencapai 180,000 kenderaan sehari pada waktu puncak dan musim perayaan, projek pelebaran lorong keempat ini semakin mencabar kerana kerja-kerja di tapak telah mula melibatkan pengurusan trafik di laluan sedia ada seperti pelancaran rasuk jambatan dan penurunan lorong tambahan. Bagi mengatasi masalah ini, perancangan kerja yang teliti adalah diperlukan berserta pelan kontigensi sekiranya berlaku sebarang masalah. Justeru itu, kebanyakan kerja-kerja

pembinaan tersebut terpaksa dihadkan pada waktu malam sahaja demi keselesaan para pengguna. Selain dari itu, pematuhan kepada penggunaan peralatan pengurusan trafik berspesifikasi tinggi serta pelan pengurusan trafik yang telah diluluskan adalah sangat dititikberatkan bagi menjamin keselamatan pengguna lebuhraya dan juga pekerja yang terlibat.

Sehingga 31 Disember 2013 kemajuan kerja di tapak adalah sebanyak 38.2% berbanding jadual 42.2%. Kelewatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh jadual waktu kerja pembinaan yang terhad serta isu-isu berkaitan pengalihan utiliti yang melibatkan isipadu trafik dan kawasan penduduk berkepadatan tinggi. Bagi mengatasi masalah kelewatan, pihak konsesi telah mengambil beberapa tindakan mitigasi dengan menambah sumber-sumber seperti pekerja dan jentera pembinaan, menjadualkan semula program kerja, melaksanakan kerja-kerja pembinaan secara serentak di kedua-dua arah dan memanjangkan waktu kerja pembinaan di dalam dan luar laluan lebuhraya sedia ada. Usaha ini telah menampakkan kesan yang positif ke arah penyediaan projek mengikut jadual yang telah ditetapkan. Projek ini dijangka siap pada akhir tahun 2014.



Kerja-kerja pembinaan retaining wall



Kerja-kerja pemotongan turapan di lorong kecemasan



Kerja-kerja pembinaan sistem saliran



Kerja-kerja penyediaan sistem perlindungan sementara untuk pembinaan tembok penahan RC di kawasan tambahan

• PUSINGAN U BERTINGKAT LEBUHRAYA KESAS

Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor telah mengadakan lawatan kerja ke tapak pembinaan pusingan U bertingkat di Kilometer 37.5 Lebuhraya Shah Alam (KESAS) pada 14 Januari 2013 bagi meninjau kemajuan kerja pembinaannya. Menurut beliau, projek tersebut dibuat bagi melegakan kesesakan lebuhraya yang kini mencecah sehingga 9,500 kenderaan satu jam pada waktu puncak.

Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak RM25 juta kepada syarikat konsesi KESAS pada Oktober 2011 untuk projek tersebut. Pada lawatan itu juga, YB. Menteri turut mengumumkan penstrukturan semula kadar tol bagi semua jenis kenderaan di Lebuhraya KESAS di semua empat plaza tol lebuhraya iaitu Awan Besar, Sunway dan Kemuning yang akan memanfaatkan kira-kira 290,000 pengguna sekitar Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya dan Klang.



• TEROWONG LEBUHRAYA SILK

Kerajaan telah meluluskan pembinaan terowong (*underpass*) dan jalan sambungan melintasi Taman Kajang Utama di Lebuhraya Lingkaran Kajang (SILK) dengan peruntukan sejumlah RM30 juta di KM20.5 Lebuhraya SILK.

Tempoh pembinaan terowong dan jalan sambungan ini dianggarkan selama 27 bulan mulai suku pertama 2013 termasuk tempoh pengambilan tanah dan dijangka akan siap pada suku kedua 2015. Panjang terowong adalah 33 meter manakala jalan sambungan adalah sepanjang 675 meter. Pembinaan terowong dan jalan sambungan ini akan menyediakan akses terus masuk/keluar Taman Kajang Utama dan penduduk tidak lagi perlu membuat pusingan U yang terletak sejauh 2km sebelum Plaza Tol Bukit Kajang dari kedudukan asal laluan tersebut yang menjadikan perjalanan ulang-alik bertambah kepada 4km. Pembinaan terowong ini akan memberi faedah kepada 20,000 pengguna dengan memendekkan tempoh perjalanan penduduk dan menjimatkan kos perjalanan serta memudahkan pergerakan penduduk setempat.



YB. Timbalan Menteri Dan KSU Di Majlis Perasmian

• PEMBUKAAN SEKSYEN 3 LEBUHRAYA SKVE

Mulai 1 Oktober 2013 secara rasminya seksyen 3 Lebuhraya Klang Selatan (SKVE) dari Teluk Panglima Garang, menyusuri Pulau Carey dan merentasi Selat Lumut hingga ke Pulau Indah dibuka kepada lalu lintas.

Pelancaran Seksyen 3 Lebuhraya SKVE dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Datuk Haji Fadillah bin Haji Yusof, pada majlis yang berlangsung di Plaza Tol Pulau Indah.

Dengan pelancaran dan pembukaan rasmi Seksyen 3 Lebuhraya SKVE, pengguna kini mampu menjimatkan masa perjalanan dan jarak perjalanan antara Putrajaya ke Pelabuhan Barat dari 1 jam 30 minit kepada 45 minit dengan menggunakan laluan sedia ada.

Projek pembinaan Seksyen 3 lebuhraya SKVE membabitkan laluan sepanjang 18.9 kilometer ini

melengkapkan keseluruhan jajaran Lebuhraya SKVE yang menghubungkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Putrajaya ke Pulau Indah dan kawasan perindustrian Pelabuhan Barat. Pembinaan Seksyen 3, Lebuhraya SKVE turut melibatkan pembinaan sebuah jambatan sepanjang 1.67km bagi menghubungkan Pulau Carey dengan Pulau Indah.

"Jambatan ini dibina dengan rekabentuk ketinggian bersesuaian iaitu 25 meter yang mampu menampung laluan pelayaran serta pembangunan industri perkapalan dan maritim di kawasan sekitar.

Sementara itu, YB Datuk Haji Fadillah bin Haji Yusof turut mengumumkan, orang ramai boleh menggunakan laluan ini secara percuma bermula 1 Oktober hingga 31 Oktober 2013 dari persimpangan Persimpangan Teluk Panglima Garang ke Persimpangan Pulau Indah.

• LAWATAN YB. MENTERI KERJA RAYA KE LPT 2

YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof telah mengadakan lawatan kerja pertamanya sebagai Menteri Kerja Raya ke Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) pada 27 Mei 2013 bertujuan meninjau kemajuan kerja projek ini. Turut hadir ialah Exco Kerajaan Terengganu, YB. Ir. Rosli bin Othman (Pengerusi JK Kerja Raya dan Pengangkutan), YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR, Ketua Pengarah Agensi dan Pengurusan tertinggi KKR serta pegawai kanan JKR.

Program ini dimulakan dengan taklimat Projek LPT2 oleh Pengarah Pembinaan, YBrs. Tuan Ir. Adnan Ibrahim bertempat di Pejabat LPT2, Kuala Terengganu. Lawatan kerja dimulakan dengan meninjau kawasan Plaza Tol Kuala Terengganu dan seterusnya menyusuri jajaran dari Pakej 12 ke Pakel 9B sejauh 86.96km. YB. Menteri dan delegasi kemudian melawat Pejabat Tapak Pakej 9B sebelum bergerak pulang.

LPT2 merupakan sambungan daripada Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 dan merupakan laluan alternatif bagi Jalan Persekutuan 14 dan Jalan Persekutuan 3. Kerajaan telah bersetuju melaksanakan projek ini bermula Julai 2004, dari Jabor ke Kuala Terengganu (Kampung Gemuruh) sepanjang lebih kurang 184 km. Pembinaan LPT2 dilaksanakan melalui 12 pakej utama dan berdasarkan kepada penjadualan semula, keseluruhan projek ini dijangka akan siap dan dibuka sepenuhnya kepada lalulintas seawalnya pada pertengahan tahun 2014.



Kajian Pembangunan

• PENYEDIAAN PROGRAM / PROJEK BARU JALAN RAYA


KKR dipertanggungjawabkan untuk menyediakan senarai program/projek baru RMKe10 Rolling Plan Keempat. Senarai ini dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) untuk diluluskan sebagai program/projek RMKe10 KKR.

Pelan Pembangunan Rangkaian Lebuhraya (Highway Network Development Plan, HNDP) merupakan rujukan asas dalam penyediaan program/projek pembangunan KKR ini.



Dokumen Senarai Program/Projek Baru RMKe-10 Rolling Plan Ketiga KKR.

Laporan Pelan Pembangunan Rangkaian Lebuhraya.



• KAJIAN KEMUNGKINAN TAHUN 2013

Kajian kemungkinan jalan/jambatan dijalankan bagi menentukan daya maju projek dari segi teknikal dan ekonomi sebelum pembinaan dilaksanakan. Input berkenaan alam sekitar dan guna tanah juga diambil kira didalam kajian ini.

Terdapat dua (2) kajian kemungkinan yang telah disiapkan pada tahun 2013 iaitu:

- Kajian Kemungkinan Jambatan Kedua Batu Pahat, Johor.
- Kajian Kemungkinan Menaiktaraf Jalan Kuala Linggi–Masjid Tanah–Sungai Udang–Klebang–Limbongan–Jalan Pantai–Jambatan Syed Sultan Abdul Aziz–Alai (Telok Mas), Melaka. –Maklumat dari BPJ–


• PEMBANGUNAN MODEL TRAFIK

Bahagian Perancang Jalan, Kementerian Kerja Raya (BPJ) sentiasa membangunkan / mengemaskini model trafik sediaada bagi membuat ramalan unjuran trafik. Ianya adalah bertujuan untuk mengganggukan bilangan kenderaan yang akan menggunakan sesuatu rangkaian jalan raya.


Objektif utama pembangunan model trafik adalah;

- Menggambarkan keadaan trafik semasa
- Meramalkan keadaan trafik pada masa hadapan

CARTA 4 : Carta Aliran Proses Pembangunan Penswastaan Lebuhraya Bertol



CARTA 5 : Penilaian Projek–Permohonan dari Swasta / Agensi



• MAKMAL PENGURUSAN NILAI (PN) LEBUH RAYA DAN JALAN RAYA


Makmal Pengurusan Nilai (*Value Management-VM*) merupakan pendekatan pelbagai disiplin yang sistematik dan inovatif untuk mengkaji sesuatu program / projek bagi mendapatkan nilai lebih baik dan kos optimum tanpa menjejaskan prestasi projek. Pelaksanaannya berasaskan arahan Pekeliling Bilangan 3 tahun 2009, terutamanya bagi projek pembangunan bernilai RM50 juta dan ke atas.

Sejak 2011, kementerian ini telah mengendalikan sebanyak 34 projek. Bagi tahun 2013, sebanyak 8 projek telah melalui makmal Pengurusan Nilai.



Makmal Pengurusan Nilai Sedang Berlangsung

RAJAH 6 : Bilangan Projek Yang Melalui Makmal Pengurusan Nilai Mengikut Tahun



Antara Laporan Makmal Pengurusan Nilai 2013

• KAJIAN TRAFIK PROJEK PENSWASTAAN LEBUH RAYA TAHUN 2013

Kajian trafik dijalankan bagi menentukan unjuran trafik yang sesuai diambilkira dalam pelaksanaan penswastaan lebuhraya.

Dalam operasi penswastaan lebuhraya, sekiranya unjuran trafik adalah tinggi, syarikat konsesi boleh mengurangkan kadar tol, tempoh konsesi atau pinjaman kewangan sebaliknya jika unjuran trafik adalah rendah, operasi lebuhraya memerlukan kadar tol yang tinggi, tempoh konsesi yang lama dan pinjaman kewangan yang tinggi.

Antara kajian trafik yang telah dijalankan pada tahun 2013:

- Kajian Trafik Lebuhraya Maju II (MEX 2)
- Kajian Trafik Jambatan Kedua Pulau Pinang (JKPP)
- Kajian Trafik Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE)
- Kajian Trafik Lebuhraya Bertingkat Ampang-KL (AKLEH)
- Kajian Trafik Di Lebuhraya Senai-Desaru (SDE)
- Kajian Trafik Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH)
- Kajian Trafik Lebuhraya Guthrie (GCE)

• ROAD TRAFFIC VOLUME MALAYSIA (RTVM)

Merupakan output kepada program Banci Lalulintas Kebangsaan yang dijalankan. Road Traffic Volume Malaysia (RTVM) diterbitkan dalam bentuk cakera padat sejak 1999 dan diedarkan secara percuma kepada agensi kerajaan dan insituti pengajian tinggi awam dan turut dijual kepada umum.

Bancian data trafik meliputi Lokasi stesen bancian trafik, Jumlah trafik harian, ringkasan statistik perbatuan jalan di Malaysia, ringkasan statistik pendaftaran kenderaan di Malaysia dan ringkasan data trafik di lebuhraya-lebuhraya.


RTVM membolehkan pengguna mengkaji ciri-ciri trafik dengan lebih terperinci serta memberi gambaran menyeluruh kapasiti jalan pada masa kini dan menjangka pertumbuhan dan janaan trafik pada masa hadapan.

Jumlah kenderaan 16-jam (kend/hari) di Malaysia adalah sebanyak 15,272,030 kenderaan (Rajah 7) manakala kadar pertumbuhan trafik bagi Tahun 2012 adalah sebanyak 2.91% (Rajah 8).

RAJAH 7 : Perbezaan Tahun 2012 Dan 2003



RAJAH 8 : Peratusan Pertambahan Jumlah Kenderaan



• PENGAMBILAN DATA TRAFIK SECARA AUTOMATIK


MetroCount merupakan satu alat untuk mengumpulkan data trafik secara automatik di mana tiub getah dipasang di atas jalan. Data trafik tersebut kemudiannya akan diambil oleh pegawai dan seterusnya akan diproses di pejabat.

Peralatan ini telah digunakan bagi Projek Menjalankan Kajian Trafik di Jalan Kota Bharu–Pengkalan Kubor (FT134), Tumpat, Kelantan.

Kajian ini telah dijalankan pada 17 dan 18 September 2013 oleh wakil daripada Bahagian Perancang Jalan bagi mendapatkan waktu puncak di sepanjang Jalan Kota Bharu ke Pengkalan Kubor.

Hasil daripada penggunaan peralatan ini, waktu puncak dapat dikenalpasti selain daripada untuk mendapatkan data trafik.

Peralatan ini juga dapat digunakan bagi kerja-kerja banci yang dijalankan secara 'one off' sekiranya ingin mendapatkan data trafik di tapak dengan segera.



Pemasangan Peralatan Di Tapak

• KAJIAN OUTCOME BASED ASSESSMENT (OBA)

Kajian *Outcome Based Assessment* (OBA) bertujuan untuk mengenalpasti impak sosial dan faedah ke atas masyarakat bagi projek-projek yang dilaksanakan. Pelaksanaan Kajian OBA ini selaras dengan arahan Pekeliling 3/2005, Unit Penyelaras dan Pelaksanaan (ICU), JPM.

Sebanyak lima (5) kajian OBA telah dilaksanakan secara dalaman iaitu:-

- i. Projek Penyuraian Lalulintas Di Persimpangan Bertingkat Pandan Indah MRR II, Kuala Lumpur
- ii. Projek Menaiktaraf Jalan Tampoi Kepada Empat Lorong, Johor Bahru, Johor

- iii. Projek Membina Laluan Tetap dari Tambak Johor ke Kompleks CIQ Bukit Chagar, Johor
- iv. Membina Kuarters Jabatan Kerja Raya Persekutuan, Kuala Lumpur
- v. Pembaikan Cerun-cerun Jalan Persekutuan

Penemuan kajian mendapati masyarakat setempat bersetuju dan berpuas hati dengan projek yang dilaksanakan. Projek telah meningkatkan tahap kualiti dan sosioekonomi penduduk setempat.

Hasil kajian telah dibentangkan kepada ICU, JPM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) pada September 2013.



Sesi Soal Selidik Semasa Kajian OBA Dijalankan

Hasil Kajian OBA Bagi Projek Penyuraian Di Persimpangan Bertingkat Pandan Indah MRR II, Kuala Lumpur

- 01 Projek menaiktaraf ini telah mencapai objektifnya iaitu untuk memberi keselamatan kepada pengguna jalan raya.
- 02 Masa perjalanan dapat dijitamkan kepada 7 minit berbanding 12 minit (2.8 km).
- 03 Kesyakan lalulintas dapat diuraikan. Trafik bergerak lancar.
- 04 Nilai hartanah meningkat.
- 05 Aduan penduduk ketiadaan U-Turn ke TESCO Ampang.



Kajian OBA Bagi Projek Penyuraian Lalulintas Di Persimpangan Bertingkat Pandan Indah MRR II, Kuala Lumpur

• BENGKEL PEMANTAPAN TERMS OF REFERENCE (TOR) BAGI KAJIAN BEBAN GANDAR

Bengkel Kajian Beban Gandar (*Axle Load Study*) bagi Jalan-Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia telah diadakan pada 3–5 September 2013. Bengkel ini diadakan bagi tujuan memantapkan *Terms of Reference* (TOR) bagi Kajian Beban Gandar. Bengkel ini telah dihadiri oleh pihak Cement & Concrete Association (C & CA), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), PLUS, MTD dan Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi memberikan maklumat berkenaan kajian ini.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai semula tahap kekuatan jambatan-jambatan sedia ada di sepanjang Jalan-Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia memandangkan Kajian Beban Gandar ke atas jambatan-jambatan tersebut tidak dilakukan semenjak tahun 1989.

Kajian ini juga akan mengkaji samada kekuatan jambatan-jambatan tersebut masih mematuhi

Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) (Pindaan) 2009 serta mengkaji samada jambatan-jambatan ini masih berupaya menampung konfigurasi kenderaan serta komposisi trafik pada masa kini.

Kajian ini sedang dalam proses perantukan perunding dan dijangka akan bermula pada pertengahan tahun ini.



Bengkel Kajian Beban Gandar Pada 3–5 September 2013

PROJEK JALAN SIAP TAHUN 2013

JADUAL 5 : PROJEK TENDER

NO.	PELANGGAN	JENIS PROJEK	BILANGAN PROJEK SIAP	PANJANG JALAN BARU (KM)	PANJANG NAIKTARAF JALAN SEDIA (KM)	BILANGAN JAMBATAN DINAIKTARAF / DIBINA	BILANGAN CORRUGATED P METAL IPE (CMP) DIGANTI
1	Kementerian Kerja Raya	Membina atau Menaiktaraf Jalan / Jambatan	19	20.16	26.75	22	0
		Menggantikan Corrugated Metal Pipe (CMP)	42	0.00	0.00	0	50
2	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW)	Membina / Menaiktaraf Jalan Luar Bandar	7	38.20	0.00	9	0
JUMLAH KESELURUHAN			68	58.36	26.75	31	50

JADUAL 6 : PROJEK SEBUT HARGA

NO.	PELANGGAN	JENIS PROJEK	BILANGAN PROJEK SIAP	PANJANG JALAN BARU (KM)	PANJANG NAIKTARAF JALAN SEDIA (KM)	BILANGAN JAMBATAN DINAIKTARAF / DIBINA	BILANGAN CORRUGATED P METAL IPE (CMP) DIGANTI
1	Kementerian Kerja Raya	Mengganti Corrugated Metal Pipe (CMP)	100		100		
2	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW)	Jalan Perhubungan Desa (JPD)	155	205.30			
3	KESEDAR	Naiktaraf Jalan Kampung	17	18.65			
JUMLAH KESELURUHAN			272	223.95	100		

• PROGRAM PENJIMATAN TENAGA KKR

PEMBUKAAN PROGRAM PENJIMATAN

Pada bulan Mei 2013, satu mesyuarat pembukaan program penjimatan telah diadakan bersama pengguna bangunan iaitu Klinik Kesihatan Batu Pahat, Johor dan pihak-pihak yang berkenaan. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk menerangkan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan dan juga sasaran penjimatan yang boleh dicapai.

LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN TANPA KOS

Sepanjang program penjimatan tenaga ini, terdapat beberapa aktiviti yang telah dikenalpasti dan berpotensi untuk memberi penjimatan penggunaan tenaga di Klinik Kesihatan Batu Pahat, Johor ini. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini dijalankan tanpa mengabaikan aspek keselesaan penghuni bangunan tersebut. Langkah-langkah penjimatan tanpa kos ini boleh dibahagikan kepada dua (2) iaitu Langkah Penjimatan Pasif dan Langkah Penjimatan Aktif.


LANGKAH PASIF

Di antara langkah-langkah pasif yang telah dijalankan adalah:

- Langkah 1 Penutupan tingkap di kesemua ruang berhawa dingin
- Langkah 2 Penutupan pintu di antara ruang berhawa dingin dan tidak berhawa dingin
- Langkah 3 Program kesedaran kepada penghuni bangunan tentang pengurusan tenaga yang baik
- Langkah 4 Pemantauan daripada penghuni
- Langkah 5 Menampal poster dan sticker kesedaran di setiap ruang Klinik Kesihatan Batu Pahat, Johor

Pecahan penggunaan tenaga bagi bangunan ini adalah seperti carta di bawah. Dikenalpasti penggunaan tenaga yang tertinggi adalah bagi sistem penyaman udara iaitu sebanyak 59.9% diikuti oleh sistem pencahayaan sebanyak 21.9% dan peralatan pejabat/domestik sebanyak 8.3%.

Berdasarkan audit tenaga yang telah dijalankan, beberapa strategi penjimatan tenaga bagi bangunan ini telah dikenalpasti. Bagi program penjimatan tenaga ini, ia hanya fokus kepada penjimatan tenaga tanpa kos.




CARTA 6 : Pecahan Penggunaan Tenaga Di Klinik

• PENANDA ASAS (BASELINE) BANGUNAN

PENANDA ASAS BERDASARKAN KILOWATT JAM (KWJ)


Penanda asas bangunan ini berdasarkan kWj ialah: 118,786 kWj sebulan. Ia diambil dari bil-bil elektrik selama setahun dari bulan Jun 2012 sehingga Mei 2013.



RAJAH 9 : Bil Elektrik (Kwj) Berbanding Bulan (Jun 2012–Mei 2013)

PENANDA ASAS BERDASARKAN RINGGIT MALAYSIA (RM)


Penanda asas bangunan ini berdasarkan Ringgit Malaysia (RM) ialah: RM51,078.00 sebulan. Ia diambil dari bil-bil elektrik selama setahun dari bulan Jun 2012 sehingga Mei 2013.



RAJAH 10 : Bil Elektrik (RM) Berbanding Bulan (Jun 2012–Mei 2013)

SASARAN PENJIMATAN

Sasaran penjimatan yang ditetapkan adalah sebanyak 7% sebulan berbanding baseline. Ia bermula dari Jun 2013 hingga Disember 2013. Perincian penjimatan adalah seperti jadual di bawah.



JADUAL 7 : Sasaran Penjimatan Elektrik Sebulan (Kwj & RM)



▶ Di sebalik lokasi indah percutian anda

...sepanjang tahun, KKR sentiasa memantau, menaiktaraf dan membaiki lokasi-lokasi merbahaya bagi mengurangkan kemalangan terutama di musim cuti...

Penyenggaraan Fasiliti ▶

PENYENGGARAAN FASILITI

• MOU PENGURUSAN BANGUNAN

Satu majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan dan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan Zon Tengah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Selangor) telah diadakan pada 27 Mac 2013 bertempat di Bilik Tanjung, Tingkat 6, Blok A, Kompleks Kerja Raya. Tempoh perjanjian ini adalah selama lima tahun bermula 1 September 2012 hingga 31 Ogos 2017 dan ia melibatkan tiga buah bangunan di Zon Tengah iaitu Kompleks Kerajaan Bukit Perdana, Rumah Persekutuan Kuala Lumpur dan Bangunan Persekutuan Petaling Jaya yang merupakan hak milik Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri. Syarikat yang menyelenggara perkhidmatan tersebut adalah Chulia Facilities Management Sdn. Bhd. (CFMSB). Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya dan YBhg. Dato' Haji Nasir bin Mat Dam, TKSU(Pembangunan) sebagai saksi di pihak Kerajaan. Wakil Chulia Facilities Management Sdn. Bhd. pula ialah En. Shafie, (Pengarah Urusan) dan En. Saiful Bahari bin Jalil (Pengarah) sebagai saksi di pihak Kontraktor. Majlis ini turut dihadiri oleh pegawai kanan Kementerian.



• SINERGI ANTARA KEMENTERIAN RM10 JUTA NAIK TARAF LALUAN MOTOSIKAL LEBUHRAYA PERSEKUTUAN

Kementerian Kerja Raya bersama Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mengambil inisiatif bersama untuk menyelesaikan masalah kerosakan Lebuhraya Persekutuan yang menjadi rungutan serta topik utama yang dimaikan dalam laman media sosial.

Satu lawatan tapak telah diadakan pada 18 Jun 2013 melibatkan dua menteri iaitu Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof



dan Menteri Pengangkutan Malaysia Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein. Dalam lawatan tersebut KKR telah mengenal pasti beberapa penambahbaikan dari aspek penyenggaraan perlu dilaksanakan. Kementerian Kerja Raya (KKR) memerlukan peruntukan kira-kira RM10 juta untuk menaik taraf 16 kilometer laluan motosikal seliaan JKR di sepanjang Lebuhraya Persekutuan.



Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof berkata, peruntukan itu untuk melaksanakan beberapa projek termasuk membesar dan membaik pulih laluan, menerangkan kawasan laluan gelap dengan lampu dan menyediakan pam air di laluan yang mudah berlaku banjir kilat.

Lebuhraya Persekutuan yang dibina pada 1977 melibatkan laluan sepanjang 45 kilometer menghubungkan Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang menjadi nadi ekonomi dan laluan tulang belakang kepada negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ia juga dikenali sebagai lebuhraya pertama di Malaysia yang mempunyai lorong motosikal di negara ini.

Awal tahun ini, JKR membelanjakan RM0.9 juta untuk membaik pulih cerun yang runtuh dan menyelenggara rumah pam terowong di kedua-dua arah berhampiran kilang Motorola di Sungai Way. Keseluruhan panjang lorong motosikal di Lebuhraya Persekutuan FT02 (KL-Bandar Klang-KL) ialah sepanjang 56.8 kilometer yang melibatkan penyelenggaraan di bawah seliaan empat pihak iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sepanjang 4.8 kilometer, JKR (16km), Lebuhraya Sprint (4 km) dan Lebuhraya Utara-Selatan (32 km).





• PIECE 2013 HIMPUN PAKAR INDUSTRI LEBUH RAYA SERATA DUNIA

Persidangan Lebuhraya dan Pameran Antarabangsa PSKLM (PIECE 2013) telah menghimpunkan pakar-pakar industri lebuhraya dari seluruh dunia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru bermula pada 9 sehingga 11 September 2013.

Persidangan antarabangsa yang berlangsung selama tiga hari ini merupakan anjuran Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) dan turut mendapat sokongan Kementerian Kerja Raya Malaysia dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Persidangan yang bertemakan '21st Century Expressways: Driving the Future' ini menjadi pentas membincangkan pelbagai isu dan idea tentang operasi lebuhraya, pembiayaan, penyelenggaraan, sistem tol, keselamatan jalan raya, pengangkutan dan perkembangan terkini teknologi hijau bagi infrastruktur jalan raya.

Menurut Yang DiPertua PSKLM yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penganjur PIECE 2013, Dato' Noorizah



Hj Abd Hamid, PIECE 2013 disertai oleh kira-kira 500 delegasi dari serata dunia yang terdiri daripada syarikat konsesi, jurutera, kontraktor, perunding, pembuat polisi, pentadbir, pihak bank dan lain-lain. Ia termasuklah delegasi luar negara seperti Indonesia, India, Afrika, Jepun, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat dan Eropah.

PIECE 2013 akan terdiri daripada 28 sesi pembentangan, dialog dan bengkel di mana para delegasi berpeluang berbincang dengan lebih daripada 100 pakar-pakar lebuhraya dari seluruh dunia. Empat fokus utama pada PIECE 2013 adalah Polisi dan Pembiayaan, Pengurusan Aset, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar dan Keselamatan Jalan Raya.

Majlis pelancaran PIECE 2013 telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya Malaysia, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof manakala majlis penutupannya pula telah disempurnakan oleh YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya pada keesokan harinya.



YB Timbalan Menteri Kerja Raya bersama ahli PSKLM

• JUMLAH KOS PENYENGGARAAN JALAN-BAJET SENGARA BERKALA NAIK TARAF JALAN

Peruntukan Tahun 2013	Semenanjung	= RM675,000,000.00
	Sabah & Sarawak	= RM175,000,000.00
	Jumlah	= RM850,000,000.00

• PROGRAM MENAIKTARAF LALUAN STRATEGIK KPI YB MENTERI KERJA RAYA 2013

Objektif

Menjalankan rawatan dan menaiktaraf laluan strategik berdasarkan 4 petunjuk utama berikut;

- International Roughness Index (< 4.0 m/km).
- Rut Depth (< 4.0 mm).
- Texture Depth (> 0.5 mm).
- Surface Crack.

Kriteria Pemilihan Lokasi

- Jalan Persekutuan utama (FT001–FT050).
- Laluan yang menghubungkan ke lapangan terbang, pelabuhan, kawasan industri, pusat pelancongan, sempadan antarabangsa dan pusat pentadbiran kerajaan.

Bilangan Lokasi Siap

- 11 lokasi

1. FT 005 SEK 86-90, JALAN BATU PAHAT-RENGIT, BATU PAHAT, JOHOR.



SEBELUM PEMBAIKAN



SELEPAS PEMBAIKAN

2. FT 001 SEK 203-207, JALAN GEMAS-SEGAMAT, SEGAMAT, JOHOR.



SEBELUM PEMBAIKAN



SELEPAS PEMBAIKAN

3. FT 003, JALAN KUALA TERENGGANU–SETIU, TERENGGANU.

SEBELUM PEMBAIKAN



SELEPAS PEMBAIKAN



4. FT 001 SEK 729.7-734.8, JALAN NIBONG TEBAL-BUTTERWORTH, JOHOR.

SEBELUM PEMBAIKAN



SELEPAS PEMBAIKAN



5. FT 007 SEK 24-25.4, JALAN ALOR SETAR–KANGAR, KEDAH.

SEBELUM PEMBAIKAN



SELEPAS PEMBAIKAN



• PENYENGAHAAN LED

Bilangan Lokasi = 3

- Lebuhraya Persekutuan (FT02)
- Jalan Ke Lapangan Terbang Sultan Salahuddin Abd. Aziz Shah (SSAA) (FT15)
- Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) (FT28)

Peruntukan = RM13,511,714.28

• PROJEK SMART LIGHTING SYSTEM–PROJEK PERINTIS MBPJ

Ringkasan Projek:


Naiktaraf 16 buah feeder pillar MBPJ

- Kontraktor: PPK Technology Sdn Bhd
- Kos projek: RM253,510.00

Naiktaraf bilik kawalan MBPJ

- Kontraktor: SP Technic Engineering
- Kos projek: RM489,070.00

Smart lighting system adalah sistem yang membolehkan pelanggan menguruskan fasiliti lampu jalan secara efisien serta mengurangkan kos penyenggaraan dan penggunaan tenaga. Sistem ini juga menguruskan lampu jalan secara sistematik melalui fungsi kawalan jarak jauh, tidak bergantung kepada sistem rondaan dan kawalan masa menggunakan internet twilight time.



• PROGRAM LINTASAN PEJALAN KAKI SEARAS 1 MALAYSIA

Objektif

- Membelanjakan 100% peruntukan yang disalurkan.
- Mengurangkan kadar kemalangan sebanyak 50% khususnya pejalan kaki yang melibatkan murid sekolah.

Kriteria Pemilihan Lokasi

- Sekolah yang berada di Jalan Persekutuan utama.
- Jalan di hadapan sekolah hanya 2 lorong sahaja.
- Bukan di bawah kawasan projek atau telah dinaiktaraf kepada 2 lorong sehalu.
- Kedudukan sekolah tidak berada di selekoh.
- Tiada pemasangan lampu isyarat lagi.
- Kemalangan melibatkan pejalan kaki khususnya murid sekolah.

- Bilangan trafik yang tinggi.
- Bilangan murid sekolah yang ramai.

Jumlah Kos

Laluan Lintasan Pejalan Kaki 1 Malaysia

Bil. Lokasi = 35

Peruntukan = RM7,000,000.00

Bilangan Lokasi Siap

1. FT 005 SEK 241, SK TANGGA BATU, MELAKA TENGAH, MELAKA

SEBELUM PEMBAIKAN



SELEPAS PEMBAIKAN



2. FT 002 SEK 251.1, SK TANJUNG PERANG, MARAN, PAHANG

SEBELUM PEMBAIKAN



SELEPAS PEMBAIKAN



3. FT 704 CH 900, SMK MUTIARA, LABUAN

SEBELUM PEMBAIKAN



SELEPAS PEMBAIKAN



4. FT 080 SEK 19, SK SANGLANG, PERLIS

SEBELUM PEMBAIKAN



SELEPAS PEMBAIKAN



5. FT 190 SEK 2.8, SRA KAMPUNG JAWA, KLANG, SELANGOR

SEBELUM PEMBAIKAN




SELEPAS PEMBAIKAN



• PENYENGGARAAN BANGUNAN GUNASAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN (BGKP) PENGENALAN

Sehingga Disember 2013, KKR telah memantau dan menyelia 68 Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan (BGKP) di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 64 BGKP telah diswastakan perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraannya kepada tiga (3) syarikat konsesi mengikut zon. Di samping itu, pengurusan dan penyenggaraan tiga BGKP di Zon Tengah pula telah dilaksanakan secara terma kontrak. Manakala satu BGKP di Zon Tengah iaitu Kompleks Kerajaan Jalan Duta telah diurus dan disenggara sendiri oleh Pejabat Pengurus Bangunan, Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) KKR.



JADUAL 8 : Hasil Kajian Kepuasan Pelanggan Mengikut Zon

MAKLUMBALAS PELANGGAN

Pada tahun 2013, sebanyak 5764 responden telah memberikan maklumbalas berhubung mutu perkhidmatan dan pengurusan penyenggaraan BGKP di seluruh Malaysia. Jadual 8 berikut menunjukkan hasil kajian kepuasan pelanggan mengikut zon.

Penyenggaraan landskap yang teratur menyumbang kepada persekitaran yang indah menarik



Pengurusan fasiliti yang berkesan memberi impak kepada mutu perkhidmatan

• PENGURUSAN CERUN PROGRAM STRATEGIK PBT & KKR PANTAU CERUN

Kementerian Kerja Raya akan berkerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menubuhkan Unit Cerun untuk memantau kejadian tanah runtuh di negara ini.

Kementerian telah mengenalpasti hanya sebilangan kecil saja PBT yang mempunyai Unit Cerun sendiri termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR).

Menteri Kerja Raya Dato' Seri Shaziman Abu Mansor dalam sidang medianya ada memaklumkan bahawa, "Negara sangat memerlukan ramai pakar geologi yang dapat memantau keadaan cerun dimana buat masa ini hanya 34 pakar geologi di JKR, dan ia tidak mencukupi untuk memantau seluruh negara".

KKR sudah mengenal pasti 21,000 cerun yang perlu dipantau, membabitkan pemantauan aspek kestabilannya pada setiap masa.

Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sudah meluluskan garis panduan bagi pembinaan bangunan di kawasan cerun.



Lawatan Dato' Seri Shaziman Abu Mansor, Menteri Kerja Raya di lokasi tembok runtuh di Universiti Putra Malaysia pada 6 Januari 2013

PENGAWASAN CERUN

Pelajari bagaimana untuk mengawasi kawasan sekitar anda dengan mengenali tanda-tanda awal tanah runtuh



Kementerian Kerja Raya

Cawangan Kejuruteraan Cerun
JKR Malaysia



Bencana tanah runtuh tetap boleh berlaku walaupun pengawasan yang teliti telah dilaksanakan. Tips ini memberi persediaan kepada anda untuk bertindak pantas sekiranya tanah runtuh terjadi. Tindakan anda boleh membezakan antara keselamatan nyawa atau tragedi.

Sebelum Tanah Runtuh

1. Wujudkan dan mulakan sistem amaran awal di kalangan penduduk dalam komuniti anda.
2. Merancang petan perpindahan. Ketahui cara dan jalan untuk menyelamatkan diri anda dan keluarga.

Ketika Tanah Runtuh

1. Maklumkan jiran yang berdekatan. Jiran anda mungkin tidak menyedari bahaya yang berlaku. Tindakan pantas anda mampu menyelamatkan nyawa.
2. Selamatkan diri. Keluar dari kawasan yang terdedah pada tanah runtuh dengan segera. Jika anda berada di rumah sewaktu berlakunya tanah runtuh, cara paling selamat adalah berlindung di bawah objek yang kukuh. Ini bagi mengurangkan kecederaan akibat dihempap objek berbahaya, seperti bumbung rumah.

Selepas Tanah Runtuh

1. Pastikan jika ada individu atau haiwan dalam komuniti anda tercedera atau terperangkap. Anda tidak dibenarkan memasuki kawasan itu, sebaliknya hanya maklumkan kepada pasukan penyelamat.
2. Sedia mendengar arahan daripada Pihak Berkuasa dan pengurusan bencana untuk perkembangan lanjut.
3. Jauhi kawasan tanah runtuh. Ini kerana runtuhan susulan mungkin boleh berlaku disebabkan oleh tanah yang masih kurang stabil.

Tindakan anda:

Sekiranya berlaku tanah runtuh, hubungi 999 dengan segera. Jika terlihat tanda-tanda kegagalan cerun, hubungi Jabatan Kejuruteraan Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya di: <http://slopes.jkr.gov.my>

TIP-TIP PENGAWASAN CERUN



JADUAL 9 : PROGRAM- PROGRAM CERUN 2013

BIL	TAJUK
1	Penyelenggaraan Cerun-Cerun Di Jalan-Jalan Persekutuan Sabah-Fasa 1
2	Inventori Dan Pengumpulan Data-Data Cerun Spatial & Non-Spatial Bagi Jalan-Jalan Persekutuan Yang Tertinggal Dan Baru Di "Federalised" Kan Di Semenanjung Malaysia Bagi Menghasilkan Peta Bahaya Dan Risiko Cerun
3	Integrated Slope Information System (ISIS)
4	Menyediakan Data Cerun Bagi MYSATA
5	Projek Pemetaan Geologi, Survey Kejuruteraan Dan Analisis Faktor Selamat (FS) Serta Menyediakan Kaedah Tebatan Bagi Cerun Batuan 41/300/C/L Dan 41/700/C/R Di FT 067 Jalan Sg. Petani-Baling, Kedah
6	Projek Pemetaan Geologi, Survey Kejuruteraan Dan Analisis Faktor Selamat (FS) Serta Menyediakan Kaedah Tebatan Bagi Cerun Batuan 1/843/C/R Di FL 702 Jalan Tanjung Kubong, Labuan
7	Verifikasi Cerun Di Jalan-Jalan Persekutuan Di Seluruh Semenanjung Malaysia-Pilot Study FT004 Jalan Grik-Kupang
8	Program Kajian Bahaya Cerun Di Bangunan-Bangunan Institusi Kerajaan
9	Program Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil B27
10	Program Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil B11
11	Program Penyelenggaraan Dan Pembaikan Berskala Besar P27
12	Menerbitkan Advertorial Di Akhbar Berkenaan Kempen Kesedaran Awam Dan Pendidikan Berkenaan Keselamatan Cerun
13	Memasang 12 Billboard Di Seluruh Malaysia Berkenaan Kempen Kesedaran Awam Dan Pendidikan Berkenaan Keselamatan Cerun
14	Penerbitan Iklan Berkenaan Kempen Kesedaran Awam Dan Pendidikan Berkenaan Keselamatan Cerun
15	Seminar Dan Pameran Berkenaan Kempen Kesedaran Awam Dan Pendidikan Berkenaan Keselamatan Cerun
16	Kerja-Kerja Pembinaan Semula Cerun Di Laluan FT185, Seksyen 46.0, Jalan Simpang Pulai-Blue Valley, Perak Darul Ridzuan
17	Penyelenggaraan Sistem Amaran Awal Berasaskan Pemantauan Hujan
18	Melaksanakan Audit Kerja Tanah Dan Cerun Di Istana Terengganu Dan Istana Negara
19	Perlaksanaan Projek Pembaikan Dan Penyiasatan Tapak Cerun Runtu.

• LAWATAN KERJA YB. MENTERI KE SABAH

Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke Negeri Sabah. Antara tempat yang dilawati ialah Tapak Projek Naiktaraf Jalan Petagas–Lok Kawi dan Jalan Donggongon–Simpang Jalan Papar Spur (Pakej 1).

YB. Menteri turut mengadakan lawatan ke tapak tanah runtuh jalan Kota Kinabalu–Penampang–Tambunan–Keningau–Tenom bagi meninjau hasil kerja pembaikan yang telah dilakukan oleh pihak JKR Sabah. Lawatan kerja ini turut dihadiri Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha KKR dan YBhg. Dato' Seri Ir. Mohd Noor Yaacob, Ketua Pengarah Kerja Raya.



• LAWATAN KERJA KE JALAN LIMBANG–LAWAS (Pembaikan Cerun Di Sarawak)

Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke tapak pembaikan cerun di KM0.80 Jalan Limbang *New Airport* pada 30 November 2013. Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai dari Bahagian Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya.



Dalam lawatan kerja itu, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof berkata Kementerian Kerja Raya juga menyalurkan peruntukan berjumlah RM140 juta kepada Jabatan Kerja Raya Sarawak bagi pembangunan serta penambahbaikan jalan raya di Limbang dan Lawas dengan setiap kawasan menerima RM70 juta.

Jalan Limbang–Lawas merupakan sebahagian daripada Jalan Pan Borneo yang merupakan jalan utama menghubungkan bandar-bandar di Sarawak dan Sabah. Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500 juta dalam pengumuman Bajet 2014 untuk kerja-kerja menaik taraf Jalan Pan Borneo secara berperingkat sehingga tahun 2025.



• KERAJAAN LULUS PERUNTUKAN TAMBAHAN BAIKI JALAN BERISIKO KEMALANGAN

Kerajaan menambah peruntukan RM35 juta kepada Kementerian Kerja Raya bagi membaiki kawasan serta laluan berisiko berlaku kemalangan di jalan persekutuan di seluruh negara menurut Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor, peruntukan itu yang kesemuanya berjumlah RM60 juta dan diagihkan bagi menyelenggara 114 kawasan berisiko kemalangan baru di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Peruntukan itu, diluluskan oleh Perdana Menteri, YAB. Datuk Seri Najib Tun Razak setelah beliau melihat impak positif penurunan kadar kemalangan di beberapa kawasan 'hitam' atau *blackspot* yang telah diselenggara oleh kementerian itu sebelum ini.

"Sebelum ini KKR sudah menerima peruntukan RM25 juta untuk melaksanakan kerja berkaitan, dan peruntukan tambahan telah diumumkan Perdana Menteri setelah beliau berpuas hati melihat data-data yang dikeluarkan oleh kementerian hasil informasi Polis Diraja Malaysia menunjukkan penurunan kemalangan di kawasan-kawasan *blackspot* yang telah dikenal pasti amat memberangsangkan setelah kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan".

Kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih 114 kawasan tersebut mengambil masa empat hingga lima bulan untuk siap diperbaiki. Dalam pada itu beliau turut berpuas hati dengan kerja penyelenggaraan jalan persekutuan yang dilakukan kontraktor kecil dan berharap kontraktor yang menerima kontrak daripada kementerian dapat melaksanakannya tanggungjawab tersebut dengan efisien.

Pusingan pertama kerja penyelenggaraan jalan persekutuan membolehkan peruntukan



RM37.4 juta dilancarkan Julai tahun 2012 di Alor Setar, Kedah menyaksikan semua kerja diberikan kepada kontraktor terpilih disiapkan dalam tempoh ditetapkan. Begitu juga dalam pusingan kedua yang dilancarkan November 2013 di Ipoh, Perak. Semua kontrak bernilai RM52 juta giat dijalankan dan siap penghujung Mei 2013.

Pusingan ketiga membolehkan 262 projek bernilai RM18 juta dilancarkan serentak di seluruh negara dan dijangka siap hujung tahun ini.

"KKR memperuntukkan RM106.6 jutauntuk membaik pulih dan menyelenggara kerosakan akibat banjir ... Kementerian... memohon agar meningkatkan jumlah peruntukan bagi membiayai kos membaik pulih jalan-jalan yang terjejas"

• PROJEK BAIK PULIH JALAN PERSEKUTUAN ROSAK AKIBAT BANJIR

Kementerian Kerja Raya memperuntukkan RM106.6 juta dalam tempoh Oktober 2012 hingga 5 Januari lepas untuk membaik pulih dan menyelenggara jalan raya persekutuan yang rosak akibat banjir pada 11 Januari 2013.

Menteri Kerja Raya, Dato' Seri Shaziman Abu Mansor berkata ekoran banjir yang melanda, Kementerian menerima banyak laporan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri mengenai jalan raya rosak terutama di pantai timur. "Kementerian juga turut memohon kepada jemaah menteri agar meningkatkan jumlah peruntukan bagi membiayai kos membaik pulih jalan-jalan yang terjejas terutama di Terengganu," katanya.

Beliau meninjau kerja baik pulih jalan yang rosak akibat banjir di Jalan Kuantan-Maran, dekat Kampung

Luit, di Kuantan. Turutnya lagi, Kementerian juga menerima peruntukan sebanyak RM150 juta tahun ini untuk membaik pulih 184 saluran pembetung di jalan-jalan persekutuan di seluruh negara. "Kami akan tukar saluran baharu dan mana-mana saluran yang kecil kita akan besarkan terutama di kawasan yang berisiko menghadapi banjir kilat bagi mengelak risiko jalan rosak dan mendap," katanya.

Beliau berkata kerja-kerja baik pulih jalan raya persekutuan yang terjejas sedang giat dijalankan oleh pihak konsesi untuk memastikan aliran trafik di kawasan terlibat tidak terjejas. Kementerian memberi tempoh kepada syarikat konsesi sehingga Mac 2014 untuk menyiapkan kerja-kerja baik pulih terutama di kawasan aliran trafik yang tinggi. Ini bagi memastikan keselamatan terhadap pengguna jalan raya di laluan berkenaan tidak terjejas. Kementerian dalam perancangan untuk menaikkan aras jalan Jerangau-Jabor yang sering dinaiki air pada musim hujan.



• **KONSESI-KONSESI PENYELENGGARAAN LEBUHRAYA**

 Projek Lebuhraya Utara-Selatan Bhd. (PLUS)	 Penang Bridge Sdn. Bhd (PBSB)	 Expressway Lingkar Tengah Sdn. Bhd (ELITE)
 Linkdua (M) Berhad	 Besraya Sdn. Bhd	 Projek Lintasan Kota Holding Sdn.Bhd (PROLINTAS)
 ANIH Berhad	 KESAS Sdn. Bhd	 Grand SAGA Sdn. Bhd
 Lingkar Trans Kota Sdn. Bhd (LITRAK)	 New Pantai Expressway Sdn. Bhd (NPE)	 Sistem Lingkar Lebuhraya Kajang Sdn. Bhd (SILK)
 Sistem Penyuraian Trafik KL-Barat Sdn Bhd (SPRINT)	 Guthrie Corridor Expressway	 Llingkar Luar Butterworth Sdn Bhd (BORR)
 Shapadu Corporation Sdn.Bhd	 Maju Expressway Sdn. Bhd	 KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (LATAR)
 Lebuhraya Senai-Desaru Expressway Sdn.Bhd	 Lebuhraya Kajang –Seremban Sdn. Bhd (LEKAS)	 Touch N Go Sdn Bhd
 Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn Bhd	 SKVE Holding Sdn Bhd	 Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn. Bhd
 Projek Lintasan Shah Alam Sdn. Bhd (LKSA)	 Lebuhraya Eastern Dispersal Link (EDL)	 Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB)

• **KPI YB MENTERI KERJA RAYA (BLACKSPOT)**

Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan program untuk mengenal pasti dan menambah baik lokasi-lokasi kerap berlaku kemalangan di jalan-jalan persekutuan di seluruh Malaysia atau dikenali sebagai *blackspot* bagi mengurangkan kadar kemalangan yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan. Program ini juga telah dijadikan salah satu daripada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di Kementerian Kerja Raya. Ianya melibatkan *rehabilitative works* di lokasi-lokasi kerap berlaku kemalangan di jalan persekutuan dan lebuhraya.

Program ini telah dimulakan pada tahun 2009 di mana Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan kerja penambahbaikan di 10 lokasi *blackspot* di jalan persekutuan di Semenanjung Malaysia dan usaha ini telah dipertingkatkan lagi pada tahun-tahun berikutnya. Lokasi yang telah dikenal pasti melalui Program *Blackspot* yang telah dirawat dari tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti berikut:

JADUAL 10 : Program Blackspot

TAHUN	JUMLAH LOKASI JALAN PERSEKUTUAN				JUMLAH
	SEMANANJUNG	SABAH	SARAWAK	LABUAN	
2009	10	-	-	-	10
2010	33	2	2	-	37
2011	20	10	10	-	40
2012	38	5	5	2	50
2013	30	10	10	-	50

Hasil pemantauan yang dijalankan di lokasi-lokasi *blackspot* di Jalan Persekutuan merekodkan, bagi tahun 2009, sebanyak 55 bilangan kemalangan telah dilaporkan di kawasan yang dikenal pasti kerap berlaku kemalangan. Selepas kerja-kerja rawatan dilaksanakan, pemantauan sehingga Disember 2012 mendapati kadar kemalangan di lokasi jalan persekutuan yang sama telah menurun kepada Enam Belas (16) kes kemalangan sahaja.

Bagi program *blackspot* yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 pula, sehingga Disember 2012, tiga (3) kes kemalangan telah direkodkan di lokasi-lokasi Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan juga Sarawak. Jumlah kemalangan sebelum rawatan adalah sebanyak 339 kes kemalangan.

Berikut adalah ringkasan keberkesanan rawatan kemalangan berdasarkan kepada ukuran pengurangan kadar kes kemalangan di Jalan Persekutuan sehingga kini;

JADUAL 11 : Keberkesanan Rawatan Kemalangan

TAHUN	JUMLAH KEMALANGAN		KADAR PERATUS PENURUNAN KES KEMALANGAN (%)
	SEBELUM RAWATAN	SELEPAS RAWATAN (sehingga 31 Jan. 2013)	
2009	55	16	71
2010	339	25	92.6
2011	452	21	95.4
2012	901	11	98.8

Aktiviti Semasa Bengkel Pemantapan Pengumpulan Data Kemalangan Dan Penggunaan GPS



Contoh beberapa lokasi *blackspot* sebelum dan selepas dirawat bagi tahun 2013:
FT 010 Seksyen 35, Lalan FT0010, Jalan Bahau–Kemayan, Jempol, Negeri Sembilan.

SEBELUM PEMBAIKAN



SELEPAS PEMBAIKAN



Jalan Sri Aman/Kuching-(Batu Lintang-junction to Engkilili Junction)-San Raba

SEBELUM PEMBAIKAN



SELEPAS PEMBAIKAN



KM 59 Jalan Kota Kinabalu–Sindumin (Simpang Pekan Kimanis).

SEBELUM PEMBAIKAN



SELEPAS PEMBAIKAN



• LAWATAN TEKNIKAL DAN KAJIAN KEBERKESANAN RAWATAN *BLACKSPOT* DI JOHOR

Cawangan Keselamatan Jalan Raya, Bahagian Perancang Jalan, Kementerian Kerja Raya telah menganjurkan program lawatan teknikal di Johor. Program lawatan teknikal di lokasi rawatan *blackspot* adalah merupakan aktiviti lawatan teknikal tahunan yang telah dirancang bagi tahun 2013. Tujuan lawatan teknikal ini diadakan adalah untuk memberikan gambaran kepada peserta tentang rawatan kawasan kerap berlaku kemalangan (*Blackspot*) yang telah dibuat sebelum ini selain menimba pengalaman berkenaan kaedah pembinaan yang dijalankan dari aspek teknologi dan inovasi di kalangan pegawai-pegawai di Bahagian Perancang Jalan Kementerian Kerja Raya.

Objektif penganjuran lawatan teknikal ini adalah: Memberikan maklumat berkenaan program keselamatan; *Blackspot* yang merupakan Petunjuk Prestasi (KPI) YB Menteri Kerja Raya

- Melihat keberkesanan rawatan kemalangan jalan raya yang telah dilaksanakan di bawah Program *Blackspot* oleh Cawangan Keselamatan Jalan Raya, Bahagian Perancang Jalan.
- Meningkatkan ilmu pengetahuan teknikal kepada para peserta berkenaan dengan masalah kemalangan yang berlaku serta kaedah rawatan yang sesuai.

Aktiviti Semasa Lawatan Teknikal



- Mengeratkan hubungan silaturahim antara peserta.

Lawatan teknikal selama 3 hari ini disertai oleh seramai 29 orang terdiri dari para pegawai Bahagian Perancang Jalan, KKR. Lokasi-lokasi yang dilawati ialah:

- Lokasi *Blackspot*; Jalan Kluang Air Hitam–Batu Pahat, Lalan FT0050 KM 32.
- Lokasi *Blackspot*; Jalan Kluang Air Hitam–Batu Pahat, Lalan FT0050 KM 6
- Pembinaan Persimpangan Pasir Gudang
- Lokasi *Blackspot*, Jalan Johor Bahru-Air Hitam, Lalan FT0001, KM 8
- Lokasi *Blackspot*, Jalan Johor Bahru- Air Hitam, Lalan FT0001, KM 28



• PROGRAM PEMBAIKAN LOKASI *BLACKSPOT* KPI YB MENTERI KERJA RAYA 2013

Objektif

- Membelanjakan 100% peruntukan yang disalurkan.
- Mengurangkan bilangan kemalangan yang berlaku di setiap lokasi sebanyak 50% dalam tempoh 3 tahun selepas kerja pembaikan.

Kriteria Pemilihan Lokasi

- Sekurang-kurangnya 3 kemalangan sama jenis yang berlaku dalam lingkungan jarak 50m radius dalam tempoh 3 tahun.
- Sekurang-kurangnya 5 kemalangan berlainan jenis yang berlaku dalam lingkungan jarak 50m radius dalam tempoh 3 tahun.
- Pemilihan lokasi berdasarkan senarai keutamaan Bahagian Perancang Jalan, Kementerian Kerja Raya.

Bilangan Lokasi Siap

- 54 lokasi

1. FT 003 SEK 134, JALAN JEMALUANG–MERSING, MERSING, JOHOR



2. FT001, SEK. 292, JLN SEREMBAN–TAMPIN, REMBAU, NEGERI SEMBILAN




3. FT 109 SEK 4, JALAN KG. BAHAGIA–KG. GAJAH, HILIR PERAK, PERAK.



4. FT 008 SEK 360, JALAN KOTA BHARU–KUALA KRAI, MACHANG, KELANTAN.



5. FT001, SEK. 806, JLN ALOR SETAR–BUTTERWORTH, KUALA MUDA, KEDAH





▶ Di sebalik keindahan hasil binaan-binaan di Malaysia

...KKR sentiasa berterusan mengingatkan kontakor Melayu dan Bumiputera untuk terus memperkasa diri bagi membolehkan mereka bersaing di peringkat global dan mendepani pelbagai cabaran semasa...

Kontraktor dan Industri Binaan ▶


KONTRAKTOR DAN INDUSTRI BINAAN

Kontraktor

• PENDAFTARAN BUMIPUTRA

PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA

Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) adalah sebuah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk memberi pengiktirafan Taraf Bumiputera kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang layak mengikut syarat yang telah ditetapkan. Taraf Bumiputera ini adalah penting kepada kontraktor-kontraktor ini untuk memasuki tender bagi projek-projek Kerajaan yang berstatus Bumiputera. Permohonan yang diterima daripada kontraktor akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Penilaian (JTKP) untuk kelulusan.



RAJAH 11 : Statistik Permohonan Yang Dibentangkan Ke JTKP

JADUAL 12 : Perincian Permohonan Yang Telah Dibentangkan Dalam JTKP Bagi Tahun 2013

Negeri	Permohonan Yang Dibentangkan Dalam JTKP					Jumlah Permohonan
	Permohonan Baru	Pembaharuan	Rayuan	Perubahan Maklumat	Siasatan (G1-G7)	
Johor	12	702	1	62	13	790
Kedah	10	592	7	45	57	711
Kelantan	20	462	4	89	19	594
Melaka	9	305	0	81	19	414
Negeri Sembilan	11	536	8	157	0	712
Pahang	9	536	0	211	39	795
Perak	4	517	3	0	0	524
Perlis	5	252	0	25	0	282
Pulau Pinang	13	329	6	88	13	449
Sabah	0	1106	2	42	2	1152
Sarawak	82	279	0	15	22	398
Selangor	6	908	0	423	0	1337
Terengganu	46	541	3	140	73	803
Wilayah Persekutuan	10	373	9	207	9	608
Ibu Pejabat	30	1310	171	53	310	1874
Jumlah	267	8748	214	1638	576	11443

190

Bilangan program pembangunan kontraktor Bumiputera sepanjang 2013

17,408

Bilangan kontraktor yang terlibat

• KURSUS

PENINGKATAN KOMPETENSI KONTRAKTOR

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 190 program pembangunan kontraktor Bumiputera telah dijalankan di seluruh negara dengan penglibatan seramai 17,408 orang kontraktor. Ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.6 juta.

120 KONTRAKTOR G1 DAN G2 SABAH HADIRI KURSUS PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN (B28)

KKR dengan kerjasama Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) telah menganjurkan Kursus Pengubahsuaian Bangunan bermula pada 15 Jun sehingga 16 Jun 2013 bertempat di Kompleks Tabung Haji, Kota Kinabalu, Sabah.



Majlis Perasmian Kursus ini telah disempurnakan oleh YB. Datuk Rosnah Bt Haji Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya. Perasmian ini turut dihadiri oleh YBrs. En Yahaya Hasan, Pengarah PKK Malaysia, YBhg. Dato' Mokhtar Samad, Presiden PKMM Pusat dan YBrs. Haji Awadnir Bin Matanggal, Yang Dipertua PKMM Cawangan Negeri Sabah. Turut hadir ialah wakil-wakil dari PKK Sabah, PKMM Sabah, CIDB Negeri Sabah dan Pengurus Kompleks Tabung Haji Cawangan Negeri Sabah.

BULAN (2013)	BIL KURSUS	BIL KONTRAKTOR
JANUARI	5	410
FEBRUARI	18	1,401
MAC	16	1,833
APRIL	21	3,625
MEI	26	1,935
JUN	31	2,179
JULAI	15	1,184
OGOS	14	1,255
SEPTEMBER	29	2,668
OKTOBER	15	918
JUMLAH	190	17,408

Kursus ini merupakan pra syarat kepada kontraktor-kontraktor kerja awam G1 dan G2 untuk membuat penambahan bidang kerja pengkhususan B28–Ubahsuaian Bangunan di dalam syarikat masing-masing.

Kursus ini telah dihadiri seramai 120 orang kontraktor dari sekitar pantai barat Sabah yang merangkumi Kota Belud, Kudat, Kota Kinabalu, Membakut, Beaufort, Tawau dan Lahad Datu. Para kontraktor dibahagikan kepada tiga kelas iaitu Bilik Kuliah Kota Belud, Bilik Kuliah Sandakan dan Bilik Kuliah Ranau. Pada akhir kursus ini kontraktor dikehendaki menduduki Ujian bertulis untuk memperolehi Sijil Kecekapan Pengurusan sebagai syarat penambahan bidang kepala kerja B28 beserta dengan 20 mata CCD bagi tujuan pembaharuan lesen di CIDB.



SEMINAR ASAS PENYELENGGARAAN BANGUNAN DAN KERJA MENGECAT

Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin telah menghadiri Seminar Asas Penyelenggaraan Bangunan dan Kerja-Kerja Mengecat anjuran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Kedah dengan kerjasama Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Kedah di Sungai Limau pada 28 Oktober 2013.

Seminar ini bertujuan sebagai medan untuk para kontraktor bumiputera sekitar Negeri Kedah berkongsi ilmu berkaitan kerja penyelenggaraan dan kerja mengecat yang merupakan kemahiran asas bagi kontraktor kerja awam. Syarikat Bina Integrated Industries Sdn. Bhd. pula telah menyumbangkan cat jenama BINA PAINT keluaran syarikat mereka untuk kerja praktikal mengecat dewan dan surau disekitar Daerah Sungai Limau ini.



SEMINAR UNTUK KONTRAKTOR KEDAH DAN PROGRAM CSR

Seramai 200 kontraktor dari kelas G1 hingga G7 sekitar Negeri Kedah telah menghadiri Seminar Kerja-kerja Pembaikan Am Bangunan dan Latihan Praktikal anjuran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang diadakan di Kampung Padang Lumat, Kedah.

Pada seminar para kontraktor telah menjalani latihan praktikal dengan melakukan kerja-kerja pembaikan ke atas dua buah rumah penduduk kampung yang terpilih. Perasmian penutupan seminar ini telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof diiringi Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.



YB Menteri juga turut menyampaikan sumbangan barangan keperluan asas kepada sepuluh ketua isi rumah sekitar Kampung Padang Lumat yang turut disampaikan bersama-sama dengan Encik Yahaya bin Hasan, Pengarah PKK Malaysia dan Dato' Mokhtar Hj Samad, Presiden PKMM.

269

Bilangan siasatan sepanjang 2013

• PENGUATKUASAAN DAN INSPEKTORAT

Kontraktor kerja yang diberi pengiktirafan Taraf Bumiputera oleh PKK adalah tertakluk kepada pematuan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Bagi memastikan kontraktor kerja yang bertaraf Bumiputera ini berkualiti dan mencapai standard yang ditetapkan, PKK amat komited dalam menjalankan tugas penguatkuasaan dan inspektorat secara berterusan.

Bagi tahun 2013, PKK telah menjalankan sebanyak 269 siasatan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 37 kontraktor telah diambil tindakan pembatalan sijil Taraf Bumiputera kerana didapati tidak mematuhi

• KURSUS PENGUKURAN KUANTITI PROJEK DALAM PEMBINAAN

YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof, Menteri Kerja Raya telah sudi merasmikan Penutupan Kursus Pengukuran Kuantiti Projek dalam Pembinaan anjuran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Kerja Raya (KKR). Kursus ini merupakan salah satu usaha PKK untuk memberi pendedahan dan kemahiran kepada kontraktor berhubung pengurusan projek dan kuantiti dalam projek-projek pembinaan.



37

Bilangan kontraktor yang diambil tindakan

syarat penarafan Bumiputera. Antara kesalahan yang dikenalpasti adalah:

- Mengsubkan projek kepada kontraktor lain melebihi 70% daripada nilai kerja;
- Premis berdaftar tidak beroperasi;
- Kakitangan bukan Bumiputera aktif dalam syarikat;
- Pengurusan kewangan yang meragukan (penglibatan pihak luar);
- Berkongsi premis dengan syarikat lain (G7 sahaja);
- Ahli Lembaga Pengarah dan pegawai teknikal didapati tidak aktif dalam syarikat; dan
- Syarikat telah dikenakan Notis Penamatan oleh agensi yang terlibat.

Kursus ini telah diadakan pada 30 Jun 2013, bertempat di Hotel Merdeka Palace, Kuching dan di hadiri seramai 120 orang kontraktor daripada Gred G1 sehingga G7, dari seluruh daerah Negeri Sarawak termasuklah yang berada di Lawas dan Limbang. Para kontraktor yang hadir akan mendapat 20 mata CCD bagi tujuan pembaharuan lesen di peringkat CIDB dan kursus ini akan digunakan untuk memperbaharui Sijil Taraf Bumiputera kontraktor PKK.

• PROGRAM PADANAN (MATCHMAKING)

Program Padanan (*Matchmaking*) merupakan program yang menemukan kontraktor Bumiputera dengan pengeluar, pembekal dan pengusaha kedai *Hardware* Bumiputera serta agensi-agensi Kerajaan yang terlibat yang bertujuan untuk pemupukan jalinan rangkaian dalam industri dan mengurangkan jurang ketirisan serta meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam pembekalan bahan-bahan binaan.

Dari Januari hingga Disember 2013, sebanyak 16 program dilaksanakan dan melibatkan 213 peserta yang terdiri daripada kalangan kontraktor dan usahawan binaan.

Bil.	Tarikh	Negeri	Jumlah Peserta Program
1	30 Januari 2013	Melaka	4
2	16 April 2013	Kelantan	5
3	16 April 2013	Kelantan	5
4	17 April 2013	Melaka	6
5	22 Mei 2013	Pulau Pinang	29
6	23 Mei 2013	Pulau Pinang	31
7	29 Mei 2013	Melaka	8
8	29 Julai 2013	Johor	2
9	27 Ogos 2013	Kelantan	3
10	28 Ogos 2013	Pahang	10
11	28 Ogos 2013	Perak	10
12	29 Ogos 2013	Kedah	13
13	5 Sept 2013	Selangor	11
14	18 Sept 2013	Selangor	10
15	4 Nov 2013	Perlis	9
16	12 Nov 2013	Terengganu	57

• PROGRAM SEMINAR INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM (IBS)

Program Seminar ini merupakan yang kedua seumpamanya yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Pusat IBS, CIDB yang telah menarik penyertaan 200 peserta seminar yang terdiri

daripada pelbagai golongan seperti Penjawat Awam, Kontraktor dan Profesional yang diadakan pada 13 Jun 2013.

Tujuan Program Seminar ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai peluang-peluang dan teknologi IBS kepada pengusaha-pengusaha IBS

Bumiputera di seluruh Negara selaras dengan Dasar Pembinaan Negara sebagaimana Surat Pekeliling Perbendaharaan Tahun 2008 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan yang mewajibkan penggunaan 70% kandungan IBS dalam semua projek kerajaan.

Oleh yang demikian, peluang ini perlu didedahkan kepada usahawan-usahawan IBS Bumiputera agar peluang-peluang yang ada dapat dipelopori oleh mereka. Sehingga kini, dianggarkan terdapat seramai 43 pengusaha IBS Bumiputera di seluruh negara

- **Renovation Expo 2013**
(31 Mei–2 Jun 2013);
- **One Build 2013**
(9–12 Okt 2013);
- **Pameran Keusahawanan di PWTC**
pada 2–7 Dis 2013.

• SEMINAR PENJANAAN IBS BUMIPUTERA

Bahagian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kerja Raya (KKR) dengan kerjasama CIDB telah menganjurkan Seminar Sehari bertajuk Seminar Penjanaan IBS Bumiputera .

Tujuan Seminar ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai dasar Pembinaan IBS dan peluang-peluang yang ada bagi Usahawan Bumiputera dalam industri IBS.

Seramai 325 orang peserta yang terdiri daripada kontraktor, pemasang, pengilang IBS Bumiputera dari



Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Perak (Zon Tengah) telah menghadiri seminar ini.

Seminar yang sama juga telah diadakan di Zon Utara (melibatkan peserta dari Perlis, Pulau Pinang dan Kedah), Zon Timur (Terengganu, Kelantan dan Pahang) serta Zon Selatan (Melaka, Negeri Sembilan dan Johor) pada bulan Jun 2013 yang lalu.

Keempat-empat seminar ini telah melibatkan seramai lebih kurang 1300 orang Usahawan Bumiputera.



“mengingatkan kontaktor Melayu dan Bumiputera untuk terus memperkasa diri bagi membolehkan mereka bersaing di peringkat global dan mendepani pelbagai cabaran semasa”

• SKIM KUMPULAN WANG AMANAH KONTRAKTOR (SKWAK)

SKWAK adalah satu inisiatif Kerajaan dalam membantu golongan kontraktor bumiputera dengan memberi bantuan wang pendahuluan bagi memulakan kerja kontrak Persekutuan yang diperolehi daripada Jabatan Kerja Raya (JKR). Had jumlah pinjaman SKWAK yang ditawarkan kepada kontraktor adalah berdasarkan 15% daripada nilai kerja pembina (builders work) bagi kontrak kerja berkenaan.

JADUAL 13 : Bilangan Permohonan Yang Diterima Sepanjang Tahun 2013

BULAN	NEGERI	BILANGAN PEMOHON	STATUS PERMOHONAN	NILAI DILULUSKAN (RM)
Januari	Pulau Pinang	1	Lulus	694,500.00
	Terengganu	1	Gagal	0.00
	Melaka	1	Lulus	587,500.00
Februari	Melaka	1	Gagal	0.00
April	Terengganu	1	Lulus	295,000.00
Julai	Perak	1	Lulus	139,800.00
	Perak	1	Gagal	0.00
Oktober	Johor	1	Lulus	479,800.00
Jumlah		8	5 Lulus	2,196,600.00

• MAJLIS MAKAN MALAM PENGHARGAAN DAN ANUGERAH KONTRAKTOR

Majlis Makan Malam Penghargaan & Anugerah anjuran Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) telah diadakan pada 15 Disember 2013.

Dalam majlis itu, PKMM telah menyumbang RM180,000 kepada Tabung Bencana The New Straits Time Press (M) Berhad untuk mangsa banjir dan sumbangan itu telah disampaikan oleh YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof kepada Penasihat Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Ahmad A Talib.

Dalam ucapan perasmian majlis tersebut, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof mengingatkan kontaktor Melayu dan Bumiputera untuk terus memperkasa diri bagi membolehkan mereka bersaing di peringkat global dan mendepani pelbagai cabaran semasa. Turut hadir sama ialah Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan Presiden PKMM, Datuk Mokhtar Samad.



• MALAYSIA INTERNATIONAL RENOVATION EXHIBITION 2013

Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin telah merasmikan Booth Malaysia International Renovation Exhibition bertempat di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 31 Mei 2013.

Sebanyak sepuluh booth pameran yang terdiri daripada 12 syarikat kontraktor Bumiputera telah menyertai pameran ini dan kesemuanya telah dibiayai oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Kerja Raya (KKR). Objektif utama penyertaan PKK didalam program ini adalah untuk membuka peluang dan ruang bagi kontraktor, pembekal dan pengilang Bumiputera untuk memasarkan produk dan perkhidmatan syarikat masing-masing selain mengetengahkan kontraktor Bumiputera ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

Siri ekspo ini dijadual berlangsung pada bulan September dan November tahun ini bagi meneruskan usaha yang dilakukan dalam mengetengahkan kontraktor Bumiputera. Program Malaysia International Renovation Exhibition 2013 ini dianjurkan oleh EG Group Holding Sdn. Bhd. dan berlangsung bermula 31 Mei hingga 2 Jun 2013.



• SCORE

PROGRAM PENILAIAN KEUPAYAAN DAN KEMAMPUAN KONTRAKTOR (SCORE) CIDB

Program Penilaian Keupayaan Dan Kemampuan Kontraktor (SCORE) yang diperkenalkan oleh Lembaga merupakan satu program khusus yang dibangunkan oleh CIDB dengan kerjasama SME Corp bagi mengukur keupayaan dan kemampuan kontraktor tempatan di Malaysia dan bagi mempertingkatkan imej industri pembinaan bersesuaian dengan kehendak Pelan Induk Industri Pembinaan atau *Construction Industry Master Plan (CIMP)*.

Objektif Program

- Untuk memberi pengiktirafan kepada kontraktor yang mempunyai keupayaan dan pencapaian dalam aspek pengurusan kewangan, teknikal dan sebagainya.
- Untuk mengenalpasti kelemahan kontraktor dan seterusnya membantu CIDB menyediakan program-program yang dapat meningkatkan keupayaan dan kemahiran kontraktor.
- Untuk membangunkan profil industri bagi mengenal tahap keupayaan kontraktor tempatan dan mengukur "benchmark" di antara kontraktor-kontraktor di dalam dan luar Negara.
- Untuk membantu pihak klien dalam pemilihan kontraktor yang berkualiti.

Kaedah Pengukuran

Melalui program SCORE ini, syarikat kontraktor akan dinilai keupayaannya berdasarkan 7 parameter seperti berikut:

- Prestasi Perniagaan,
- Keupayaan Kewangan,
- Keupayaan Teknikal,
- Pengurusan Projek,
- Pengurusan Perolehan,
- Amalan Terbaik, dan
- Keupayaan Pengurusan

• PROGRAM PEMERKASAAN KONTRAKTOR


YB Timbalan Menteri Kerja Raya di Mesyuarat Agung Kali Ke 31, PKMM



Industri Binaan

• STATISTIK PENCAPAIAN KEMAHIRAN KONTRAKTOR, TENAGA KERJA DAN PROFESIONAL

CARTA 7 : Pencapaian Sasaran Mewujudkan Tenaga Kerja Yang Kompeten Dan Produktif 2013



• LEVI

Akta CIDB memberi kuasa kepada CIDB untuk mengena dan mengutip levi bagi setiap kontrak kerja bernilai lebih daripada RM500,000, pada kadar 0.125% daripada harga kontrak. Wang pungutan levi inilah yang digunakan untuk menjalankan operasi CIDB yang kebanyakannya tertumpu kepada pembangunan industri. Bagi tahun 2013, CIDB berjaya menjana pendapatan dari hasil pengenaan levi ke atas 8,888 kontrak kerja pembinaan berjumlah RM167.92 juta. Berbanding tahun 2012, hasil pengenaan levi meningkat sebanyak RM17.46 juta (11%). Bilangan projek yang dikenakan levi pada tahun 2012 ialah 7,565, peningkatan sebanyak 1,323 projek.

Tahun 2013 juga mencatatkan pengurangan amaun levi tertunggak sebanyak RM20.04 juta daripada 538 kes tertunggak. Ini merupakan 35% daripada keseluruhan amaun levi tertunggak yang terkumpul sebanyak RM56.59 juta (1,646 kes).

Kejayaan tahun 2013 terhasil dari penubuhan pasukan petugas dalam melaksanakan penguatkuasaan dan pengesanan projek-projek semasa dan terdahulu bagi mengurangkan ketirisan pengenaan levi. Pasukan petugas mengesan dan mengenal pasti projek-projek pembinaan kerajaan dan swasta melalui sumber data One Stop Centre Pihak Berkuasa Tempatan, Sistem Pelaksanaan Projek II, tender JKR, maklumat daripada agensi-agensi meliputi Telekom, TNB, PLUS, Petronas, SYABAS, IWK dan maklumat projek daripada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB.

Bagi mengurangkan ketirisan kutipan levi dan mengurangkan levi tertunggak, CIDB akan terus meningkatkan kecekapan pengurusan kutipan levi melalui tindakan dan penguatkuasaan yang lebih ketat, meliputi pendaftaran kontraktor, menyenarai hitam pengarah syarikat dan tindakan tatatertib serta menyekat dan menggantung pendaftaran kontraktor.

702

bilangan projek global telah diperolehi dengan nilai projek berjumlah **RM110.87 billion**.

Lebih 90%

projek dengan nilai **RM72.6 billion** telah disiapkan...

• BISNES ANTARABANGSA (INTERNATIONAL PROJECT)

Globalisasi telah mewujudkan pelbagai peluang serta cabaran kepada syarikat pembinaan tempatan. Di samping usaha meningkatkan penceburan syarikat pembinaan tempatan di arena global, pelbagai usaha lain telah dan sedang dilaksanakan untuk memastikan syarikat pembinaan tempatan mampu membina daya saing untuk menempuh pelbagai cabaran di peringkat domestik dan Global.

Hasil program peningkatan bisnes global terbukti berjaya apabila hingga tahun ini, 702 projek global telah diperolehi dengan nilai projek berjumlah RM110.87 billion. Lebih 90% projek dengan nilai RM72.6 billion telah disiapkan dan bakinya sedang di peringkat pembinaan.

Program utama penggalakkan bisnes antarabangsa ialah memasarkan industri pembinaan negara dalam cara yang tertumpu di peringkat global. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan termasuklah;

Kerjasama antarabangsa dan Liberalisasi Perdagangan

CIDB merupakan antara agensi utama yang mewakili kerajaan dan sektor pembinaan negara dalam pelbagai rundingan globalisasi yang melibatkan kerjasama antarabangsa di peringkat dua hala, pelbagai hala dan serantau serta liberalisasi

perdagangan. Antara aktiviti-aktiviti yang disertai melibatkan mesyuarat/rundingan kerjasama antarabangsa dan liberalisasi perdagangan dengan negara-negara China, India, Japan, Myanmar, Indonesia, Vietnam dan Republik Afrika Selatan

Kerjasama dua hala dalam pelaksanaan projek luar Negara


CIDB bertindak sebagai pemangkin kepada kontraktor-kontraktor tempatan dalam usaha memperolehi projek-projek luar negara secara rundingan terus dengan menggunakan pendekatan kerjasama antara Kerajaan dengan Kerajaan (G2G). Pendekatan ini biasanya bermula dengan pemeteraian Perjanjian Persefahaman (MOU) di antara kedua-dua negara. Sehingga akhir 2013, CIDB telah memudahcara penyertaan syarikat-syarikat pembinaan Malaysia untuk lapan (8) MOU yang

telah dan akan ditandatangani oleh Malaysia dengan negara asing. Negara-negara ini termasuklah India, Bangladesh, Djibouti, Myanmar, Guinea, Tatarstan dan Qatar. Antara projek-projek yang dimudahcara termasuklah;

1. Pemberian Perkhidmatan bantuan Teknikal untuk pembangunan dan pengurusan Jalan raya di India.
2. Kerjasama dalam bidang infrastruktur di Republik Rakyat Bangladesh.
3. Kerjasama dalam bidang Infrastruktur, Minyak dan Gas di Republik Djibouti
4. Membangunkan mekanisme pelaksanaan projek-projek yang bermanfaat bagi kedua-dua kerajaan dan menjalin hubungan kerjasama jangka panjang antara Malaysia dan Myanmar
5. Pelaksanaan projek melalui pendekatan G2G dengan Guinea.

Laporan Bisnes Negara

Laporan Bisnes Negara yang disediakan merangkumi laporan berkenaan dengan sosio-ekonomi serta panduan menjalankan bisnes di negara berkenaan. Antara Laporan Bisnes Negara yang telah disediakan adalah seperti berikut;



"Setakat ini CIDB telah menyediakan 20 Laporan 'Doing Business' bagi negara-negara yang telah disasarkan."



• MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA (ICW) 2013

Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2013 telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB. Dato'Yong Khoo Seng pada 26 Mac 2013 bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Program anjuran Kementerian Kerja Raya (KKR) menerusi agensinya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ini berlangsung selama tiga hari bermula 26 hingga 28 Mac 2013 dengan bertemakan Transformasi.

ICW 2013 merupakan pentas bagi para pemain industri binaan tempatan dan luar negara bertemu serta berkongsi maklumat, menjalin hubungan serta menjadi medan percambahan ilmu bagi amalan terbaik di dalam pembinaan. Program tahunan yang telah masuk tahun kedua belas penganjurannya ini terdiri daripada beberapa komponen utama iaitu pameran, persidangan dan seminar.

Antara acara yang telah disusun oleh pihak penganjur sepanjang ICW 2013 berlangsung adalah seperti

Pameran dan Persidangan Road Engineering Association of Asisa & Australasia (REAA) keempat belas, Second Malaysia Eco-Building and Design atau lebih dikenali sebagai Eco-B, Malaysian Construction Summit kelima, Construction Research Achievement International Conference (CIRAIC) dan Construction Project Managers National Symposium 2013.

• ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (MCIEA)

Majlis Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) 2012 bersempena dengan Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2013 telah diadakan pada 28 Mac 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Penganugerahan MCIEA ini telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Dato' Sri Dr. Ali Hamsa. Pada majlis ini, sebanyak 13 pemenang yang terdiri daripada lima kategori telah diraikan. Bagi kategori The Prominent Player Award, ia dimenangi oleh YBhg. Dato' Ng Kee Leen, Pengarah Eksekutif GAMUDA Berhad. Tujuh kontraktor pula dipilih untuk kategori Contractor Awards iaitu IJM Construction Sdn Bhd. (kategori G7), Putra Sentosa Enterprise (G6), Monchek Technology (M) Sdn. Bhd. (G5), Renoplex Sdn. Bhd. (G4), Kluang Setia Development Sdn. Bhd. (G3), 1st Builders Sdn. Bhd. (G2) dan Double R Enterprise (G1). Bagi kategori Project Awards, syarikat yang dipilih ialah Bina Puri Construction Sdn. Bhd. (Eastern Dispersal Link-EDL, Johor Bahru), Kluang

Setia Development Sdn. Bhd. (Pembangunan perumahan di Kluang, Johor) dan Digione Malaysia Sdn. Bhd. (Bangunan Naza Kia Malaysia, Petaling Jaya). Anugerah International Achievement Award dimenangi oleh Sunway Construction Sdn. Bhd. (pembinaan Pembangunan Bandar Sukan Zayed, Abu Dhabi, UAE) manakala Special Award for Innovation dimenangi oleh pasukan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (DNA Damper System). MCIEA 2012 merupakan tahun kedua belas penganjurannya dan merupakan penganugerahan kepada penggiat industri pembinaan selepas dipilih melalui satu proses penilaian yang rapi oleh jawatankuasa dan panel hakim. Menurut YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim, Ketua Pegawai Eksekutif CIDB sewaktu menyampaikan ucapan aluan, sebanyak 212 penyertaan telah diterima dan merupakan peningkatan angka daripada tahun sebelumnya.



• PERSIDANGAN ANTARABANGSA DAN PAMERAN ECOBUILD SOUTHEAST ASIA 2013

Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama agensi di bawahnya iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa iaitu *International Sustainable Infrastructure and Built Environment 2013* bersempena dengan penganjuran pameran antarabangsa *Ecobuild Southeast Asia 2013*. Majlis perasmian telah berlangsung pada 17 September 2013 dan disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof di Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).



Persidangan tersebut yang bertemakan "*Driving Sustainability And Resiliency In Infrastructure And Urban Cities Development*" akan memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur mampan, selain daripada membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan kesan pembangunan ke atas alam sekitar di peringkat global.



Pameran *Ecobuild Southeast Asia 2013* yang bermula dari 17 hingga 19 September 2013 ini pula adalah gabungan tiga pameran utama, iaitu *Greenbuild Asia 2013*, *Solarasia Expo 2013* dan *Ecolight Asia 2013*. Ia bertujuan untuk mendedahkan dan menggalakkan penggiat industri mengguna pakai teknologi baru dan terkini serta mempromosikan Malaysia sebagai sebuah pusat pembinaan mampan di rantau ini.



• PERSIDANGAN DAN PAMERAN INDUSTRI REL ASIA 2013

Persidangan dan Pameran Industri Rel Asia 2013 (*Rail Business Asia 2013*) merupakan acara industri rel bersepadu bertaraf antarabangsa yang dianjurkan dengan kerjasama Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan MiGHT.



Persidangan yang berlangsung selama tiga hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur ini telah dirasmikan pada 10 September 2013 oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Sebanyak 30 *exhibitor* dari dalam dan luar negara seperti Perancis, Jerman, Sepanyol dan Republik Korea terlibat berkongsi ilmu industri rel dan 16 kertas kerja dibentangkan oleh pakar-pakar dalam bidang rel dari dalam dan luar Negara.

Turut hadir pada majlis perasmian ialah Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Datuk Himmat Singh, Pengerusi CIDB, YBhg. Datuk Ir. Hamzah Hasan dan YBhg. Tan Sri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, pengerusi SPAD.



• MAJLIS MENANDATANGANI MOU CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan anak syarikatnya telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan tiga syarikat multinasional bagi latihan kemahiran kepada belia dan juga personel binaan. Syarikat tersebut adalah Monier, pengeluar jubin bumbung, Akzo Nobel, pengeluar cat ICI Dulux dan GroupAssociated, pengeluar penghawa dingin York. Pada majlis ini, CIDB turut menandatangani MoU bersama dua Agensi Berkaitan Kerajaan iaitu Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) bertujuan menarik minat graduan lepasan universiti dan pesara tentera menceburi serta meningkatkan kemahiran dalam industri pembinaan. Upacara ini disaksikan oleh



Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof, YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian dan YBhg. Datuk Hamzah Hasan, Pengerusi CIDB.



A photograph showing two construction workers in white hard hats and safety vests. They are looking at a laptop held by one of them. They are standing under a concrete bridge structure over a river. The background shows a lush green forest and a blue sky with light clouds.

▶ Di sebalik
kehebatan
kejuruteraan

...Kami sentiasa
berusaha serta komited
untuk mewujudkan
peluang pasaran dan
perkhidmatan profesional
yang berwibawa...

Pembangunan
Profesionalisme ▶

PEMBANGUNAN PROFESIONALISME

Sebagai persediaan dalam merealisasikan Negara Malaysia sebagai Negara maju menjelang tahun 2020, perkhidmatan pembangunan profesionalisme merupakan tunjang utama dalam konteks pembangunan Negara secara makro.

Kementerian akan terus melaksanakan program dan inisiatif bagi menyediakan peluang, bantuan dan rundingan dalam ruang lingkup perkhidmatan professional Negara agar terus berdaya saing di peringkat global melalui sokongan bersepadu dan pakatan strategik bersama agensinya.

• MUTUAL RECOGNITION AGREEMENT (MRA)

MRA yang melibatkan Kementerian Kerja Raya adalah ASEAN Chartered Professional Engineers Coordinating Committee (ACPECC) dan ASEAN Architect Council (AAC) yang merupakan landasan bagi menetapkan standard dan akreditasi terhadap kelayakan jurutera dan arkitek di peringkat ASEAN.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak lima (5) siri mesyuarat telah diadakan bagi memenuhi komitmen komuniti ASEAN menjelang tahun 2015 terutamanya di bawah Asean Framework Agreement on Services

(AFAS). Senarai mesyuarat dan rundingan yang diwakili oleh BAPP dan Lembaga Jurutera serta Arkitek adalah seperti berikut:

- 21st ACPECC and 17th AAC MRA Meeting, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 2–6 Julai 2013;
- 22nd ACPECC and 18th AAC MRA Meeting, Bangkok, Thailand 2–7 September 2013; dan
- 23st ACPECC and 19th AAC MRA Meeting, Luang Prabang, Laos, 25–28 November 2013.

75th ASEAN COORDINATING COMMITTEE ON SERVICES (75th CCS) MEETING DATE : 3–7 SEPTEMBER 2013 VENUE : THE LANDMARK HOTEL, BANGKOK



ASEAN Chartered Professional Engineer Coordinating Committee (ACPECC) Meeting



Penyerahan Laporan Kajian 'Institutional Strengthening of National Highways Authority of India (NHAI) kepada Kerajaan India



Representatives from Member Countries for ACPECC Meeting



ASEAN Chartered Professional Engineer Coordinating Committee (ACPECC) Meeting



Technical visit to the Subway Construction at Hua Lampong Station, Bangkok, Thailand

• LAWATAN DELEGASI LUAR YANG MENGADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KE KEMENTERIAN KERJA RAYA

- Kunjungan Hormat H.E. Shahid M G Kiani, Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Malaysia ke atas Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya, Malaysia, 15 Mei 2013;
- Study Mission To Malaysia By Officials From Government Of Islamic Republic Of Afghanistan To Ministry Of Works, 14 Jun 2013;
- Kunjungan Hormat H.E. Mr. Shigeru Nakamura, Duta Jepun ke Malaysia ke atas Menteri Kerja Raya Malaysia, 17 Jun 2013;
- Kunjungan Hormat Mr. Lee Yong Wook, Director Of Its & Road Environment Division Of Ministry Of Land, Infrastructure And Transport (Molit) South Korea ke atas Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia, 9 September 2013;



Kunjungan Hormat H.E. Shahid M G Kiani, Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Malaysia ke atas Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya, Malaysia, 15 Mei 2013



Study Mission To Malaysia By Officials From Government Of Islamic Republic Of Afghanistan To Ministry Of Works, 14 Jun 2013



Kunjungan Hormat H.E. Mr. Shigeru Nakamura, Duta Jepun ke Malaysia ke atas Menteri Kerja Raya Malaysia, 17 Jun 2013



Kunjungan Hormat H.E. Datuk Naimun Ashakli bin Mohamad, Bakal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India, 30 Oktober 2013

Kunjungan Hormat H.E. Mr. Nicolai Ruge, Duta Denmark ke atas YB Menteri Kerja Raya, 10 Disember 2013

- Kunjungan Hormat H.E. Datuk Naimun Ashakli bin Mohamad, Bakal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India, 30 Oktober 2013;
- Kunjungan Hormat H.E. Abdelmalik Bouheddou, Duta Algeria ke atas YB Menteri Kerja Raya di Parlimen Malaysia, 14 November 2013; dan
- Kunjungan Hormat H.E. Mr. Nicolai Ruge, Duta Denmark ke atas YB Menteri Kerja Raya, 10 Disember 2013.

Bagi meningkatkan lagi liberalisasi dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan, halangan-halangan yang menghalang proses liberalisasi ini perlu dikenalpasti dan dikurangkan...

• PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MOU)

MoU Malaysia-India yang telah ditandatangani pada Disember 2010 dan bagi bahagian pertama MoU, Malaysia telah memenuhi MoU tersebut dengan menyediakan Laporan Kajian Institutional Strengthening of National Highway Authority India (NHAI). Laporan ini telah dikemukakan kepada Kerajaan India pada Mac 2013.

Bahagian kedua MoU tersebut adalah berkenaan penawaran pelaksanaan 1,000 kilometer jalan kepada kontraktor Malaysia, dua (2) projek jalan di Tamil Nadu telah dikenalpasti oleh Kerajaan India.

Kerajaan India telah memajukan dua kajian kemungkinan projek jalan bagi lebuh raya di Tamil Nadu untuk penelitian kerajaan Malaysia. Jawatankuasa Pemandu MOU kini sedang mengkaji kajian tersebut dan pihak CIDB telah menjalankan pra kelayakan bagi mengenalpasti beberapa kontraktor yang berkebolehan dan layak untuk melaksanakan projek tersebut.

Sementara itu, MoU Malaysia-Bangladesh, KKR telah dilantik untuk mengenalpasti kontraktor yang berwibawa untuk melaksanakan projek Jambatan Padma yang dijangka menelan belanja sebanyak RM6.3 billion dan sepanjang 6.15 kilometer. Penilaian bagi kontraktor yang berkebolehan untuk melaksanakan projek ini masih dalam penelitian.

• MENGENALPASTI DAN MENGURANGKAN HALANGAN PERDAGANGAN

Bagi meningkatkan lagi liberalisasi dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan, halangan-halangan yang menghalang proses liberalisasi ini perlu dikenalpasti dan dikurangkan. Ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan trade in service melalui pembukaan pasaran.

Lanjutan itu, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Jurutera, Lembaga Akitek dan Lembaga Juruukur Bahan telah mengambil inisiatif antaranya dengan menambah baik dan meminda akta, garis panduan dan peraturan berkaitan perkhidmatan profesional iaitu Akta Pendaftaran Jurutera, Akta Arkitek dan Akta Juruukur Bahan.

Cadangan penambahbaikan ini akan meningkatkan daya saing negara melalui pergerakan perkhidmatan profesional dengan penghapusan pegangan ekuiti asing untuk syarikat rundingan profesional Single Disciplinary dan Multi-Disciplinary Practice, menghapuskan sekatan kewarganegaraan,

membenarkan pendaftaran bagi profesional asing yang berkelayakan untuk menawarkan perkhidmatan di Malaysia serta membenarkan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Asing bagi syarikat rundingan profesional.

Dari segi kemajuan, pindaan ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2014.

Di samping itu juga, salah satu langkah bagi mengurangkan halangan perdagangan adalah dengan mengkaji semula dan menambah baik komitmen dalam Free Trade Agreement (FTA). Ini bagi memastikan Malaysia mendapat pulangan terbaik melalui FTA yang telah ditandatangani.



Pada tahun 2013, KKR telah mengkaji semula FTA antara Malaysia-Jepun berkaitan dengan ekuiti pemilikan. Dalam pada itu, KKR bersama agensi akan memastikan komitmen FTA untuk perjanjian lain ini juga akan dikaji selaras dengan keperluan dasar kerajaan semasa.

Lembaga Jurutera Malaysia


PENDAFTARAN JURUTERA DAN AMALAN PERUNDING KEJURUTERAAN

Berikut adalah pencapaian dari segi pendaftaran mengikut kategori individu (jurutera professional, jurutera siswazah, jurutera sementara serta Pemeriksa Bertauliah) dan kategori pendaftaran syarikat amalan kejuruteraan perunding (pertubuhan perbadanan, amalan multi disiplin, perkongsian dan pemilik tunggal). Pencapaian diterjemahkan dalam bentuk statistik di carta 1, 2, 3 dan 4.


CARTA 8 : Jumlah Jurutera dan Amalan Perunding Kejuruteraan Berdaftar Sehingga 31.12.2013




CARTA 9 : Jumlah Jurutera dan Amalan Perunding Kejuruteraan Berdaftar 1.1.2013–31.12.2013



CARTA 10 : Jurutera Siswazah Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia Sehingga Tahun 2013



CARTA 11 : Jurutera Profesional Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia Bagi Tahun 2013



• MAJLIS MAKAN MALAM LJM KE-40



LJM telah menganjurkan Majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-40 pada 7 Julai 2013 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur bagi meraikan ulang tahun ke-40 LJM seterusnya menghargai pencapaian dan sumbangan besar profesion kejuruteraan ke arah pembangunan negara. Majlis Makan Malam ini merupakan satu acara besar yang dinanti-nantikan kerana ianya dianjurkan sekali dalam setiap 10 tahun. Majlis diserikan dengan kehadiran

Tetamu Kehormat iaitu Menteri Kerja Raya, YB Dato 'Hj. Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Kerja Raya, Y.B. Datuk Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Himmat Singh serta beberapa Presiden lama BEM. Seramai hampir 1,000 orang tetamu turut hadir.



Acara kemuncak majlis adalah pelancaran Setem Peribadi Korporat LJM dan penyampaian Sijil Penghargaan kepada Pengerusi, Pengerusi lama dan ahli-ahli Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) baru dan lama yang memainkan peranan penting dalam pencapaian Malaysia menjadi

Penandatanganan penuh Washington Accord oleh YB Menteri Kerja Raya, YB Dato 'Hj. Fadillah bin Haji Yusof. YBhg. Dato' Wira Ir. Md Sidek Ahmad diberi penghormatan menerima sijil penghargaan bagi pihak ahli-ahli EAC.



INTERNATIONAL ENGINEERS ALLIANCE MEETING 17 – 21 JUNE 2013, THE MILLENNIUM HILTON HOTEL, SEOUL KOREA

LJM telah menghantar satu delegasi berjumlah 10 orang (termasuk 1 orang dari Institusi Jurutera Malaysia) untuk menghadiri International Engineers Alliance Meeting (IEAM) di Seoul, Korea Selatan dari 17–21 Jun 2013.

Mesyuarat ini diadakan setiap 2 tahun sekali bertujuan mengkaji semula polisi dan prosedur, prestasi penandatanganan (organisasi yang mengambil bahagian) dan menimbang permohonan baru. Enam perjanjian bernaung di IEAM sebagaimana berikut:

- i) APEC Engineer Register
- ii) International Professional Engineer Register
- iii) Washington Accord
- iv) Sydney Accord
- v) Dublin Accord
- vi) International Engineering Technologist Agreement

Malaysia adalah anggota APEC Engineer Register, penandatanganan International Professional Engineer Register (IntPE), melalui Institut Jurutera Malaysia dan Washington Accord melalui LJM.

Lembaga Arkitek Malaysia

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) ialah sebuah agensi Kerajaan yang telah ditubuhkan di bawah Akta Arkitek 1967, suatu Akta yang telah berkuatkuasa mulai Oktober 1973 bagi menggantikan Ordinan Arkitek 1951. LAM bertanggungjawab menguatkuasakan Akta tersebut dan melaksanakan fungsi-fungsi yang diperuntukan di bawah Seksyen 4(1), Akta itu yang antaranya adalah seperti berikut:

1. Mendaftar Arkitek Profesional, Arkitek Graduan, Perekabentuk Dalamam, Pelukis Pelan Bangunan, Praktis Perunding Senibina dan Praktis Perunding Rekabentuk Dalamam;
2. Menetapkan serta mengawalselia tata kelakuan dan etika Arkitek Profesional, Arkitek Graduan, Perekabentuk Dalamam dan Pelukis Pelan Bangunan;
3. Menjalankan peperiksaan bagi memasuki profesion senibina;
4. Mengakreditasi program-program Senibina dan Rekabentuk Dalamam yang dijalankan oleh institusi-institusi pengajian tinggi; dan
5. Mewakili profesyen dalam perkara-perkara yang berkaitan profesyen senibina dan rekabentuk dalamam di dalam dan luar negara



Figure 1 Washington Accord Meeting



Figure 2 IEAM in progress



• PENDAFTARAN ARKITEK

Pada tahun 2013, jumlah pendaftaran LAM adalah seperti berikut:-

(i) Pendaftaran Individu

JADUAL 14 : Pendaftaran Individu



Kategori	Pendaftaran Baru 2013	Jumlah Ahli Berdaftar (setakat 31.12.2013)
Arkitek Profesional	133	1,987
Arkitek Graduan	184	1,854
Pelukis Pelan Bangunan	0	174
Perekabentuk Dalaman	12	526
Jumlah	378	4,207



JADUAL 15 : Pendaftaran Praktis Perunding Senibina

Kategori	Pendaftaran Baru 2013	Jumlah Ahli Berdaftar (setakat 31.12.2013)
Ketuanpunyaan Tunggal	15	1,107
Perkongsian	33	132
Pertubuhan Perbadanan Arkitek	49	272
Pertubuhan Perbadanan Pelbagai Disiplin	10	41
Jumlah	107	1,552



(ii) Pendaftaran Praktis Perunding Senibina



(iii) Pendaftaran Praktis Perunding Rekabentuk

JADUAL 16 : Pendaftaran Praktis Perunding Rekabentuk

Kategori	Pendaftaran Baru 2013	Jumlah Ahli Berdaftar (setakat 31.12.2013)
Ketuanpunyaan Tunggal	1	24
Perkongsian	0	0
Pertubuhan Perbadanan Rekabentuk Dalaman	6	19
Jumlah	7	43



• PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN

Pada tahun 2013, sebanyak 2,571 Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) telah dikeluarkan oleh Arkitek Profesional dan 705 oleh Pelukis Pelan Bangunan Berdaftar.

• PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI PERUNDINGAN ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2013 LAM telah terlibat dalam beberapa mesyuarat berhubung dengan ASEAN Architect Council.

(i) ASEAN Architect Council Meeting No. 15
Jerudong, Brunei Darussalam–17 Jan 2013.

(ii) ASEAN Architect Council Meeting No. 18
Bangkok, Thailand–4 September 2013



(iii) 75th Meeting of Coordinating Committee on Services and Other Related Meeting ASEAN Council Bangkok, Thailand 3-7 September 2013.



(iv) 76th Meeting of ASEAN Coordinating Committee on Services and Other Related Meeting Luangprabang, Laos 25-30 November 2013.



Lembaga Juruukur Bahan

• PENDAFTARAN JURUUKUR BAHAN.

Pada tahun 2013, LJBM telah meluluskan pendaftaran 45 Juruukur Bahan Berdaftar dan 259 Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar. Sementara itu, bagi kategori Firma Juruukur Bahan Perunding, sebanyak 5 Ketuanpunyaan Tunggal, 4 Badan Korporat, 2 Perkongsian dan 2 Firma Perunding Pelbagai Disiplin telah didaftarkan.


JADUAL 17 : Bilangan Individu Berdaftar Mengikut Kategori Sehingga 2013

Kategori	Bil.
Juruukur Bahan Berdaftar	998
Juruukur Bahan Berdaftar Sementara	1
Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar	1387
Jumlah	2386


JADUAL 18 : Bilangan Firma Juruukur Bahan Perunding Berdaftar Mengikut Kategori Sehingga 2013

Kategori	Bil.
Ketuanpunyaan Tunggal / Sole Proprietor FS	162
Badan Korporat / Body corporate FC	103
Perkongsian / Partnership FP	47
Perunding Pelbagai Disiplin / MDP FM	14
Jumlah	326

CARTA 18 : Bilangan Individu Berdaftar Mengikut Kategori Sehingga 2013



CARTA 19 : Bilangan Firma Juruukur Bahan Perundingan Berdaftar Mengikut Kategori Sehingga 2013



• QSIC

QS International Convention (QSIC) 2013

QS International Convention 2013 (QSIC) yang bertemakan 'Surfing The Wave of Change' telah diadakan pada 7-8 Oktober 2013 di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam. Ucaptama telah disampaikan oleh YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof, Menteri Kerja Raya Malaysia. Seramai 419 orang peserta dari dalam dan luar negara telah menghadiri konvensyen tersebut. Konvensyen yang berlangsung selama dua hari ini adalah anjuran bersama Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM), Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM), Persatuan Perunding Juruukur Bahan Melayu dan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR).

• 17TH PACIFIC ASSOCIATION OF QUANTITY SURVEYORS CONGRESS (PAQS)

PAQS Kongres ke-17 telah diadakan di Sofitel Hotel Renmin Square, Xian, Shanxi Povice, China pada 18-21 Mei 2013, anjuran China Engineering Cost Association (CECA). Tema kongres tersebut adalah 'Construction Information—Cornerstone of The Valuation Management'. Delegasi daripada Malaysia diketuai oleh Y. Bhg Dato' Sr Abdull Manaf, Yang DiPertua, Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dan disertai oleh 43 orang delegasi yang lain.



• IBCC 2013 MENGHIMPUN WARGA UKUR BANGUNAN

Program The 3rd International Building Control Conference (IBCC) 2013 yang bertemakan "Transformation of Technology Towards Sustainable Built Environment Strategy" telah berjaya menghimpun pakar, ahli akademik dari bidang Ukur Bangunan dari dalam dan luar negara.

Program yang diadakan bertempat di Hotel Royale Chulan pada 21 November 2013, ini bertujuan memberi peluang kepada penyelidik membentangkan hasil penulisan kajian mereka serta menjadi medan untuk para pengamal Ukur Bangunan bertukar pengalaman dan berkongsi ilmu.

Perasmiannya telah disempurnakan oleh YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof, Menteri Kerja Raya yang dalam ucapannya menyeru semua pihak yang hadir



untuk memainkan peranan, mempergiat usaha dan memberikan sumbangan ke arah matlamat menjadikan negara dalam persekitaran lestari, tercapai. Persidangan ini merupakan anjuran secara usahasama antara Building Surveying Division dan Junior Organization Committee di bawah naungan Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM), dengan kerjasama UiTM Perak, UKM, UM, UTM, USM dan L&G Twintech College.



▶ Di sebalik pengharapan anda

...Kami sentiasa memastikan kecekapan pengurusan sumber manusia di tahap terbaik dalam merakmatkan perkhidmatan...

Pembangunan Modal Insan ▶

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

• PELAN STRATEGIK SUMBER MANUSIA 2013-2015 (PSSM)


Perancangan bagi melaksanakan Pelan Strategik Sumber Manusia 2013–2015 (PSSM) ini bermula pada penghujung tahun 2012 lagi. Setelah beberapa sesi perbincangan dan bengkel, PSSM ini telah mendapat kelulusan YBhg. Datuk KSU pada 7 Ogos 2013 dan telah diedarkan kepada semua bahagian pada 26 September 2013. Satu Jawatankuasa Pemantauan PSSM ini telah ditubuhkan dan dianggotai oleh wakil daripada setiap bahagian bertujuan untuk memantau pelaksanaan PSSM ni di peringkat bahagian. Antara teras yang telah digariskan di dalam PSSM ini adalah seperti berikut:

- Teras 1–Menetapkan Hala Tuju Strategik Sumber Manusia
- Teras 2–Memastikan Kapasiti Organisasi
- Teras 3–Mengurus Pekerja Berkualiti
- Teras 4–Membangunkan Kompetensi Tenaga Kerja
- Teras 5–Mengurus Prestasi, Pengiktirafan dan Ganjaran
- Teras 6–Membentuk Budaya Kerja Berprestasi Tinggi

• BENGKEL SEMAKAN SEMULA PELAN STRATEGIK KKR 2013–2015

Bengkel ini telah diadakan pada 5 hingga 8 Disember 2013 di Hotel Pullman, Kuching Sarawak. Bengkel ini disertai oleh 52 orang pegawai KKR dan Agensi yang terdiri daripada pengurusan atasan dan pegawai-pegawai kanan Bahagian/Agensi. Malah, YB Menteri Kerja Raya telah buat julung kalinya turut hadir semasa Bengkel diadakan.

Selain melaporkan pencapaian Pelan Strategik KKR, pencapaian KPI YB Menteri dan KSU bagi tahun 2013, Bengkel turut membincangkan isu persepsi dan imej serta hala tuju KKR bagi tahun 2014.



• MAKLUMAT PERJAWATAN DI KKR

JADUAL 19 : Maklumat Perjawatan Tahun 2013

BIL	AGENSI	JAW	ISI	KEKOSONGAN			% ISI
				P&P	SOK	JUM	
	KKR	1,131	1,049	30	52	82	92.75 %
	JKR	10,683	10,072	333	278	611	94.28%
	JUMLAH	11,814	11,121	363	330	693	94.13%
	LLM	325	297	21	7	28	91.38%
	CIDB	374	345	6	23	29	92.25%
	Jumlah Keseluruhan Perjawatan	12,513	11,763	390	360	750	94.00%

• PENCAPAIAN MODUL/SUBMODUL YANG TERLIBAT DENGAN KPI 2013

Bagi tahun 2013, HRMIS telah dijadikan KPI kepada KSU di semua Kementerian dan pelaksanaannya adalah melibatkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak JPA. Pencapaian peratus mengikut Modul yang terlibat dengan KPI sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

JADUAL 20 : Pencapaian Peratus Mengikut Modul yang Terlibat dengan KPI

Modul/Submodul	Sasaran	KKR	JKR	CIDB	LLM	Purata
1) Profil Perkhidmatan	99	99.61	99.64	97.34	99.54	99.52
2) Rekod Peribadi	99	99.67	99.19	99.05	99.68	99.27
3) Data Perjawatan	100	100	99.99	100	100	99.99
4) Perisytiharan Harta	90	94.64	94.15	95.75	92.49	94.22
5) SKT (sehingga 31 Julai 2013)	90	91.13	77.66	18.98	94.20	77.42
6) LNPT (sehingga 14 Feb 2014)	90	96.94	96.98	0.28	92.12	96.97

• PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

JADUAL 21 : Bilangan Keseluruhan Pegawai Yang Menghadiri Kursus Pada Tahun 2013

BIL	GRED / KUMPULAN	BILANGAN PERJAWATAN	BILANGAN ANGGOTA	KURSUS PENDEK			Bilangan Anggota Yang Hadir Kursus Panjang > 3 Bulan (d)
				Bilangan Anggota Yang Hadir > 7 Hari Setahun (a)	Bilangan Anggota Yang Hadir < 7 Hari Setahun (b)	Bilangan Anggota Yang Tidak Berkursus (c)	
1	JUSA	5	5	5	0	0	0
2	Pengurusan & Professional	287	251	251	0	0	3
3	Sokongan 1	260	244	244	0	0	1
4	Sokongan 2	569	506	506	0	0	0
	JUMLAH	1121	1006	1006	0	0	4

JADUAL 22 : Jumlah Keseluruhan Peruntukan Untuk Latihan Bagi Tahun 2013

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Peruntukan Emolumen Keseluruhan Kementerian	58,621,000.00
2	Peruntukan Keseluruhan Untuk Latihan	2,500,000.00
3	Perbelanjaan Keseluruhan Sebenar Untuk Latihan	2,280,576.96 (91%)

• MOU PEMBANTERASAN RASUAH KKR BERSAMA SPRM

Menyedari akan kepentingan pencegahan rasuah dan kepentingan integriti dalam organisasi, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengambil inisiatif dengan menjalin kerjasama melalui Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ke Arah Pembanteraan Rasuah dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 1 Julai 2013 di Dewan Tanjung, Kompleks Kerja Raya.

Majlis menandatangani MOU dimeterai antara Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya, YBhg. Datuk Himmat Singh dengan Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof, Menteri Kerja Raya, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kwan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Dato' Seri Ir. Hj. Mohd Noor Yaacob, YBrs. Encik Ravindran Devagunam, Pengarah NKRA Rasuah, Ketua Pengarah Agensi dan Jabatan di bawah KKR serta pegawai-pegawai kanan KKR dan SPRM.



• MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ 2013)

JADUAL 23 : JADUAL MESYUARAT MBJ 2013

Bil.	Tempat	Tarikh
1/2013	Bilik Mesyuarat Seroja, KKR	25.03.2013
2/2013	Bilik Mesyuarat Seroja, KKR	17.06.2013
3/2013	Bilik Mesyuarat Seroja, KKR	19.09.2013
4/2013	Hotel Pullman, Kuching, Sarawak	08.12.2013
Mesyuarat Khas	Bilik Mesyuarat Seri Pagi	30.08.2013

Seramai 911 orang penerima telah dianugerahkan APC 2012 dan buat julung kalinya seorang warga KKR telah menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC).

• ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2012

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2012 Kementerian Kerja Raya (KKR) telah berlangsung pada 27 Jun 2013 di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid. Seramai 911 orang penerima telah dianugerahkan APC 2012 dan buat julung kalinya seorang warga KKR telah menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC). Anugerah disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof, Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Ketua Setiausaha KKR, YBhg. Datuk Himmat Singh, serta beberapa pegawai kanan dan Ketua Agensi di bawah KKR.



• HARI PSIKOLOGI KKR 2013

Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Hari Psikologi KKR 2013 dengan bertemakan 'Kesihatan Minda Untuk Kesejahteraan Menyeluruh' yang bertempat di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid pada 22 Oktober 2013.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Sarani bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi). Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti ujian personaliti, pemeriksaan kesihatan, refleksologi, aromaterapi dan lain-lain.



• HARI LATIHAN KKR

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah menganjurkan Hari Latihan Kementerian Kerja Raya pada 26 hingga 29 November 2013 bertempat di Bilik Mawar 1, 2 dan 3 Kompleks Kerja Raya. Di antara program-program yang dijalankan sepanjang 3 hari pelaksanaan Hari Latihan tersebut ialah Pemeriksaan Buku Perkhidmatan, Pengurusan Majlis, Seminar Kekeluargaan, Pengurusan Stress Secara Refleksologi dan lain-lain lagi.



• SESI PERJUMPAAN TKSU (O) BERSAMA PEGAWAI MUDA KKR

Pihak pengurusan atasan Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengaturkan sesi perjumpaan Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), YBrs. Encik Sarani bin Dollah bersama pegawai muda Gred 41-44 pada 14 Jun 2013 bertempat di Dewan Tanjung, Kompleks Kerja Raya.



Majlis yang dikoordinasikan oleh Cawangan Pembangunan Modal Insan, BPSM ini merupakan satu pendekatan yang diambil bagi mewujudkan ruang komunikasi antara pegawai muda KKR bersama pengurusan atasan Kementerian dalam mencari formula terbaik untuk mewujudkan kesepakatan dalam melaksanakan tugas seharian. Selain itu sesi ini juga dilihat sebagai satu landasan terbaik untuk mewujudkan hubungan dua hala yang dinamik bagi mendapatkan input berguna dari pegawai muda dalam usaha untuk mentransformasikan perkhidmatan Kementerian ke tahap yang lebih baik.

Majlis telah dimulakan dengan perkongsian ilmu oleh YBrs. TKSU(O) sebelum diakhiri dengan sesi interaksi bersama-sama 69 orang pegawai muda yang hadir.

• PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA (PKM)

Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan (KEKK) merupakan program kali pertama dianjurkan dengan menggabungkan 10 Kementerian berkaitan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT), agensi, industri, badan profesional, *Government Linked Company* (GLC), universiti, *Non-Governmental Organisation* (NGO) dan *Champion Industry Player*. KEKK telah diadakan pada 25–29 September 2013 bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor. Antara aktiviti yang dirancang dalam KEKK adalah Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM), pameran, jualan, demonstrasi, carian kerja, autoshow dan sebagainya.

PKM 2013 peringkat akhir yang dijalankan serentak dengan KEKK telah dilaksanakan dengan menggunakan konsep yang sama seperti di ASEAN Skills Competition (ASC) 2012 di Jakarta, Indonesia dan World Skills Competition (WSC) 2013 di Leipzig, Jerman.

Penyertaan PKM kali ini telah melibatkan penyertaan daripada agensi/institusi latihan seperti Akademi Binaan Malaysia (ABM), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMM), GiatMARA, Institut Kemahiran Belia Negara, WISDEC, ADTEC, Pusat Latihan Pembangunan Belia Sarawak dan Politeknik. Seramai 85 pelatih merangkumi 9 bidang binaan telah bertanding di peringkat akhir. (Butiran terperinci seperti di Jadual 24).

Bil.	Bidang PKM 2013	Peserta Akhir
1	Bricklaying	10
2	Electrical Installations	10
3	Decorating & Painting	8
4	Joinery	10
5	Mechanical Engineering Design CAD	10
6	Plumbing & Heating	7
7	Refrigeration & Air Conditioning	10
8	Wall & Floor Tiling	10
9	Welding	10
	Jumlah	85

JADUAL 24 : Bilangan Penyertaan PRA PKM dan PKM Peringkat Akhir bagi Tahun 2013 dari Pelbagai Agensi/Institusi Latihan Mengikut Bidang

• PENCAPAIAN PESERTA MALAYSIA DI ASC DAN WSC 2013

Bagi Tahun 2013 kontinjen Malaysia telah menyertai 14 bidang kemahiran dan telah berjaya meraih 9 pingat *medallion of excellence*. di WSC Ke-42 Malaysia telah berjaya memperbaiki kedudukan dengan menduduki tempat ke 24 daripada 52 negara yang bertanding.



Majlis menghantar kontinjen Malaysia Ke Leipzig, Jerman pada 23 Jun 2013 di KLIA.



Team Malaysia dan Indonesia bergambar kenangan di Arena Universiti Leipzig

• AKEDEMI BINAAN MALAYSIA (ABM) DAN CREAM MELAHIR MODAL INSAN

Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof telah melakukan lawatan kerja ke Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Tengah dan *Construction Research Institute of Malaysia* (CREAM), Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur pada 25 Julai 2013. ABM merupakan pusat latihan kemahiran binaan di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) manakala CREAM pula berperanan selaku pusat penyelidikan (R&D) utama negara khusus dalam industri pembinaan ke arah menggiatkan aktiviti R&D untuk Sistem Binaan Berindustri (IBS). Turut serta dalam lawatan ini ialah Pengerusi CIDB, YBhg. Datuk Ir. Hamzah Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif CIDB, YBhg. Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Judin Abd. Karim dan pegawai kanan KKR.



KKR telah menyertai 6 bidang kemahiran iaitu welding, electrical installations, refrigeration & air conditioning, mechanical engineering design CAD, plumbing & heating dan wall & floor tiling. Seramai 4 peserta daripada 6 peserta dalam bidang di bawah KKR telah berjaya meraih pingat *medallion of excellence* bagi kontinjen Malaysia iaitu daripada bidang welding, electrical installations, refrigeration & air conditioning dan plumbing & heating.

• MERAIKAN GRADUAN ABM 2013

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini meraikan 427 pelatih-pelatih Akademi Binaan Malaysia (ABM) yang telah tamat menjalani pengajian di dalam pelbagai bidang dan menerima Sijil Kecekapan Kemahiran masing-masing.

Daripada jumlah tersebut, 100 pelatih telah ditaja oleh Yayasan FELDA di dalam bidang kimpalan di bawah The Welding Institute (TWI), manakala IRDA telah memilih 60 orang pelatih untuk menjadi perintis projek Pinewood Iskandar Malaysia Studio. Selain daripada itu seramai 100 orang pelatih pula yang berpeluang menjalani latihan dalam industri bersama 20 syarikat kontraktor tempatan.



YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof, Menteri Kerja Raya dalam ucapan perasmianya menggesa penggiat industri lain juga mengambil langkah yang sama untuk memberi pendedahan industri kepada para pelatih binaan tempatan dan seterusnya menyerap mereka sebagai pekerja mahir di dalam tred berkaitan.

Sejak penubuhan ABM Wilayah Selatan pada 2001, ia telah berjaya mengeluarkan lebih daripada 12,844 orang pelatih berkemahiran dalam tred-tred pembinaan terpilih. Selain itu ABM Wilayah Selatan ini juga telah melatih seramai 18,737 personel binaan di dalam pelbagai bidang. Jumlah belia dan personel binaan yang telah dilatih di seluruh Malaysia sejak 2001 adalah seramai 200,000 orang.





▶ Di sebalik
kepuasan pelanggan
yang berurusan
dengan pihak KKR

...Kami sentiasa
memantau dan
menambahbaik setiap
jabatan dan agensi
di bawah kami agar
memberi perkhidmatan
yang berkualiti dan
profesional...

Pengurusan
Pelanggan &
Transformasi



PENGURUSAN PELANGGAN & TRANSFORMASI

Pengurusan Pelanggan

• ANUGERAH PORTAL 5 BINTANG (MGPWA) 2013

Portal KKR telah diiktiraf sekali lagi sebagai Portal yang bertaraf 5 bintang melalui Penilaian Laman Web dan Portal Agensi Kerajaan Malaysia (MGPWA) 2013 oleh Multimedia Development Corporation (MDEC). Ini adalah tahun ketiga Portal KKR dinobatkan sebagai Portal 5 bintang. Dengan pungutan markah keseluruhan sebanyak 86, Portal KKR menduduki ranking ke-5 daripada 24 kementerian.

Rekabentuk Portal KKR yang baru telah dibentuk dan dibangunkan dan dilancarkan pada April 2013. Portal KKR sebagai saluran penyampaian perkhidmatan dan maklumat kementerian kepada orang ramai diantaranya berita-berita mengenai KKR, aktiviti dan program KKR serta pencapaian KKR.




• PENINGKATAN SISTEM HARI BERTEMU PELANGGAN (epelanggan)

Mulai tahun 2009, Program Hari Bertemu Pelanggan KKR telah dilaksanakan secara online dengan menggunakan sistem yang diperolehi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang dinamakan sebagai Sistem Hari Bertemu Pelanggan Online. Pelaksanaan sistem ini berkonsepkan hari terbuka secara maya melalui penyediaan kaunter perkhidmatan khas. Setiap kaunter diwakili oleh pegawai-pegawai dari bahagian di KKR termasuk agensi di bawahnya iaitu JKR, LLM dan CIDB. Ia bertujuan untuk memberikan kemudahan khidmat nasihat secara serta-merta serta menyediakan kemudahan untuk pelanggan berkomunikasi dengan pegawai-pegawai KKR. Skop sistem sedia ada merangkumi penyediaan kaunter mengikut perkhidmatan yang diberikan dan kemudahan chatting antara pegawai KKR dan orang awam.

Namun pada tahun 2013, sistem ini telah ditambah baik bagi memudahkan pegawai berinteraksi secara maya dengan orang awam yang memerlukan perkhidmatan daripada KKR dan agensi di bawahnya. Peningkatan ini melibatkan penggunaan teknologi berasaskan web-based dan reka bentuk yang lebih mesra pengguna dan intraktif, menyediakan modul Pentadbir Sistem bagi memudahkan Pegawai Perhubungan Awam selaku pentadbir sistem untuk memantau perbualan antara pegawai bertugas di kaunter dengan orang awam. Selain daripada itu, sistem ini boleh menjana laporan mengikut keperluan pegawai dan skrip perbualan antara pegawai bertugas dan orang awam boleh dicetak dan disimpan untuk rekod.

Sistem ini mula dibangunkan pada Mei dan siap sepenuhnya pada Ogos 2013. Antara kelebihan sistem ePelanggan versi baru berbanding dengan yang sebelum ini adalah ianya :

- i Sistem yang berasaskan berasaskan web;
- ii setiap pegawai bertugas boleh berinteraksi dengan orang awam ditempat pegawai itu sendiri tanpa perlu pihak Unit Kemunikasi Korporat (UKK) menyediakan tempat khas;
- iii pegawai di UKK boleh memantau samada kehadiran serta kesediaan pegawai yang bertugas di kaunter perkhidmatan;
- iv pegawai bertugas di kaunter boleh menolak (reject) ataupun memajukan(forward) mesej kepada kaunter pegawai bertugas yang lain;
- v penjanaan laporan dan menyimpan skrip perbualan.



• ANUGERAH MyGOSS 2013

Pada 10 Disember 2013, bersempena Persidangan CIO dan MyGOSSCON 2013, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mendapat tempat keempat di antara lima projek terbaik bagi Anugerah Malaysian Government Open Source Software 2013 (MyGOSS) 2013 yang dianjurkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Anugerah MyGOSS ini adalah untuk mengiktiraf dan menghargai sesebuah agensi sektor awam dalam usaha melaksanakan dan menggunakan perisian sumber terbuka dengan cemerlang.

Projek yang dicalonkan iaitu Sistem Permohonan Mendirikan Struktur Paparan Iklan di dalam Rizab

Jalan Persekutuan/Lebuhraya Serta Pembangunan di Tepi Lebuhraya (eSite) merupakan salah satu projek ICT yang telah dibangunkan secara in-sourcing oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), KKR dengan menggunakan perisian sumber terbuka.

Pengiktirafan terhadap projek ini adalah berdasarkan impak yang diberikan kepada pelanggan kementerian terutamanya syarikat perniagaan, kontraktor, GLC dan orang awam di mana ianya memudahcara urusan permohonan mendirikan struktur paparan iklan di dalam rizab jalan persekutuan/lebuhraya menerusi perkhimatan online yang dibangunkan dengan menggunakan perisian sumber terbuka.

1 JANUARI 2013 SEHINGGA 31 DISEMBER 2013




• PENGURUSAN ADUAN AWAM

Analisis Aduan Awam 2013


Sepanjang tahun 2013, Rajah 12 menunjukkan jumlah aduan yang diterima oleh Kementerian Kerja Raya dan agensi di bawahnya pada tahun 2013. Daripada 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014 sebanyak 6,755 aduan yang diterima, dan sebanyak 100% aduan telah berjaya diselesaikan. Antara kategori aduan tertinggi yang diterima adalah berkaitan dengan jalan, lampu jalan/lampu isyarat dan pendaftaran lesen kontraktor seperti di Carta 20. Aduan-aduan tersebut diterima menerusi pelbagai saluran dan saluran e-mel mencatatkan jumlah penerimaan aduan tertinggi iaitu sebanyak 3,522 seperti di Rajah 13.

RAJAH 12 : Statistik Penerimaan Aduan Mengikut Bulan dan Agensi




Sumber : Unit Komunikasi Korporat, 2013

CARTA 20 : Statistik Aduan Mengikut Saluran Aduan Awam Tahun 2013



RAJAH 13 : Statistik Aduan Awam Mengikut Kategori Tahun 2013



** Sumber : Unit Komunikasi Korporat, 2013


Surat Kepada Pengarang Akhbar Utama



• PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT (PSICT) 2013–2015

Pelan Strategik ICT (PSICT) Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk tempoh tiga tahun (2013–2015) telah dibangunkan selaras dengan Pelan Strategik Bisnes KKR 2013–2015. PSICT KKR dibangunkan oleh Pasukan Pembangunan PSICT KKR yang terdiri daripada wakil setiap Bahagian. Pembangunan pelan ini telah mendapat kerjasama khidmat perunding daripada MAMPU, Pasukan Perunding ICT Sektor Awam.

PSICT KKR 2013–2015 ini menyediakan pelan atau *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek ICT yang kos efektif dan selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan operasi KKR bagi tempoh 2013 sehingga 2015. PSICT ini juga menjelaskan visi, misi, hala tuju, inisiatif strategik dan rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan ICT di KKR dengan sokongan sistem aplikasi, teknologi, pembangunan sumber manusia dan tadbir urus ICT. Tempoh pembangunan PSICT ini adalah selama empat bulan iaitu bermula 1 April 2013 hingga 31 Julai 2013.



Transformasi

• PENSIJILAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S

Kementerian Kerja Raya telah berjaya memperoleh pensijilan 5S pada 9 Mei 2013 menerusi penilaian audit yang dilaksanakan oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC) bagi lapan bahagian iaitu:

- Bahagian Akaun
- Bahagian Kewangan
- Bahagian Perancangan Korporat
- Bahagian Perancang Jalan
- Bahagian Pembangunan Usahawan
- Bahagian Pemantauan Agensi dan Kemahiran
- Unit Audit Dalam
- Unit Komunikasi Korporat

Pensijilan 5S ini adalah sebagai usaha pembudayaan amalan persekitaran berkualiti oleh warga Kerja Raya dan pensijilan 5S bagi semua bahagian akan dilaksanakan pada tahun 2014.





KKR MEMPEROLEHI PERSIJILAN 5S

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah mengesyorkan Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk memperolehi Pensijilan 5S. Ketua Auditor MPC, Puan Ati Djam Seri Montoi berkata demikian sewaktu membentangkan laporan Audit Persijilan 5S KKR pada 9 Mei 2013 bertempat di Kompleks Kerja Raya.

KKR telah melantik pihak MPC untuk menjalankan audit 5S ke lapan zon yang terlibat di Kementerian ini. Antara Zon-zon yang terlibat ialah Zon Gamelan (Bahagian Akaun), Zon Dahlia (Bahagian Kewangan), Zon Kenanga (Bahagian Perancang Jalan), Zon Jasmin (Bahagian Pengurusan Korporat), Zon Melati (Unit Komunikasi Korporat), Zon Kesidang (Unit Audit Dalam), Zon Seri Pagi (Bahagian Dasar Pembinaan) dan Zon Bougainvillea (Bahagian Pembangunan Usahawan).

Majlis telah dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Encik Sarani bin Dollah dan diikuti dengan pembentangan pelaksanaan amalan 5S di KKR.

Aktiviti diteruskan dengan sesi pemeriksaan dokumentasi amalan 5S oleh dua auditor MPC iaitu Ketua Auditor dan Puan Norfaizah binti Abdul Rahman. Semua fail 5S bagi Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Latihan, Promosi, Audit dan Zon 5S diperiksa bagi memenuhi kriteria pensijilan amalan 5S. Setelah selesai pemeriksaan dokumen, auditor telah menjalankan lawatan ke lapan zon terlibat dan diiringi oleh pihak urus setia serta koordinator 5S KKR.

• PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2008

Kementerian Kerja Raya telah berjaya memperoleh pensijilan semula MS ISO 9001:2008 bagi 31 prosedur kualiti menerusi audit yang telah dilaksanakan oleh SIRIM pada 18 hingga 20 November 2013. Pensijilan ini meliputi enam skop iaitu:

- Perancangan, pengurusan, pemantauan projek pembangunan dan penswastaaan lebuhraya
- Perkhidmatan perancangan rangkaian jalan raya

- Perkhidmatan Pengurusan Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK)
- Perkhidmatan pengurusan dan pemantauan penyenggaraan bangunan dan jalan persekutuan
- Pengurusan perkhidmatan kontraktor Bumiputera
- Pengurusan rizab jalan tanah persekutuan

Tempoh pensijilan semula ini adalah selama tiga tahun bermula 24 Disember 2013 dan tamat pada 23 Disember 2015.

• SEMARAKKAN TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (KPPA)

KKR telah menganjurkan Program Semarakkan Transformasi Perkhidmatan Awam Malaysia pada 22 November 2013 (Jumaat) di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid bagi mendapatkan pemahaman yang lebih jelas berkaitan program transformasi perkhidmatan awam yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan

Awam (JPA). Pembentangan telah disampaikan oleh Encik Surendran C.K. Balan, Pengarah Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar, JPA. Program ini turut dimeriahkan dengan kehadiran dan penyampaian amanat oleh YBhg Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada lebih 800 penjawat awam di Kementerian dan Agensi.



• HARI INOVASI TAHUN 2013

Bertemakan “Melangkaui Sempadan, Merintis Keunggulan”, sambutan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya telah diadakan pada 31 Oktober 2013 (Khamis) di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, KKR yang dirasmikan oleh YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof, Menteri Kerja Raya. Antara program yang telah diadakan sempena sambutan Hari Inovasi ini ialah pameran inovasi, ceramah inovasi, penyampaian anugerah inovasi dan larian inovasi.

Sebanyak enam anugerah inovasi telah disampaikan iaitu:

- Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kategori Pengurusan
- Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kategori Teknikal
- Anugerah Inovasi ICT
- Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan
- Anugerah Inovasi Pengurusan Bilik Fail
- Anugerah Inovasi Pengurusan Projek



PROGRAM INOVASI DAN PENINGKATAN KUALITI TAHUN 2013

JADUAL 25 : Pemenang Pertandingan Anugerah Inovasi KKR Tahun 2013

1. ANUGERAH INOVASI KEWANGAN (AIPK)	
KEDUDUKAN	PEMENANG
JOHAN	Bahagian Kewangan Kementerian Kerja Raya (KKR)
NAIB JOHAN	Cawangan Pengurusan Korporat Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR)
KETIGA	Bahagian Akaun Kementerian Kerja Raya (KKR)

2. ANUGERAH INOVASI ICT (AICT)	
KEDUDUKAN	PEMENANG
JOHAN	Bahagian Teknologi Maklumat Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) TAJUK PROJEK: Highway Audit Quality System (HAQS)
NAIB JOHAN	Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) TAJUK PROJEK: RATOL—Rates Online and Rates Prediction Model
KETIGA	Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Muda dan Sik Negeri Kedah TAJUK PROJEK: i-SEBUT HARGA

3. ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN BILIK FAIL (AIPBF)	
KEDUDUKAN	PEMENANG
JOHAN	Unit Audit Dalam Kementerian Kerja Raya (KKR)
NAIB JOHAN	Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan Sumber Manusia Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
KETIGA	Bahagian Kewangan Kementerian Kerja Raya (KKR)

4. ANUGERAH KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KATEGORI TEKNIKAL

KEDUDUKAN	PEMENANG
JOHAN	KUMPULAN EAST DRAGON, Pejabat Wilayah Timur Lembaga Lebuhraya Malaysia TAJUK PROJEK: Papan Tanda Sementara Yang Dipasang Semasa Penutupan Lorong Di Lebuhraya Kerap Tumbang
NAIB JOHAN	KUMPULAN ASAH, Pejabat JKR Pengkalan Hulu Perak TAJUK PROJEK: KM Post Jenis 'B' Rosak dan Pudar
KETIGA	KUMPULAN PEARL, Pejabat Tapak Projek Pasukan Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang, Lembaga Lebuhraya Malaysia Pulau Pinang TAJUK PROJEK: Sistem Saliran Di Kolam Pemendapan (Grout Pond) Tidak Dapat Menyalirkan Air Secara Berkesan

KATEGORI PENGURUSAN	
KEDUDUKAN	PEMENANG
JOHAN	KUMPULAN Q' BESTARI, Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Terengganu Masalah TAJUK PROJEK: Pemantauan Akaun Projek Pembinaan Yang Kurang Efisien
NAIB JOHAN	KUMPULAN G3N, Pusat Khidmat Kontraktor Kementerian Kerja Raya Pendaftaran Kursus Yang Tidak Efisien KETIGA KUMPULAN D'ZONT Pusat Khidmat Kontraktor Kementerian Kerja Raya TAJUK PROJEK: Pengeluaran Sijil Kursus Yang Tidak Efektif



Hasil inovasi JKR mampu dikomersial
KUALA LUMPUR 31 Okt. - Sebanyak 22 daripada 165 inovasi yang dihasilkan menerusi program Jejak Inovasi Jabatan Kerja Raya (JKR) dikenali pada...

• PENGAUDITAN KHAS

Siasatan Terhadap Laporan Ketua Audit Negara 2011 :-

- Jabatan Meteorologi Malaysia—Pembinaan Kuarters, Stesen dan Pejabat di Kuala Krai dan Gong Kedak.
- Jabatan Kehakiman Syariah—Pembinaan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.
- Kementerian Sumber Manusia—Pengurusan Pembinaan dan Perolehan Peralatan Pembelajaran Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Jerantut.



▶ Di sebalik kejayaan projek pembinaan anda

...KKR sentiasa menyediakan peluang, kepada penggiat-penggiat industri negara untuk berkongsi nikmat bersama...

Tanggungjawab Sosial Korporat ▶

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

• PROGRAM BUILD BRIGADE

Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof telah melancarkan "Build Brigade", iaitu satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) anjuran bersama KKR dan para penggiat industri pembinaan. Build Brigade ini ditubuhkan bertujuan mengumpulkan sumber yang ada di dalam industri untuk disalurkan kepada komuniti yang memerlukan, terutama yang hidup di kawasan-kawasan pendalaman negara.

Program Build Brigade pada tahun 2013 melibatkan empat projek membaik-pulih dan juga membina kemudahan seperti balairaya dan tabika. Ini termasuk pembinaan sebuah pusat komuniti untuk masyarakat Penan yang berharga RM250,000 di Long Keluan, Miri Sarawak, yang dijadual akan siap pada akhir Januari 2014.

Perkampungan Long Keluan di sambung ke Bandar terdekat, iaitu Miri hanya melalui jalan balak yang berdebu ketika cuaca panas dan licin ketika hujan dengan perjalanan mengambil masa kira-kira lima jam. Justeru amatlah jelas, usaha membawa masuk

bahan-bahan binaan ke kawasan kampung itu sendiri sangatlah mencabar dan memakan belanja yang tinggi.

"Selain projek di Long Keluan, Build Brigade turut melaksanakan projek pembinaan pusat komuniti Perkampungan Orang Asli Sungai Miak, Janda Baik, Pahang, dengan kos sebanyak RM160,000, yang dijangka siap pada akhir Februari 2014. Dua lagi projek yang turut dilaksanakan ialah membaik pulih pusat komuniti di Perkampungan Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu yang dijangka siap akhir bulan November ini, dan membaik pulih Tabika di Perkampungan Orang Asli Post Brooke, Gua Musang, Kelantan, yang dijangka siap akhir Disember tahun ini. Kedua-dua projek di Terengganu dan Kelantan ini masing-masing melibatkan kos RM100,000.

Selain pelancaran Build Brigade, majlis tersebut juga diadakan bagi memberi penghargaan kepada para penggiat industri yang aktif dalam menggangotai pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan untuk meningkatkan program berkaitan dengan industri pembinaan.

Kempen Keselamatan Jalan raya ini adalah antara inisiatif KKR dalam menjana minda masyarakat terutamanya pengguna jalan raya untuk sentiasa mengutamakan keselamatan diri, keluarga dan orang lain ketika menggunakan jalan raya sama ada sebagai pemandu, penumpang, penunggang, pembonceng mahupun pejalan kaki.

– YB Menteri Kerja Raya

• KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA

Kementerian Kerja Raya (KKR) sentiasa perihatin dengan isu-isu semasa termasuklah isu keselamatan jalan raya di dalam negara. Hampir setiap musim perayaan iaitu Hari Raya Aidil Fitri hingga ke Tahun Baru Cina, Kementerian turut serta dengan program-program kempen keselamatan jalan raya yang telah disusun atur sepanjang tahun. Kempen dan program seumpama ini adalah merupakan antara aktiviti tahunan Kementerian Kerja Raya.

Kempen ini mengorak langkah kerjasama dengan pihak Lembaga Lebuhraya (LLM), Jabatan Keselamatan Jalan raya (JKJR), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Perbadanan Putrajaya khususnya mendapat kerjasama daripada Rakan Ronda, Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF), Kementerian Wilayah Persekutuan Malaysia (KWP), Kementerian Pengangkutan, serta Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang akan menerajui kempen keselamatan jalan raya sempena musim perayaan.

KKR mengambil inisiatif untuk bersama-sama 'turun padang' untuk mengedarkan risalah-risalah kempen keselamatan jalan raya. Maka itu, kita akan sentiasa bekerjasama erat dengan pihak-pihak penguatkuasaan serta media massa bagi memastikan

kempen sebegini mencapai matlamatnya. Kempen Keselamatan Jalan raya ini adalah antara inisiatif KKR dalam menjana minda masyarakat terutamanya pengguna jalan raya untuk sentiasa mengutamakan keselamatan diri, keluarga dan orang lain ketika menggunakan jalan raya sama ada sebagai pemandu, penumpang, penunggang, pembonceng mahupun pejalan kaki.

Pemilihan lokasi program juga memainkan peranan bersempena dengan kempen keselamatan jalan raya ini. Ia lebih mendekati penganjur dan pengguna jalan raya yang bertali arus melalui pusat-pusat tol seperti Tol Keluar Jalan Duta (ke utara) serta Tol Keluar Sg. Besi (ke selatan). Pemilihan tersebut adalah sangat bersesuaian dan bertepatan kerana ia adalah pintu keluar masuk kenderaan samada di dalam dan luar semenanjung.

Tips-tips atau panduan cara pemanduan berhema yang disertakan diharap dapat dibaca dan difahami agar pengguna jalan raya lebih berhati-hati. Kerana kemalangan jiwa yang berlaku sebelum ini telah mengakibatkan bukan sahaja kehilangan insan tersayang malah harta benda yang nilainya tidak lagi dapat dihitung.



• PELANCARAN RAKAN RONDA SEMPENA KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA KKR

Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof telah melancarkan pasukan Rakan Ronda sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) bertempat di Persada PLUS, Persimpangan bertingkat Subang, Lebuhraya NKVE, pada 1 Ogos 2013.

Matlamat utama pengwujudan Rakan Ronda ini adalah untuk memupuk sikap bertanggungjawab terhadap keselamatan diri sendiri serta pengguna jalan raya dan lebuhraya di samping menyampaikan maklumat-maklumat trafik seperti kesesakan luar jangka, kemalangan dan kerosakan kenderaan. Rakan Ronda juga boleh mengemukakan aduan berkaitan perkhidmatan di jalan raya dan lebuhraya.



PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA PERINGKAT KEBANGSAAN 2013



Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2013 telah diadakan di hadapan Bangunan Perbadanan Putrajaya pada 2 Ogos 2013. Majlis anjuran bersama JPJ, JKJR dan Perbadanan Putrajaya ini mendapat kerjasama daripada Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF), Kementerian Wilayah persekutuan Malaysia (KWP) Kementerian Pengangkutan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kerja Raya (KKR). Tetamu

kehormat majlis ini ialah YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pengangkutan Malaysia, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof, Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Dr Wan Junaidi Tunku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri, YB. Senator Dato' Dr. Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Putrajaya, YB. Tan Sri Aseh Che Mat, Presiden Perbadanan Putrajaya, Ketua Pengarah JPJ YBhg. Dato' Ismail dan Ahmad dan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya YBhg. Datuk Dr Tam Weng Wah.



PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN LEBUH RAYA SEMPENA TAHUN BARU CINA 2013

YB Menteri Kerja Raya telah mengumumkan pemberian insentif diskaun dan rebat tol kepada pengguna lebuhraya sempena perayaan Tahun Baru Cina menjelang 10 dan 11 Februari 2013 ketika Lawatan Kerja YB Menteri Kerja Raya Ke Cadangan Projek Pelebaran Lorong Ke Empat Di Antara Persimpangan Shah Alam–Rawang–Jalan Duta Dan Nilai (U)–Seremban/ Port Dickson.



Secara keseluruhannya, sebanyak 24 buah lebuhraya telah bersetuju untuk memberikan insentif berbentuk diskaun dan rebat tol diantara 5% sehingga 37.5%. Bagi pengguna kelas 1 yang menggunakan bayaran tol secara elektronik di lebuhraya-lebuhraya di bawah kendalian PLUS Berhad, mereka boleh menikmati rebat tol sebanyak 20% pada 7 & 15 Februari 2013 dan rebat 30% pada 10 Februari 2013. Manakala bagi lebuhraya-lebuhraya lain, pengguna akan menikmati diskaun tol di antara 5% hingga 37.5% bermula 9, 10 dan 11 Februari 2013. (Sila rujuk Jadual 27). Pemberian insentif berbentuk diskaun dan rebat tol ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial dan korporat syarikat konsesi lebuhraya kepada pengguna lebuhraya sempena perayaan Tahun Baru Cina 2013.



um 4/13/13 pg-27
PLUS beri rebat 20 peratus
KUALA LUMPUR 5 Ogos - Pengguna lebuhraya PLUS akan menikmati rebat 20 peratus apabila membayar tol menggunakan sistem elektronik sempena cuti Aidilfitri dan Mesyuarat Tahunan PLUS.

JADUAL 26 : PROGRAM DISKAUN DAN REBAT TOL SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA BAGI TAHUN 2013

BIL	LEBUHRAYA	TAHUN BARU CINA	
		TARIKH REBAT	KADAR REBAT
1.	PLUS	7,10 & 15 FEBRUARI 2013 (3 hari)	Rebat sepanjang masa sebanyak 20% pada 7 & 15 Februari 2013 dan 30% pada 10 Februari 2013 kepada pengguna ETC kelas 1
2.	SPDH		
3.	ELITE		
4.	BKE		
5.	LINKEDUA		
JUMLAH KESELURUHAN			

BIL	LEBUHRAYA	TAHUN BARU CINA	
		TARIKH DISKAUN	KADAR DISKAUN (%)
6.	GUTHRIE	06:00 am (10/2/2013) hingga 06:00 am (11/2/2013)	20% (Semua kelas, Tunai & ETC)
7.	LKSA	06:00 am (10/2/2013) hingga 06:00 am (11/2/2013)	20% (Semua kelas, Tunai & ETC)
8.	AKLEH	06:00 am (10/2/2013) hingga 06:00 am (11/2/2013)	20% (Semua kelas, Tunai & ETC)
9.	KESAS	10 Feb 2013 (12:00 am hingga 11:59 pm)	20% (Kelas 1, Tunai & ETC)
10.	DUKE	10 Feb 2013 (12:00 am hingga 11:59 pm)	10% (Semua kelas, Tunai & ETC)
11.	SMART	06:00 am (10/2/2013) hingga 06:00 am (11/2/2013)	10% (Semua kelas, Tunai & ETC)
12.	LDP*	10 Feb 2013 (12:00 am hingga 11:59 pm)	*Diskaun RM 0.60 (Semua kelas, Tunai & ETC)
13.	SPRINT*	10 Feb 2013 (12:00 am hingga 11:59 pm)	*Diskaun RM 0.60 (Semua kelas, Tunai & ETC)
14.	KL-KARAK	12:00 am (10/2/2013) hingga 11:59 pm (11/2/2013)	20% (Kelas 1, ETC sahaja) - 2 hari
15.	LPT 1	12:00 am (10/2/2013) hingga 11:59 pm (11/2/2013)	20% (Kelas 1, ETC sahaja) - 2 hari
16.	NPE	10 Feb 2013 (12:00 am hingga 11:59 pm)	10% (Semua kelas, Tunai & ETC)
17.	BESRAYA	10 Feb 2013 (12:00 am hingga 11:59 pm)	10% (Semua kelas, Tunai & ETC)
18.	NNKSB	11:00 pm (9/2/2013) hingga 08:00 am (10/2/2013)	10% (Semua kelas, Tunai & ETC)
19.	GRANDSAGA	10 Feb 2013 (12:00 am hingga 11:59 pm)	10% (Semua kelas, Tunai & ETC)
20.	MEX	10 Feb 2013 (12:00 am hingga 11:59 pm)	10% (Semua kelas, Tunai & ETC)
21.	LEKAS (PT Ampang Shj)	10 Feb 2013 (12:00 am hingga 11:59 pm)	10% (Kelas 1 sahaja, Tunai & ETC)
22.	SDE	12:00 am (10/2/2013) hingga 11:59 pm (11/2/2013)	10% (Kelas 1, Tunai & ETC) 2 hari
23.	SKVE	06:00 am (10/2/2013) hingga 06:00 am (12/2/2013)	5% (Kelas 1 sahaja, ETC) - 2 hari
24.	BORR (PT Perai Shj)	9Feb 2013 (10:00 pm hingga 10:00 pm) 10 Feb 2013	15% (Kelas 1, Tunai & ETC sahaja)
JUMLAH KESELURUHAN			

Rebat tol 20% kenderaan bergerak luar waktu puncak

Kuala Lumpur: Sebanyak 1.4 juta kenderaan yang melalau Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) berpeluang menikmati rebat tol 20 peratus pada 5, 6, 14, 15 dan 31 Ogos sempena cuti Aidilfitri dan sambutan Hari Kemerdekaan. Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif PLUS Dato' Noorizah Abd Hamid berkata, rebat tol itu diberikan kepada pengguna yang menggunakan kad PLUS Miles, Touch n Go dan SmartTAG ketika membayar tol di lebuhraya kendalian PLUS. "Rebat ini langkah PLUS untuk mengagihkan trafik serta mengalakkan orang ramai bergerak pada luar waktu puncak. "Malah, melalui strategi ini PLUS mengalakkan pengguna beralih kepada sistem pembayaran secara elektronik yang lebih mudah dan pantas," katanya dalam kenyataan media, semalam.

• CADANGAN WAKTU PERJALANAN

Untuk perjalanan yang lebih lancar dan selesa pada cuti perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Kemerdekaan 2013 yang akan datang. Kami menasihatkan anda mengikuti jadual Cadangan Waktu Perjalanan berikut:

JADUAL 27 : Cadangan Waktu Perjalanan

TARIKH	PERJALANAN			CADANGAN WAKTU MEMASUKI LEBUHRAYA		
	DARI	KE				
		NEGERI	BANDAR UTAMA		PILIHAN PLAZA TOL	
2 - 7 Ogos 2013 & 30 - 31 Ogos 2013	Lembah Klang	Perlis, Kedah dan Pulau Pinang	Alor Setar & Butterworth	Juru	Antara 9.00 pagi - 11.00 pagi	
		Johor	Johor Bahru Batu Pahat Muar	Skudai atau Senai Utara Yong peng Utara atau Ayer Hitam Tangkak atau Pagoh		
		Perak Utara	Taiping	Changkat Jering atau Taiping Utara Ipoh Selatan atau Kuala Kangsar	Antara 11.00 pagi - 3.00 petang	
		Melaka	Jasin Bandaraya Melaka	Jasin atau Ayer Keroh Ayer keroh		
		Perak Tengah	Ipoh	Ipoh Selatan atau Gopeng	Antara 3.00 petang - 6.00 petang	
		Melaka	Alor Gajah	Simpang Ampat atau Pedas Linggi		
		Perak Selatan	Bidor & Tapah Teluk Intan & Lumut	Bidor & Tapah Slim River, Sungkai atau Gopeng	Selepas 6.00 petang	
		Negeri Sembilan	Kuala Pilah Port Dickson Seremban	Senawang Port Dickson Seremban		
		Semasa perjalanan melalui Tambak Johor & Linkedua Semasa perjalanan melalui Jambatan Pulau Pinang				Kenderaan berakhir dengan nombor plat ganjil Contoh: 9pg, 1ptg, 7mlm Kenderaan berakhir dengan nombor plat genap Contoh: 10pg, 2ptg, 8mlm
		Bebas				Sebelum 9.00 pagi & Selepas 10.00 malam
TARIKH	PERJALANAN			CADANGAN WAKTU MEMASUKI LEBUHRAYA		
	DARI	KE		PILIHAN 1	PILIHAN 2	
		NEGERI	BANDAR UTAMA			PILIHAN PLAZA TOL
10 - 18 Ogos 2013 & 1 September 2013	Lembah Klang	Perlis, Kedah dan Pulau Pinang	Alor Setar & Butterworth	Juru	Antara 9.00 pagi - 11.00 pagi	
		Perak Tengah	Ipoh	Ipoh Selatan atau Gopeng		
		Johor	Johor Bahru Batu Pahat Muar	Skudai atau Senai Utara Yong peng Utara atau Ayer Hitam Tangkak atau Pagoh	Antara 6.00 petang - 8.00 malam	
		Melaka	Alor Gajah	Simpang Ampat atau Pedas Linggi		
		Perak Utara	Taiping	Changkat Jering atau Taiping Utara Ipoh Selatan atau Kuala Kangsar	Antara 2.00 petang - 5.00 petang	
		Perak Selatan	Bidor & Tapah Teluk Intan & Lumut	Bidor & Tapah Slim River, Sungkai atau Gopeng		
		Melaka	Jasin Bandaraya Melaka	Jasin atau Ayer Keroh Ayer keroh	Selepas 10.00 malam	
		Negeri Sembilan	Kuala Pilah Port Dickson Seremban	Senawang Port Dickson Seremban		
		Semasa perjalanan melalui Tambak Johor & Linkedua Semasa perjalanan melalui Jambatan Pulau Pinang				Kenderaan berakhir dengan nombor plat ganjil Contoh: 9pg, 1ptg, 7mlm Kenderaan berakhir dengan nombor plat genap Contoh: 10pg, 2ptg, 8mlm
		Bebas				Sebelum 9.00 pagi

*Nota : Perjalanan yang tidak disenaraikan dan kenderaan komersil tidak tertakluk dengan cadangan ini.

• DERMA DARAH

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah menganjurkan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2013 di Dewan Serbaguna LLM. Program ini berlangsung sepanjang hari dengan pengisian aktiviti keselamatan dan kesihatan seperti ceramah kesihatan, pemeriksaan kesihatan dan demonstrasi bantuan kecemasan dan program derma darah. Di samping penganjuran Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerja tersebut, turut diadakan Majlis Penganugerahan Persijilan OHSAS 18001:2001/MS1722/2011 dan

MS ISO/IEC 27001:2007 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd atas kejayaan LLM melaksanakan sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat.





• **ADIDAS KING OF THE ROAD**

Larian Adidas King of the Road 2013 juga dikenali sebagai KOTR adalah kejohanan larian yang diadakan di 5 buah negara di Asia Tenggara, iaitu Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Malaysia. Adidas KOTR dianjurkan di kawasan-kawasan bandar dan acara kemuncaknya ialah Adidas KOTR Championship Race, yang akan dihoskan oleh negara yang berbeza setiap tahun dan tahun ini Malaysia terpilih sebagai tuan rumah. Perlumbaan ini akan diadakan di Lebuhraya Pantai Baru(NPE), Sunway Pyramid pada 20 Oktober 2013, hari Ahad pada jam 6.45 pagi. Sehubungan dengan itu, lebuhraya NPE akan ditutup pada hari tersebut, bagi memudahkan sesi perlumbaan berlangsung. Oleh itu, sila ambil alternatif jalan yang lain.

Jarak perlumbaan kejohanan adalah 16.8km. Pada kali ini, satu kategori baru juga akan diperkenalkan pada tahun ini—perlumbaan 10km junior untuk mereka yang berusia antara (15–17 tahun).



• **SHIMANO HIGHWAY CHALLENGE 2013–LEBUHRAYA LEKAS**

Acara pertandingan berbasikal ini diadakan pertama kali di Lebuhraya Kajang Seremban (LEKAS) berjarak 73 kilometer bermula dan berakhir di Plaza Tol Kajang Selatan dengan keseluruhan lebuh raya telah ditutup untuk acara ini. Ia telah diadakan pada 24 November 2013 dan disertai lebih 1500 orang pelumba. Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB. Datuk Hj. Fadillah Hj. Yusof dan Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Dato' Ismail Md. Salleh yang telah bekerjasama dengan pihak penganjur dengan menyediakan lokasi perlumbaan.



YB. Dato' Sri Hj. Fadillah dan KP LLM bersama para pemenang SHCL



KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
MINISTRY OF WORKS MALAYSIA

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya Malaysia
Tingkat 6, Blok B
Kompleks Kerja Raya
Jalan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur

03 - 2771 1100



03 - 2771 1101



pro@kk.gov.my



Kementerian Kerja Raya



@MOWorks



Kementerian Kerja Raya



www.kkr.gov.my



android
Kod



iphone
Kod